	(76) ASP Mohd Nazlan Bin Hambali (77) ASP Mohd Ridhuan Mohina Din [IPD Terengganu] (78) ASP Muhamad Sahar [IPD Kemaman] (79) ASP Nik Mohd Fadli [IPD Kemaman] (80) ASP Othman bin Ibrahim (81) ASP Robi bin Hj. Loman [Cawangan Khas] (82) ASP Shahrin bin Kamalzaman [IPD Terengganu] (83) ASP Shahron Azizi Romly [SB IPK Terengganu] (84) ASP Tuan Rosnah Binti Tuan Hussain [IPD Terengganu] (85) ASP Zul Ilham [IPD Kemaman] (86) DSP Mohamad Yasir Bin Ismail [IPD Kemaman] (87) Supt. Razak Hassan [KJSPT Terengganu] (88) Supt. Zainal Abidin [Cawangan Khas] (89) ASP Amin bin Sidek [IPK Terengganu] (90) ASP Leong Wei Kong [IPK Terengganu] (91) ASP Liao Yu Ten [IPK Terengganu] (92) ASP Mohd. Maizatu Azman bin Mohd. Salleh [PDRM Terengganu] (93) ASP Wan Mohd. Sukri bin Wan Yusoff [PDRM Terengganu] (94) ASP Kamarul Hamizi bin Zaharin [IPD Besut] (95) ASP Badrul Hisham bin Jaafar [IPD Besut]
	<p>Persatuan Pegawai Kanan Polis Bahagian B Zon Pantai Timur</p> <p><u>Pembentang</u></p> <p>Insp. Mohd Ridzuan bin Mamat [IPK Terengganu]</p> <p><u>Pemerhati</u></p> <p>(1) Insp. Abdul Haris Ikmal Azhar [PDRM Terengganu] (2) Insp. Fauziah binti Spawi [PDRM Terengganu] (3) Insp. Mohd Al-Hafiz Husain [IPD Marang] (4) Insp. Mohd Faizal bin Ari [IPD Besut] (5) Insp. Mohd Faizal bin Idris [PDRM Terengganu] (6) Insp. Nor Idayu binti Abdul Aziz [PDRM Terengganu] (7) Insp. Saiful Bahri Baharin [PDRM Terengganu] (8) Insp. Siti Shamila binti Yakabasah [PDRM Terengganu] (9) Insp. Amran bin Mohd Khalid [IPD Bachok] (10) Insp. Anthony Vivian Anak Latit [IPD Raub] (11) Insp. Azree bin Nasiuddin [IPD Pasir Puteh] (12) Insp. Hafiz bin Nazarah [IPD Pasir Mas] (13) Insp. Hazumi bin Ibrahim [IPD Bentong] (14) Insp. Md Raizan bin Yusoff [IPD Pasir Puteh] (15) Insp. Mohd Fairus bin Rosly [IPD Kuala Krai] (16) Insp. Mohd Sufian bin Zakaraih [IPD Pasir Puteh] (17) Insp. Muhammad Noor Shafiq bin Abd Kuhar [IPD Pasir Mas] (18) Insp. Muner bin Mihd Tahar [PD Pasir Mas] (19) Insp. Nini binti Yusof [IPD Temerloh] (20) Insp. Noor Azamin bin Noor Azahar [IPD Tumpat] (21) Insp. Nor Azura bin Zahari [IPD Pasir Mas] (22) Insp. Noradaryah Che Hasan [PDRM Kelantan]</p>

TARIKH /HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU
	(23) Insp. Nur Harirah Binti Zulkifli [IPD Jerantut]
	(24) Insp. Roslan bin Osman [IPK Kelantan]
	(25) Insp. Roziah binti Che Mustafa [IPD Bachok]
	(26) Insp. Syed Mustafa bin Syed Ahmad [IPD Tumpat]
	(27) Insp. Wan Razali bin Wan Hasan [PDRM Pahang]
	(28) Insp. Yuvarajan Ramaiyah [PDRM Pahang]
	(29) Insp. Zainuddin bin Ali [IPD Machang]
	(30) Insp. Mohd Rauf bin Md Wari [PDRM Pahang]
	(31) Insp. Farah Nurain Bt Muhammad Khairul Anuar Kannumal
	(32) Insp. Mali Bin Wadjar [PDRM Terengganu]
	(33) Insp. Muhammad Ridhwan bin Burhanuddin [IPD Marang]
	(34) Insp. Wan Saiyiarul Azu bin Wan Dania [PDRM Terengganu]
	(35) Insp. Saiful [PDRM Terengganu]
	(36) Insp. Hasham Hazarmi bin Che Had [IPK Besut]
	(37) Insp. Mohd Shahrul Nizam Abd Wahab [PDRM Terengganu]
	(38) Insp. Adnan bin Solahudin [PDRM Terengganu]
	(39) Insp. Mahamad Harith bin Annuar
	(40) Insp. Ahmad Tarmizi bin Umar
	(41) Insp. Muhd Syukri Disim [PDRM Terengganu]
	(42) Insp. Mohd Hazwan Bin Ibrahim [PDRM Terengganu]
	(43) Insp. Bulian [KB StaRT H/Trg]
	(44) Insp. Ershah Izzani Bin Mohd Isa [JSJ Ipd Besut]
	(45) Insp. Hussani Amir bin Mohd Noor [JSJ IPK Trg]
	(46) Insp. Irwan Irwadi bin Alizi [IPK Trg]
	(47) Insp. Mohamad Hashieme Zulhaili Bin Jaafar
	(48) Insp. Mohamad Shazli
	(49) Insp. Mohamad Yushairy [IPG Terengganu]
	(50) Insp. Mohd Fauzi bin Yaacob [IPD Terengganu]
	(51) Insp. Mohd Hisham bin Abu Bakar
	(52) Insp. Mohd Shaqir bin Idris [IPK Terengganu]
	(53) Insp. Mohd Zharig Abdul Razak
	(54) Insp. Muhamad Azim bin Azhar [Narkotik IPD Marang]
	(55) Insp. Muhammad Idzwan bin Mokhti [IPK Kuala Terengganu]
	(56) Insp. Muhammad Syukri bin Anuar
	(57) Insp. Muhammad Syukri bin Anuar [BSPTD Terengganu]
	(58) Insp. Muhd Fakhri [Kemaman]
	(59) Insp. Nooramirah [IPD Kuala Terengganu]
	(60) Insp. Shahidatul Alyda binti Nordin [BSPTD Terengganu]
	(61) Insp. Shamsuri [Hulu Terengganu]
	(62) Insp. Siti Aniza binti Askulali [JSJ IPD Terengganu]
	(63) Insp. Syarifah Nurhaida binti Syed A Wahab [JSPT Besut]
	(64) Insp. Yaakob [KBPD Hulu Terengganu]
	(65) Insp. Mohd. Azrul Nizam bin Azrai [PDRM Terengganu]
	(66) Insp. Mohamad Hafiy bin Hamzah [PDRM Terengganu]
	(67) Insp. Fathul Zahara binti Razali [PDRM Terengganu]
	(68) Insp. Wan Nurhafizah binti Mohd. Rodzlad [IPD Kuala Terengganu]
	(69) Insp. Salwa Asyikin binti Senin [IPD Kuala Terengganu]
	(70) Insp. Ridhuan bin Rosli [IPD Kuala Terengganu]

TARIKH /HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU
	(71) Insp. Ab. Rashid bin Samad [IPK Terengganu] (72) Insp. Ersman Izzani Md. Isa [PDRM Terengganu] (73) Insp. Hafis bin Nazarah [IPD Pasir Mas] (74) Insp. Mohamad Talib bin Mat Lazim [PDRM Terengganu] (75) Insp. Muner bin Md. Taha [IPD Pasir Mas] (76) Insp. Noor Haslinda binti Mustapha Kamal [IPD Kota Bharu] (77) Insp. Tun Aiman Azmi [PDRM Terengganu]
	<p>Persatuan Pegawai Pangkat Rendah Polis Diraja</p> <p><u>Pembentang</u></p> <p>SM Mat Ali bin Mat Daling-[IPK Terengganu]</p> <p><u>Pemerhati</u></p> <p>(1) Konst. Muhammad Salehuddin Isri [PDRM Caw. Khas IPK Terengganu] (2) Konst. Rafael [PDRM Terengganu] (3) Konst. Zulkiflie bin Rahizat [PDRM Terengganu] (4) Kpl. Alias bin Ramli [IPD Besut] (5) Kpl. Mazlan Ismail (6) Kpl. Mazlyan bin Samari [PDRM Terengganu] (7) Kpl.Mohamad Junaidi bin Jamaludin [PDRM Terengganu] (8) Kpl. Mohamad Khalid bin Maideen [PDRM Terengganu] (9) Kpl. Mohamad Ropi bin Ismail [IPD Besut] (10) Kpl. Mohamad Zailani bin Kamarul Zam [IPD Besut] (11) Kpl. Mohd Azhar [IPD Besut] (12) Kpl. Mohd Faizal bin Che Mat [PDRM Terengganu] (13) Kpl. Mohd Nasir bin Che Ahmad [IPD Besut] (14) Kpl. Mohd Rosli bin Md Nor [IPD Besut] (15) Kpl. Mohd Shahzulan bin Mazlan [IPD Besut] (16) Kpl. Muhammad Arif bin Abdullah [PDRM Caw. Khas IPK Terengganu] (17) Kpl. Nik Samri [PDRM Terengganu] (18) Kpl. Nor Maisara Mahazam [PDRM Terengganu] (19) Kpl. Norida binti Ali [PDRM Terengganu] (20) Kpl. Rasyidah Mustafa [PDRM Terengganu] (21) Kpl. Rohana binti Yosoh [IPD Besut] (22) Kpl. Rohaya Mat Jali [PDRM Terengganu] (23) Kpl. Saat bin Abd Samat [PDRM Terengganu] (24) Kpl. Safina binti Mad Salleh [PDRM Terengganu] (25) Kpl. Salim bin Othman [IPD Besut] (26) Kpl. Shahairol Shaban Shah [PDRM Terengganu] (27) Kpl. Sharifuddin [PDRM Terengganu] (28) Kpl. Tan Won Jin [IPD Besut] (29) Kpl. Yusrizal bin Yusof [PDRM Terengganu] (30) Kpl. Zulkifle bin Ismail [PDRM Terengganu] (31) L/ Kpl. Mohamad Hisyam bin Che Dahlan [IPD Besut] (32) L/Kpl. Mohamad Khairul bin Solah [IPD Besut] (33) L/Kpl. Mohd Khairulnuddin bin Hamid [IPD Besut] (34) L/Kpl. Noor Shaarizam bin Shaari [IPD Besut] (35) Pn. Farhana Binti Abdul Rashid [PDRM Terengganu]</p>

TARIKH /HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU
	(36) Pn. Rafidah binti Yusof [IPD Besut]
	(37) Pn. Safina bin Md Salleh [PDRM Terengganu]
	(38) Pn. Zaira binti Maamor [IPD Besut]
	(39) Sjn. Mohd Ridzuan bin Yusoff [IPD Marang]
	(40) Sjn. Muhaimi [PDRM Terengganu]
	(41) Sub Insp. Asham Jamiku [PDRM Terengganu]
	(42) Sub Insp. Zulkifli bin Abdullah [IPD Besut]
	(43) SM Saharil Ash bin Md Taib [IPD Besut]
	(44) SM Zalera Binti Maamor [IPD Besut]
	(45) En. Ahmad Hafizuddin [PDRM Terengganu]
	(46) En. Asri bin Afwi [PDRM Terengganu]
	(47) En. Azizi bin Hassin [PDRM Terengganu]
	(48) En. Hafiz bin Mohd Syah [PDRM Terengganu]
	(49) En. Hassan Adeli bin Daud [PDRM Terengganu]
	(50) En. Hazdy Haris [PDRM Terengganu]
	(51) En. Mahayudin Omar [PDRM Terengganu]
	(52) En. Md Isa Yacob @ Sabio [PDRM Terengganu]
	(53) En. Mohamad Nazri bin Mohamad Nor [PDRM Terengganu]
	(54) En. Mohd AAlfik bin Bakar [PDRM Terengganu]
	(55) En. Mohd Aluwi bin Husain [PDRM Terengganu]
	(56) En. Mohd Faizil Othman [PDRM Terengganu]
	(57) En. Mohd Johan bin Othman [IPD Besut]
	(58) En. Mohd Najib Ahmad [IPD Besut]
	(59) En. Mohd Rafime bin Zakri [PDRM Terengganu]
	(60) En. Mohd Ridhuan bin Mohd Tamin [PDRM Terengganu]
	(61) En. Mohd Rozi bin Abdullah [PDRM Terengganu]
	(62) En. Mohd Shahrulrizal bin Kamaruzaman [PDRM Terengganu]
	(63) En. Muhamad Sabri bin Ismail [PDRM Terengganu]
	(64) En. Muzani Yusof [IPD Besut]
	(65) En. Norhisyamuddin bin Keria [PDRM Terengganu]
	(66) En. Roslan bin Awang [PDRM Terengganu]
	(67) En. Shahrul Azhar [PDRM Terengganu]
	(68) En. Tarmime [IPD Besut]
	(69) En. Wan Faiz Noor bin Wan Ghazali [PDRM Terengganu]
	(70) En. Yusman bin Mamat [PDRM Terengganu]
	(71) En. Zuhadri bin Mohamad [PDRM Terengganu]
	(72) Kpl. Ab Ghani bin Ibrahim [IPD Jeli]
	(73) Kpl. Abdul Mutalib bin Che Mohamad [IPD Machang]
	(74) Kpl. Azmir bin Abd Rahim [IPD Kuala Krai]
	(75) Kpl. Hamzah bin Yahaya [IPD Gua Musang]
	(76) Kpl. Hassan bin Sulaiman [PDRM Kelantan]
	(77) Kpl. Mohd Ridzuan bin Mohd Salleh [IPD Maran]
	(78) Kpl. Mohd Roslan bin Abdullah Sani [IPD Maran]
	(79) Kpl. Mohd Shafiq bin Mazlan [PDRM Pahang]
	(80) Kpl. Mohd Shah Adzrul [PDRM Kelantan]
	(81) Kpl. Mohd Shamsukri bin Mat Hussin [PDRM Pahang]
	(82) Kpl. Mohd Syaifful Hisham bin Jamaruddin [IPD Bachok]
	(83) Kpl. Samri Wahab [IPD Bachok]
	(84) Kpl. Tg. Nor Azlan bin Raja Ismail [IPD Pekan]
	(85) P/SI Korlin bin Abd Hamid [IPD Maran]
	(86) Sub Insp. Abdul Rashid bin Ali [PDRM Pahang]
	(87) Sjn. Ahmad Romjar bin Ngah [IPD Pasir Mas]

TARIKH /HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU
	(88) Sjn. Dzulkarnaim Ab Rahman [IPD Tumpat]
	(89) Sjn. M-Najid bin Ab Mubin [IPD Pekan]
	(90) Sjn. Muhamad Hassan bin Ibadullah [IPD Machang]
	(91) Sjn. Rahim bin Abbas [IPD Pasir Puteh]
	(92) Sjn. Wan Azmi [PDRM Kelantan]
	(93) Sub Insp. Mohd Zaki bin Mohd Nor [PDRM Pahang]
	(94) SM Ahmad Shukri Bin Hassan [IPK Kelantan]
	(95) SM Azhar bin Abd Rahman [PPRPB Kelantan]
	(96) SM Din Jama Yusuf [IPD Jeli]
	(97) SM Mat Shaari bin Mahmud [IPD Kota Bharu]
	(98) SM Sulaiman Hussin [IPD Tanah Merah]
	(99) SM Wan Fauzi bin Wan Seman [PPRPD IPD Kota Bharu]
	(100) En. Mohd Zamani bin Mohd Nawawi [IPD Jeli]
	(101) En. Wan Fauzi [PDRM Kelantan]
	(102) En. Wan Naqiuddin [PDRM Kelantan]
	(103) L/Kpl. Nor Iman bin Nor Aziz [PDRM Terengganu]
	(104) SM Yaacob Musa Sm [IPD Besut]
	(105) Sjn. Zahari Bin Mat Taib [PDRM Terengganu]
	(106) L/Kpl. Muhammad Adzua Syahmi bin Abdul Aziz [PDRM Terengganu]
	(107) L/Kpl. Siti Norain [PDRM Terengganu]
	(108) Kpl. Xarina Bt Zahari [PDRM Terengganu]
	(109) L/Kpl. Adli Arish bin Othman [PDRM Terengganu]
	(110) Kpl. Khalid Sufian Jsow [PDRM Terengganu]
	(111) Kpl. Mohd Fadli bin Zaharie [PDRM Terengganu]
	(112) Sjn. Mohd Zul Bin Salleh [PDRM Terengganu]
	(113) Kpl. Mohd Ramli Binmat Jusoh [PDRM Terengganu]
	(114) Kpl. Kaha Hitam [PDRM Terengganu]
	(115) D/Kpl. Mohd Nafis Bin Yatim [PDRM Terengganu]
	(116) Sjn. Khatijah binti Mamat [PDRM Terengganu]
	(117) Sjn. Hamid Rosman bin Abd [PDRM Terengganu]
	(118) Konst. Norazma Amira binti Abdul Kari [Gerakan IPD Terengganu]
	(119) Kpl/S Mohd Khairul Zainizam Bin Mohamad
	(120) Sjn. Raimi bin Omat
	(121) Kpl. Siti Noraziah [Mahkamah Trafik PDRM Terengganu]
	(122) D/Kpl. Faizul Asraf Bin Mustafa
	(123) Sjn. Yamin Daud [Caw Khas PDRM Kuala Terengganu]
	(124) Sjn. Narmuzahas bin Ujang [PDRM Terengganu]
	(125) Kpl. Mohd Muzammil Kamaruddin [PDRM Terengganu]
	(126) D/Sjn. Roshalinda Harif bin Mat Hashim [PDRM Terengganu]
	(127) Pn. Siti Fatimah Bt Mohd Said
	(128) D/Sjn. Mohd Nazri bin Mohd Nawawi [IPD Besut]
	(129) Sjn. Mohd Napi bin Abd Bakar
	(130) En. Nur Kamaruddin bin Raja Husin
	(131) Kpl. Wan Mohd Firdi Jswn [PDRM Terengganu]
	(132) Kpl. Kamil Paiman [PDRM Terengganu]
	(133) Sjn. Azlina binti Abdul Aziz [PDRM Terengganu]
	(134) D/Kpl. Amirul Hijaz bin Buang [Narkotik IPD Marang]
	(135) D/Kpl. Hairol Nizam bin Prayet [JSJN IPD Besut]
	(136) D/Kpl. Mohamad Shairul Farhan bin Samsuhaimi [JSJN IPD Besut]
	(137) D/Kpl. Wan Nor Zuraida binti Wan Solleh [JSJN IPD Besut]

TARIKH /HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU
	(138) Konst. Abdul Rahman bin Kamarazaman [IPD Kuala Terengganu]
	(139) Konst. Ahmad Fikri
	(140) Konst. Fernandes [IPD Kuala Terengganu]
	(141) Konst. Hisyam [JSJ IPK Terengganu]
	(142) Konst. Mohamad Hakim bin Mohamad Noor [JSJ IPK Terengganu]
	(143) Konst. Mohd Fitri bin Abdul Samad [IPD Marang]
	(144) Konst. Muhammad Afeeq Bin Mohd Din [IPD Terengganu]
	(145) Konst. Wan Muhamad Isma Ilham Bin Wan Zakari
	(146) Konst. Mohd Rusli [JSJ IPK Terengganu]
	(147) Konst. Nik Nor Salam Al- Hafiz Bin Nik Shamsuddin [JSJ IPK Terengganu]
	(148) Kpl. Adeam [IPD Terengganu]
	(149) Kpl. Aliff bin Suhaimee
	(150) Kpl. Amisya [Istana Terengganu]
	(151) Kpl. Amran bin Mohamed [IPD Marang]
	(152) Kpl. Badri [BP Kuala Terengganu]
	(153) Kpl. Baharussin bin Mohd Nawi [JSPT Besut]
	(154) Kpl. Faisal Amri [IPD Marang]
	(155) Kpl. Jasmin Jamali [BP Kuala Terengganu]
	(156) Kpl. Johari [Orderly KP]
	(157) Kpl. Kamsiah Binti Abdul Razak
	(158) Kpl. Mastura binti Seman [JSPT Besut]
	(159) Kpl. Mat Hassan bin Mat Jusoh [JSPT Besut]
	(160) Kpl. Mohamad Anuar bin Zakaria [PSJN Trg]
	(161) Kpl. Mohamad Saifullah bin Abdul Rauh [IPK Trg]
	(162) Kpl. Mohamad Zamri bin Nopiah [JSJ IPK Trg]
	(163) Kpl. Mohammad Nasir bin Natcheman [IPD Besut]
	(164) Kpl. Mohd Azmin bin Sharul
	(165) Kpl. Mohd Azrul Aminur Rashid bin Mohamad Rosli [IPK Terengganu]
	(166) Kpl. Mohd Fahruji Bin Hj. Abdul Natib [IPK Terengganu]
	(167) Kpl. Mohd Hafizi bin Isa
	(168) Kpl. Mohd Hanafi [IPD Marang]
	(169) Kpl. Mohd Hanafi Ramli [ISM Trg]
	(170) Kpl. Mohd Nazri bin Abdullah [JSPT Besut]
	(171) Kpl. Mohd Nor Ikwon bin Yazid [BP C/Tiga Terengganu]
	(172) Kpl. Mohd Rizal bin Anuar [IPD Besut]
	(173) Kpl. Mohd Sakhi bin Ab Halim [C/Khas IPD Besut]
	(174) Kpl. Mohd Sharizad bin Mohd Sharif [JSJ IPK Terengganu]
	(175) Kpl. Mohd Syahmen bin Mohamaad @ Mahmud
	(176) Kpl. Mohs Isa bin Hairudin [C/Khas IPD Besut]
	(177) Kpl. Muhamad Zunaidi bin Ibrahim [IPD Terengganu]
	(178) Kpl. Muhammad bin Abdullah Sani [JSJ IPK Terengganu]
	(179) Kpl. Musair [IPD Terengganu]
	(180) Kpl. Nik Sharifah Zakiah binti Abdullah [BSPTD Terengganu]
	(181) Kpl. Noor Fazril Azimi bin Yahya [IPD Besut]
	(182) Kpl. Nurul Zawanah Zalifah
	(183) Kpl. Romie Faisal bin Mohamad Limin [BSPTD Terengganu]
	(184) Kpl. Saiful Azhar [JSJ IPK Terengganu]
	(185) Kpl. Saiful Izwan [IPD Kuala Terengganu]

TARIKH /HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU
	(186) Kpl. Salahuddin [BP Kuala Terengganu]
	(187) Kpl. Shahenizan bin Saidin [BP Chabang Tiga, Terengganu]
	(188) Kpl. Sukri [IPD Kuala Terengganu]
	(189) Kpl. Syukhri bin Ahmad [JSJN IPD Besut]
	(190) Kpl. Wan Azhar bin Wan Aznam [IPK Terengganu]
	(191) Kpl. Wan Hasni bin Wan Mohd Yusuf
	(192) Kpl. Wan Jasrol bin Wan Mohd Yunus [BSPTD Terengganu]
	(193) Kpl. Wan Mohd Firdaus [BP Marang]
	(194) Kpl. Zubair [JSJ IPK Terengganu]
	(195) Kpl. Zulaiha Binti Mohd Noor [BSPTD Terengganu]
	(196) D/Kpl. Abdul Manaf Bin Ahmad [IPD Terengganu]
	(197) D/Kpl. Azhfan [PD H Terengganu]
	(198) D/Kpl. Ikhsan Aizat [IPD Dungun]
	(199) D/Kpl. Mat Rofie [JSJ IPK Trg]
	(200) D/Kpl. Mohd Rosdi Bin Hisyam [IPD Terengganu]
	(201) D/Kpl. Muhamad Safry [IPK Terengganu]
	(202) D/Kpl. Nor Afizul [IPD Dungun]
	(203) D/Kpl. Nur Hakim bin Zakaria [SB IPK Terengganu]
	(204) D/Kpl. Ros Nazira binti Md Naw [IPD K/Terengganu]
	(205) D/Kpl. Rosni Bin Jusuh [IPD Dungun]
	(206) L/ Kpl. Mohd Amizan bin Dahkan [JSJ IPK Terengganu]
	(207) L/ Kpl. Nejothan A/L Ganasyran [JSJ IPK Terengganu]
	(208) L/Kpl. Abdul Ahnaf [BP K/Trg]
	(209) L/Kpl. Mashitah Binti Othman
	(210) L/Kpl. Mohd Fadzul [IPD Marang]
	(211) P/Kpl. Mohd Sharman Bin Razaki [Terengganu]
	(212) Sjn. Abdul Kadir bin Aziz [JSJ IPK]
	(213) Sjn. Abdul Rashid bin Abdul Ghani
	(214) Sjn. Ahmad Mohin Muhammad
	(215) Sjn. Azizi bin Ibrahim [C/Khas IPD Besut]
	(216) Sjn. Ibrahim [Pengangkutan H/Trg]
	(217) Sjn. Mohamad Hup Hafizzudin [JSJN IPD Besut]
	(218) Sjn. Mohamad Saufi [JSJ IPK Trg]
	(219) Sjn. Mohd Farhan bin Che Nordin [IPD Terengganu]
	(220) Sjn. Mohd Zaki [IPD H/Trg]
	(221) Sjn. Mohd Zawawi bin Salleh [IPK Terengganu]
	(222) Sjn. Mohd Nazi
	(223) Sjn. Nik Zainal
	(224) Sjn. Noor Azman bin Arifin [Jips PDRM]
	(225) Sjn. Nordin Hassan [Istana Terengganu]
	(226) Sjn. Razali [BHPS Terengganu]
	(227) Sjn. Roshayati binti Sallehudin [PSJN Terengganu]
	(228) Sjn. Sharol Nizam bin Musa [IPD Besut]
	(229) Sjn. Zahari bin Basri [JSJ, IPK Terengganu]
	(230) Sjn. Zainun binti Mohd Hassan [IPK Terengganu]
	(231) Sjn. Zaulkefli [Mahkamah Terengganu]
	(232) D/Sjn. Abdul Kadir bin Aziz [JSJ IPK Terengganu]
	(233) D/Sjn. Syed Safari bin Syed Mohamed
	(234) Sub Insp. Mohd Yusuf bin Othman
	(235) SM Abdul Aziz bin Mohd Latif [IPD Marang]
	(236) SM Abdul Majid [TSM Terengganu]
	(237) SM Ahmad Ridhuwan Bin Ishak
	(238) SM Aziz bin Abdullah
	(239) SM Aziz bin Mohamed
	(240) SM Azmi bin Daud

TARIKH /HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU
	(241) SM Halim
	(242) SM Md Salleh [JSJ IPK]
	(243) SM Mohamad Zabani Bin Abdul Ghani [BP C/Tiga Terengganu]
	(244) SM Mohd Asri [IPD Terengganu]
	(245) SM Rahim Umal [IPD Dungun]
	(246) En. Muhamad Khairil bin Tuan Kub [IPD Setiu]
	(247) En. Ahmad Ari Harmadi Din Rahman [C/Khas]
	(248) En. Ahmad Mahiri bin Muhammad [Gerakan IPK]
	(249) En. Arizal Fiveroses bin Fhazali [IPD Setiu]
	(250) En. Che Mohd Arif bin Che Mohamad
	(251) En. Edzrie bin Edih [C/Khas]
	(252) En. Hafiz bin Stapha [IPK Terengganu]
	(253) En. Hamale bin Hamzah
	(254) En. Khairul Ikmal Bin Khairudin [BP C/Tiga, Terengganu]
	(255) En. Khamaruzaman bin Sabtu [Gerakan IPK]
	(256) En. Mohd Azizan bin Asmai
	(257) En. Mohd Hafizi Amri bin Mazlan [C/Khas]
	(258) En. Mohd Kahrudin Jamil [IPD Setiu]
	(259) En. Mohd Zuki bin Awang
	(260) En. Muhamad Izzul Farhan bin Zainuddin [IPD Setiu]
	(261) En. Muhammad Akmal Kamarulzaman [IPK Terengganu]
	(262) En. Mustaqim
	(263) En. Noorazmani Ismail [IPD Setiu]
	(264) En. Sulaiman Jaafar
	(265) En. Wan Hasmidi Wan Ali [IPK Terengganu]
	(266) En. Wan Zainun Wan Deris [Gerakan IPK]
	(267) En. Mohd. Fauzirwan [PDRM Terengganu]
	(268) En. Wan Tarmizi Wan Mukhtar [PDRM Terengganu]
	(269) Pn. Wahida binti Abdul Majid [PDRM Terengganu]
	(270) En. Mazdi bin Mohd. Nedor [PDRM Terengganu]
	(271) En. Jadun bin Adnan [PDRM Terengganu]
	(272) Pn. Syahida binti Khazani [PDRM Terengganu]
	(273) En. Abd. Rashid bin Md. Yaman [PDRM Terengganu]
	(274) En. Farid Hasni bin Mamat [PDRM Terengganu]
	(275) En. Muhamad Nur Shafiq bin Mohd. Yusof [IPD Marang]
	(276) En. Kamarulzaman bin Abdullah [IPD Dungun]
	(277) En. Muhd. Farahuwan bin Mohd. Tajudin [IPD Marang]
	(278) En. Muhammad Mizam bin Zulkafli [IPD Kuala Terengganu]
	(279) Kpl. Muhammad Hanaffi bin Shapri [IPD Besut]
	(280) Kpl. Mohd. Rosli bin Mohamed Zain [IPD Besut]
	(281) Kpl.Hashim bin Mohamad [IPK Terengganu]
	(282) En. Rohaidy bin Roham [IPD Kuala Terengganu]
	(283) Konst. Muhammad Azam bin Zulkefli [IPD Kuala Terengganu]
	(284) L/Kpl. Siti Nor Ain Munirah [IPD Kuala Terengganu]
	(285) Konst. Jawarang bin Japidi [PDRM Terengganu]
	(286) En. Muhamad Taufik bin Hassan [PDRM Terengganu]
	(287) Sjn. Wan Muhammad Arif bin Wan Musa [PDRM Terengganu]
	(288) Sjn. Muhammad Fariz bin Zaini [PDRM Terengganu]
	(289) Sjn. Eshah binti Daud [PDRM Terengganu]
	(290) SM. Danial Ab. Wahab [PDRM Terengganu]
	(291) En. Baharuddin Daud [PDRM Terengganu]

TARIKH /HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU
	(292) En. Nazrurazi bin Mat Daud [PDRM Terengganu]
	(293) En. Abdullah Yusoff [PDRM Terengganu]
	(294) En. Badrul Hisham bin Md. Sharif [PDRM Terengganu]
	(295) En. Zamri bin Ismail [PDRM Terengganu]
	(296) En. Md Kamsani bin Hj. Baseri [PDRM Terengganu]
	(297) En. Mohd. Firdaus bin Zulkefli [PDRM Terengganu]
	(298) En. Aman bin Long [PDRM Terengganu]
	(299) En. Aminuddin bin Abdullah [PDRM Terengganu]
	(300) En. Muhammad Hamizan [PDRM Terengganu]
	(301) En. Azeran bin Azemi [IPK Terengganu]
	(302) En. Azhari [PDRM Pahang]
	(303) D/Sjn. Rosli bin Mustapha [IPK Terengganu]
	(304) En. Faizal Hafizul bin Mohd. Zaki [IPK Terengganu]
	(305) En. Irwan bin Basri [JSJ Terengganu]
	(306) Konst. Aide Syamrie [IPD Marang]
	(307) Konst. Mohd. Najib [IPD Marang]
	(308) Konst. Mohd. Nasrul [IPD Marang]
	(309) Konst. Nur Hidayah [IPK Terengganu]
	(310) Kpl. Abdul Malek bin Abd. Aziz [Kem Komandan]
	(311) Kpl. Aliff [IPD Marang]
	(312) Kpl. Asha [IPK Terengganu]
	(313) Kpl. Che Jamil bin Che Ahmed [IPK Terengganu]
	(314) Kpl. Fahmy [IPK Terengganu]
	(315) Kpl. Haironizam [PDRM Terengganu]
	(316) Kpl. Hasmadi bin Ghani [Kem Komandan]
	(317) Kpl. Mohd. Abdul Salam bin Zaib [Kem Komandan]
	(318) Kpl. Mohd. Adeli bin Abdullah [IPK Terengganu]
	(319) Kpl. Mohd. Habibullah bin Mohd. Hambali [IPD Dungun]
	(320) Kpl. Mohd. Syafiq [IPD Marang]
	(321) Kpl. Mohd. Yusop [IPK Terengganu]
	(322) Kpl. Mohd. Zamil [IPK Terengganu]
	(323) Kpl. Muhd. Farizul bin Suhairi [JSJ]
	(324) Kpl. Noordin Ali [IPK Terengganu]
	(325) Kpl. Nor Fazura binti Mat Ali [IPD Marang]
	(326) Kpl. Nor Mohamad Rizdwan bin Ismail [IPK Terengganu]
	(327) Kpl. Norkasmi bin Ali [Kem Komandan]
	(328) Kpl. Nur Maziha binti Shafie [JSJ]
	(329) Kpl. Nurul Shahrizan [IPD Marang]
	(330) Kpl. Rosmawati Harun [IPK Terengganu]
	(331) Kpl. Safif [IPK Terengganu]
	(332) Kpl. Wan Ahmad [IPD Kuala Terengganu]
	(333) Kpl. Wan Aimi Yusra Wan Zain [IPK Terengganu]
	(334) Kpl. Zakir [IPK Terengganu]
	(335) Kpl. Gary [IPK Terengganu]
	(336) L/Kpl. Khairul Najmi [IPD Kuala Terengganu]
	(337) L/Kpl. Kudus [IPK Terengganu]
	(338) L/Kpl. Mohd. Alif [IPD Marang]
	(339) L/Kpl. Mohd. Talib [IPD Marang]
	(340) En. Mohamad Fazari bin Zullkaply [IPK Terengganu]
	(341) En. Mohd. Bin Ahmad [IPK Terengganu]
	(342) En. Mohd. Fakri Idham bin Samsudin [IPK Terengganu]
	(343) En. Mohd. Hizwan bin Jahaya [IPD Kuala Terengganu]
	(344) En. Mulyadi bin Julaihi [IPK]
	(345) En. Musa bin Johari [IPD Dungun]
	(346) En. Rizal [IPD Kuala Terengganu]
	(347) En. Romejam bin Mat [IPK Terengganu]

TARIKH /HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU
	(348) D/Sub Insp. Abi Badar bin Ibrahim [IPK Terengganu] (349) Sjn. Akmal Hadi [IPD Marang] (350) Sjn. Azhar bin Ariffin [IPK Terengganu] (351) Sjn. Che Samsudin bin Yakub [Balai Manir, IPD Kuala Terengganu] (352) Sjn. Mohd. Hafizul [IPD Marang] (353) Sjn. Muhammad Firdaus bin Roslan [IPD Marang] (354) Sjn. Nik Heikal [IPD Kuala Terengganu] (355) Sjn. Rosli [IPD Kuala Terengganu] (356) Sjn.Pairan Munijo [PDRM Terengganu] (357) SM. Schov [IPD Marang] (358) En. Yusmi Qayyum bin Mohd. Yusof [IPD Kuala Terengganu] (359) En. Zulkefli [IPD Kuala Terengganu]
	<p>NGO dan Individu</p> <p><u>Pembentang</u></p> <p>YBhg. Dato' Kamarudin Mat Desa</p> <p><u>Pemerhati</u></p> <p>(1) YBhg. Datin Ramlah Asmuri (2) En. Johari bin Daud [Pesara Polis Dungun] (3) En. Tajudin bin Yusof [Pesara Polis Dungun] (4) En. Zolkifli bin Hamzah [Pesara Polis Marang] (5) En. Ramli bin Mohammad [RESPA Terengganu] (6) SM Mazlishah bin Abd Rahman [IPD Besut] (7) Kpl. Ahmad Ruslan bin Harshad [IPD Besut] (8) Kpl. Mohd Akmal Bin Md Daud (9) En. Danial bin Ali [RESPA] (10) En. Nasruddin Idrus [RESPA] (11) En. Mohd Ridwan bin Ismail [RESPA] (12) En. Ab Halim Bin Ya [RESPA] (13) Tn. Haji Abdullah bin Haji Ahmad [RESPA] (14) En. Dollah bin Daud [RESPA] (15) En. Muhammad Puad bin Abdul Majid [RESPA] (16) En. Abd Kahar bin Hamzah [Pesara] (17) En. Mathazir bin Ismail [Pesara] (18) En. Abdullah Muhamad [Peguam]</p>

3. Wakil-wakil pertubuhan / persatuan, individu, pihak-pihak berkepentingan dan berkepakaran telah hadir semasa sesi-sesi pendengaran awam diadakan. Laporan prosiding dan memorandum yang berkaitan disertakan bersama ini dalam bentuk cakera padat dan boleh diakses melalui portal Parlimen (<http://www.parlimen.gov.my>).

BAHAGIAN V

ISU-ISU SEMASA PROSIDING JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG MENGENAI RUU IPCMC 2019

Setelah mendengar cadangan dan pandangan wakil pegawai kanan AGC, pegawai kanan PDRM, jabatan-jabatan dalaman PDRM, persatuan polis, NGO, persatuan yang berdaftar, ahli akademik, individu-individu, IOPC, pihak-pihak berkepentingan dan berkepakaran, isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti yang berikut:

A. ISU-ISU KEPERLEMBAGAAN (CONSTITUTIONALITY)

1. Fungsi kawalan tatatertib (*disciplinary control*) oleh IPCMC adalah dikhuatiri bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan (PP)

- (a) Proviso pada Fasal (1) Perkara 140 PP membenarkan suatu pihak berkuasa lain untuk melaksanakan kawalan tatatertib terhadap semua atau mana-mana anggota PDRM melalui suatu Akta Parlimen seperti mana peruntukan berikut:

“140. (1) Maka hendaklah ada suatu Suruhanjaya Pasukan Polis yang bidang kuasanya hendaklah meliputi semua orang yang menjadi anggota pasukan polis dan yang, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada, hendaklah bertanggungjawab bagi pelantikan, pengesahan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan perjalanan kawalan tatatertib ke atas anggota pasukan polis:

Dengan syarat bahawa Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi perjalanan apa-apa kawalan tatatertib ke atas semua atau mana-mana anggota pasukan polis mengikut apa-apa cara dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang itu, dan dalam keadaan yang sedemikian, jika pihak berkuasa itu bukan Suruhanjaya itu, kawalan tatatertib yang boleh dijalankan oleh pihak berkuasa itu tidak boleh dijalankan oleh Suruhanjaya itu; dan tiada peruntukan undang-undang itu boleh menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini.”

- (b) Kuasa IPCMC untuk mengenakan hukuman turun pangkat atau buang kerja terhadap anggota pasukan polis dengan mengambil kira peruntukan Fasal (1) Perkara 135 PP seperti yang berikut:

"135. (1) Tiada seorang pun anggota mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (b) hingga (h) Fasal (1) Perkara 132 boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sesuatu pihak berkuasa yang rendah daripada pihak berkuasa yang, pada masa pembuangan kerja atau penurunan pangkat itu, mempunyai kuasa untuk melantik seseorang anggota perkhidmatan itu yang sama pangkatnya.

Dengan syarat bahawa dalam pemakaiannya bagi anggota perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (g) Fasal (1) Perkara 132, Fasal ini tidaklah terpakai bagi apa-apa undang-undang yang mungkin dibuat oleh badan perundangan mana-mana Negeri, selain Pulau Pinang dan Melaka, yang memperuntukkan bahawa segala kuasa dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri itu, selain kuasa untuk membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau perjawatan berpencen hendaklah dijalankan oleh suatu Lembaga yang dilantik oleh Raja Negeri itu

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa Fasal ini tidaklah terpakai bagi hal jika seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam Fasal ini dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sesuatu pihak berkuasa menurut sesuatu kuasa yang diwakilkan kepadanya oleh suatu Suruhanjaya yang baginya Bahagian ini terpakai, dan proviso ini hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian perlu Fasal ini mulai dari Hari Merdeka."

- (c) Pengambilalihan fungsi kawalan tatatertib oleh IPCMC daripada Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) menghakis kuasa kawalan tatatertib SPP;
- (d) Fungsi kawalan tatatertib IPCMC di bawah Perkara 140 PP adalah terikat dengan prinsip *natural justice* khususnya hak untuk didengar atau *right to be heard (audi alterem partem)* di bawah Fasal (2) Perkara 135 PP dan seksyen 29, Jadual Kesebelas PP. Fasal (2) Perkara 135 PP memperuntukkan seperti yang berikut:

"135. (2) Tiada seorang pun anggota sesuatu perkhidmatan yang disebut terdahulu boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat tanpa diberi peluang yang munasabah untuk didengar:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah terpakai bagi hal yang berikut:

(a) jika seseorang anggota sesuatu perkhidmatan itu dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadap anggota itu; atau

(b) jika pihak berkuasa yang diberi kuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat seseorang anggota sesuatu perkhidmatan itu berpuas hati bahawa kerana sesuatu sebab, yang hendaklah direkodkan oleh pihak berkuasa itu secara bertulis, kehendak Fasal ini tidaklah semunasabahnya dapat dilaksanakan; atau

(c) jika Yang di-Pertuan Agong, atau, dalam hal seseorang anggota perkhidmatan awam sesuatu Negeri, Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri itu, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya tidaklah suai manfaat kehendak Fasal ini dijalankan; atau

(d) jika apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran telah dibuat terhadap seseorang anggota sesuatu perkhidmatan itu, atau jika apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya telah dikenakan ke atas seseorang anggota yang sedemikian, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis:

Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi maksud Perkara ini, jika perkhidmatan seseorang anggota sesuatu perkhidmatan itu ditamatkan demi kepentingan awam di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (2) Perkara 132, penamatan perkhidmatan itu tidaklah merupakan pembuangan kerja sama ada atau tidak keputusan untuk menamatkan perkhidmatan itu dikaitkan dengan salah laku atau pelaksanaan kewajipan dengan tidak memuaskan oleh anggota itu berhubung dengan jawatannya, atau akibat penamatan itu melibatkan unsur hukuman; dan proviso ini hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian perlu Perkara ini mulai dari Hari Merdeka.”

- (e) Tiada pentakrifan “... perjalanan kawalan tatatertib” (“... exercise of disciplinary control”) dalam proviso Perkara 140 PP dan perlu ditetapkan sekatan/had mengenai maksud perkataan-perkataan tersebut;
- (f) Fasal (1) Perkara 140 PP hanya terhad pada kawalan tatatertib sahaja dan tidak termasuk kuasa penyiasatan jenayah sebagaimana terkandung di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] (KTJ);
- (g) Kekhuatiran bahawa penubuhan IPCMC adalah tidak berperlembagaan;

- (h) Terdapat tanggapan bahawa siasatan berhubung dengan aduan kes jenayah oleh IPCMC adalah tidak berperlembagaan;
 - (i) Cadangan agar IPCMC mengendalikan dan menyiasat semua jenis aduan salah laku termasuk kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] atau apa-apa undang-undang bertulis yang lain; dan
 - (j) Kebimbangan sama ada kawalan tata tertib termasuk menjalankan siasatan jenayah dan implikasi mengambil keterangan di bawah seksyen 112 KTJ bagi kes-kes tata tertib.
2. Proviso pada Fasal (1) Perkara 140 PP secara jelas memberikan pengecualian bagi suatu badan lain selain SPP untuk menjalankan fungsi kawalan tata tertib.
- (a) SPP terhenti daripada menjalankan fungsi kawalan tata tertib;
 - (b) Pelantikan Ketua Polis Negara (KPN) dan seorang wakil SPP sebagai anggota Lembaga Tata tertib IPCMC adalah dikatakan tidak sah kerana bidang kuasa kawalan tata tertib SPP di bawah PP telah diambil alih oleh IPCMC;
 - (c) Tiada keperluan untuk meminda proviso pada Fasal (1) Perkara 140 PP bagi menyatakan secara spesifik bahawa maksud frasa “mana-mana pihak berkuasa” digantikan sebagai “IPCCM”;
 - (d) Cadangan supaya SPP sebagai pihak berkuasa melantik mewakilkan kuasanya untuk membuang kerja dan menurunkan pangkat mana-mana anggota PDRM kepada Lembaga Tata tertib IPCMC;
 - (e) Proviso pada Fasal (1) Perkara 140 PP hendaklah dilihat secara keseluruhan dan harmoni dengan mengambil kira peruntukan Fasal (1) Perkara 135, Perkara 5 (Kebebasan diri / *Liberty of the person*) dan Perkara 8 (Kesamarataan / *Equality*) PP;

- (f) Fungsi dan kuasa IPCMC yang boleh menjalankan siasatan dan bertindak sebagai Lembaga Tatatertib dikhuatiri bercanggah dengan prinsip pengasingan kuasa (*separation of powers*) atau melampaui fungsi kawalan tatatertib; dan
- (g) Tiada isu percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) berbangkit kerana siasatan salah laku dijalankan oleh bahagian-bahagian dalaman IPCMC yang berbeza daripada Lembaga Tatatertib.

B. KAJIAN MODEL BADAN PEMANTAU LUAR NEGARA

3. Penanda aras kewujudan IPCMC

- (a) Penanda aras kewujudan IPCMC hendaklah mengambil kira amalan terbaik di luar negara berbanding tugas atau kawalan oleh badan luar;
- (b) Model badan pemantau (*oversight body*) luar negara tidak bertindak sebagai badan tatatertib;
- (c) Terdapat cadangan supaya IPCMC berfungsi sebagai badan pemantau (*oversight body*) sahaja; dan
- (d) Terdapat pandangan bahawa tiada kajian yang menyeluruh dilakukan untuk mengkaji kewajaran dan keberkesanan penubuhan IPCMC.

C. KEADILAN KEPADA ANGGOTA PASUKAN PDRM

4. Prinsip *natural justice*

- (a) IPCMC dianggap hanya tertumpu untuk menjatuhkan hukuman terhadap salah laku tanpa memperuntukkan hak *natural justice* kepada anggota PDRM;

- (b) IPCMC hanya dikhususkan kepada anggota PDRM sahaja berbanding EAIC yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan yang lain;
- (c) RUU IPCMC dikatakan tidak memperuntukkan ruang kepada anggota PDRM yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib IPCMC untuk mengemukakan rayuan;
- (d) Anggota PDRM disaran untuk diberikan hak diwakili (*right to be represented*) oleh peguam semasa prosiding tatatertib dan semakan kehakiman (*judicial review*); dan
- (e) Cadangan supaya RUU IPCMC memperuntukkan *Bill of Rights* bagi memastikan IPCMC sebagai Lembaga Tatatertib mematuhi prinsip *natural justice*.

5. Kredibiliti IPCMC sebagai suatu badan bebas (*independent body*)

- (a) Berhubung dengan kes kematian dalam jagaan (*death in custody*), mekanisme siasatan IPCMC dikatakan tidak mengambil kira faktor dalaman yang bukan dalam kawalan anggota PDRM;
- (b) Pihak-pihak yang berkepentingan boleh mengambil kesempatan untuk membuat tohmahan yang tidak berasas bagi menjejaskan imej dan integriti PDRM; dan
- (c) IPCMC seharusnya dilihat sebagai badan pemantau bebas (*independent oversight body*) yang berfungsi sebagai “semak dan imbang” (*check and balance*) bagi menangkis dakwaan dan pandangan skeptikal orang awam.

D. STATUS PESARA POLIS, POLIS BANTUAN DAN POLIS SIMPANAN

6. Terdapat kebimbangan sama ada pesara polis, polis bantuan dan polis simpanan tertakluk pada kawalan tatatertib IPCMC.

E. PERJAWATAN, KELENGKAPAN, KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN KEPOLISAN

7. Menambah baik kebajikan dan kesejahteraan anggota PDRM

- (a) Kelengkapan, kemudahan logistik yang berkualiti, perkakasan, perjawatan, kuarters dan keperluan kepolisan perlu diambil kira oleh Kerajaan;
- (b) Kerajaan hendaklah mendahulukan aspek kesejahteraan dan kebajikan anggota PDRM;
- (c) Pandangan majoriti pihak PDRM adalah IPCMC perlu dilaksanakan bersekali dengan penambahbaikan kelengkapan, kemudahan logistik yang berkualiti, perkakasan, perjawatan, kuarters dan keperluan kepolisan sedia ada; dan
- (d) Terdapat pandangan terpencil bahawa isu kebajikan dan kesejahteraan adalah isu berbeza dan bukan merupakan faktor kepada sokongan atau bantahan penubuhan IPCMC.

F. PERANAN DAN PEMERKASAAN JABATAN INTEGRITI DAN PEMATUHAN STANDARD (JIPS), PDRM SERTA KAWALAN TATATERTIB PDRM

8. JIPS dan kuasa kawalan tatatertib PDRM dikatakan tidak akan lagi relevan
- (a) IPCMC mengatasi peranan dan kuasa JIPS;

- (b) IPCMC boleh menjejaskan pengurusan kawalan tata tertib PDRM;
- (c) PDRM telah mempunyai mekanisme yang mencukupi untuk menjalankan penyiasatan mengenai aduan salah laku anggotanya;
- (d) Pada masa ini, pengadu atau orang awam yang tidak berpuas hati dengan dapatan siasatan PDRM, boleh merujuk kepada KDN;
- (e) Siasatan IPCMC dibimbangi terlalu *rigid* berbanding dengan siasatan yang dikendalikan oleh JIPS;
- (f) Cadangan supaya kuasa siasatan IPCMC dihadkan bagi salah laku tata tertib;
- (g) JIPS menghadapi kekangan perjawatan dan telah menyebabkan kelengahan dalam siasatan; dan
- (h) Cadangan pindaan bagi subfasal 25(d), 31(5), fasal 33 dan 34 RUU IPCMC yang memberi kuasa kepada IPCMC melantik mana-mana anggota PDRM menjalankan bidang kuasa tata tertib terhadap apa-apa aduan salah laku kecil adalah tidak wajar.

G. PEMERKASAAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

- 9. Status 20 agensi seliaan selain PDRM di bawah EAIC apabila IPCMC ditubuhkan.
- 10. EAIC dilihat masih relevan dan sewajarnya dikekalkan serta diperkukuhkan bagi menyelia agensi penguatkuasaan yang lain.

H. KETIRISAN MAKLUMAT (INFORMATION LEAKAGE)

11. Terdapat tanggapan bahawa IPCMC mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat keselamatan negara tanpa kawalan melalui pintasan komunikasi (*intercept communication*).
12. Tanggapan bahawa IPCMC juga mempunyai kuasa penggeledahan dan memasuki mana-mana premis tanpa waran (*search and to enter premises without warrant*) yang boleh menyebabkan berlakunya ketirisan maklumat.

I. PENGGUNAAN NAMA SURUHANJAYA

13. Cadangan nama Suruhanjaya ditukar untuk membawa konotasi yang lebih positif.
14. Cadangan nama Suruhanjaya tidak ditukar dan dikekalkan sebagai '*Independent Police Complaints and Misconduct Commission*' (IPCMC).
15. Cadangan IPCMC mengguna pakai nama '*Independent Commission for Police Misconduct*'.

J. KEANGGOTAAN SURUHANJAYA

16. Keanggotaan IPCMC
 - (a) Pada masa ini, keanggotaan SPP terdiri daripada *eminent legal personalities*, manakala keanggotaan IPCMC dilantik dalam kalangan orang awam;
 - (b) Terdapat cadangan supaya keanggotaan IPCMC diwakili oleh individu-individu yang berkelayakan yang boleh terdiri daripada bekas hakim, bekas

KPN, pegawai polis, pesara polis, penjawat awam dan termasuklah dalam kalangan wakil wanita;

- (c) Cadangan proses pemilihan dan pelantikan anggota Suruhanjaya melalui Dewan Rakyat;
- (d) Cadangan pelantikan anggota Suruhanjaya bebas daripada pengaruh politik;
- (e) Cadangan diwujudkan kriteria dan mekanisme pelantikan anggota Suruhanjaya seperti SUHAKAM;
- (f) Cadangan tempoh jawatan anggota Suruhanjaya dilanjutkan kepada lima tahun dan berkhidmat secara sepenuh masa;
- (g) Cadangan memperuntukkan prosedur mengenai peletakan jawatan anggota Suruhanjaya melalui Dewan Rakyat;
- (h) Cadangan pembayaran saraan dan elaun ditentukan oleh Parlimen;
- (i) Terdapat tanggapan bahawa fungsi IPCMC menjalankan kawalan tatatertib menjejaskan elemen “arahan dan kawalan” (*command and control*) KPN;
- (j) Terdapat tanggapan kedudukan KPN telah direndahkan dan hanya bertindak sebagai saluran (*conduit*) sahaja apabila dilantik sebagai salah seorang anggota Lembaga Tatatertib IPCMC;
- (k) Terdapat tanggapan KPN tidak tertakluk di bawah bidang kuasa Lembaga Tatatertib IPCMC; dan
- (l) Walaupun KPN bukan anggota Suruhanjaya, tetapi beliau adalah salah seorang daripada anggota Lembaga Tatatertib IPCMC yang memutuskan hukuman sebagaimana peranan SPP sedia ada. Perkara ini selaras dengan prinsip *neutrality*.

17. Keahlian Mesyuarat Suruhanjaya

- (a) Cadangan supaya wakil PDRM menjadi ahli tetap dan bukannya ahli yang diundang bagi menasihati Suruhanjaya tentang perkara-perkara yang dibincangkan; dan
- (b) Kehadiran wakil PDRM tersebut masih tidak melayakkan beliau untuk mengundi dalam Mesyuarat Suruhanjaya.

K. CADANGAN PENUBUHAN IPCMC

18. Kewajaran penubuhan IPCMC

- (a) IPCMC boleh mengimbangi dakwaan orang awam yang beranggapan bahawa siasatan PDRM berat sebelah atau tidak telus;
- (b) IPCMC boleh meningkatkan keyakinan orang awam untuk melaporkan salah laku anggota PDRM;
- (c) IPCMC hendaklah diberikan kuasa yang sewajarnya untuk menjalankan fungsi dan kuasanya;
- (d) IPCMC perlu mempunyai perjawatan yang mencukupi dan struktur organisasi yang bersesuaian;
- (e) Peraturan-peraturan (*regulations*) berhubung dengan tatacara kerja perlulah digubal selari dengan pelaksanaan RUU IPCMC;
- (f) Perwakilan fungsi dan kuasa kepada PDRM menghakis fungsi IPCMC sebagai sebuah badan bebas (*independent body*) dan memperlihatkan ketidakupayaan IPCMC;

- (g) IPCMC perlu melantik pegawai penyiasat dalam kalangan mereka yang mempunyai kepakaran khusus dalam sesuatu bidang;
- (h) IPCMC perlu mempunyai fungsi dan kuasa yang setara atau lebih daripada fungsi dan kuasa EAIC sedia ada; dan
- (i) Terdapat cadangan memasukkan kuasa-kuasa siasatan IPCMC sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian V, Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] dan RUU IPCMC versi 2005.

L. ULASAN TERHADAP PERUNTUKAN RUU IPCMC

19. RUU bersifat terlalu umum

- (a) RUU perlu memberi perlindungan pada rakyat jelata dan adil kepada pemegang taruh iaitu anggota PDRM;
- (b) Terdapat beberapa peruntukan yang tidak adil kepada PDRM dan kajian menyeluruh perlu dibuat pada RUU tersebut yang memberi kesan kepada anggota PDRM;
- (c) RUU bersifat tidak matang (*premature*) kerana tiada draf peraturan-peraturan (*regulations*) pelaksanaan kawalan tatatertib terhadap anggota PDRM;
- (d) *Preamble* dan skop salah laku adalah terlalu luas yang boleh mendatangkan ketidakadilan;
- (e) Tafsiran perkataan dalam RUU tidak jelas dan terlalu luas;
- (f) Mekanisme perwakilan kuasa IPCMC kepada anggota PDRM adalah tidak jelas dan dikhuatiri boleh menimbulkan percanggahan kepentingan (*conflict*

- of interest*). Terdapat cadangan supaya semua pihak yang diwakilkan kuasa oleh IPCMC menzahirkan kepentingannya;
- (g) Fungsi IPCMC yang diperuntukkan terlalu luas dan tidak terhad kepada siasatan dan hukuman tatatertib sahaja;
 - (h) Kuasa mengaudit dan memantau aspek operasi PDRM akan menimbulkan isu ketidakrahsiaan dalam menjalankan operasi;
 - (i) Kewajaran menggubal *Standard Operating Procedure* (SOP) berkaitan lawatan ke tempat tahanan (*lock-up*) dengan mengambil kira peraturan-peraturan (*regulations*) sedia ada dan garis panduan luar negara;
 - (j) Kuasa Perdana Menteri yang luas dalam urusan pelantikan anggota Suruhanjaya;
 - (k) Subfasal 22(2) RUU IPCMC sedia ada adalah tidak sempurna (*flawed*) dan bercanggah (*contradictory*) kerana ia boleh mengecualikan skop salah laku di bawah subfasal 22(1) RUU IPCMC yang dibaca bersama Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U.(A) 395/1993*];
 - (l) Subfasal 22(2) RUU IPCMC yang baharu menghadkan skop salah laku yang dibuat melalui Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) di bawah seksyen 97 Akta 344;
 - (m) Cadangan supaya subfasal 22(2) RUU IPCMC sedia ada dipotong bagi meluaskan bidang kuasa siasatan IPCMC untuk menyiasat apa-apa aduan salah laku anggota PDRM;
 - (n) Kuasa Perdana Menteri menetapkan kelakuan yang boleh dikategorikan sebagai salah laku kecil di bawah cadangan pindaan subfasal 22(2) RUU IPCMC diberikan kepada Suruhanjaya;

- (o) Mekanisme membuat aduan perlu dinyatakan secara lebih jelas dan dibuat secara bertulis;
- (p) Kekhawatiran berlaku pertindihan siasatan oleh Pasukan Petugas (*Task Force*) IPCMC dan PDRM bagi kes kematian dalam jagaan (*death in custody*) dan cedera parah (*grievous hurt*);
- (q) IPCMC disarankan tidak diberikan kuasa siasatan di bawah KTJ;
- (r) IPCMC tidak disaran diberikan kuasa untuk menyiasat aduan perlakuan apa-apa kesalahan jenayah (*criminal offence*);
- (s) Terdapat peruntukan hukuman berbeza bagi kesalahan yang sama dalam RUU IPCMC dengan Kanun Keseksaan (KK) (*Penal Code*);
- (t) Terdapat cadangan Pasukan Petugas (*Task Force*) hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat di bawah KTJ bagi semua jenis aduan yang diterima;
- (u) Cadangan kuasa siasatan Pasukan Petugas (*Task Force*) diluaskan untuk meliputi insiden kematian dan kecederaan parah yang diakibatkan *direct or indirect contact* dengan anggota pasukan polis;
- (v) Kebimbangan terhadap kuasa Perdana Menteri yang luas meminda Jadual dan menggubal peraturan;
- (w) Terdapat cadangan untuk menggugurkan peruntukan fasal 33 RUU IPCMC berkenaan hukuman salah laku (*punishment for misconduct*) dan digubal dalam peraturan-peraturan (*regulations*); dan
- (x) Proviso pada Fasal (1) Perkara 140 PP tidak menyatakan bahawa tindakan surcaj dibenarkan untuk dilaksanakan oleh mana-mana badan lain.

BAHAGIAN VI

PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa sesi-sesi konsultasi dan pendengaran awam, Jawatankuasa mengemukakan penemuan-penemuan dan syor-syor seperti yang berikut:

A. ISU-ISU KEPERLEMBAGAAN (CONSTITUTIONALITY)

1. Fungsi kawalan tatatertib (*disciplinary control*) oleh IPCMC adalah dikhuatiri bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan (PP)

1.1. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Datuk Siti Zainab binti Omar (Peguam Cara Negara II) bahawa:

- (a) tiada perbezaan pandangan AGC daripada Kerajaan dahulu sehingga sekarang kerana isu yang dirujuk kepada AGC pada ketika itu (tahun 2013) adalah berkenaan dengan cadangan untuk memperkasakan EAIC melalui pindaan Akta 700 bagi menjadikan EAIC sebagai PBT untuk semua 21 agensi penguatkuasaan termasuk PDRM. Oleh sebab itu, AGC telah memberikan pandangan bahawa EAIC tidak boleh menggantikan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam kerana EAIC sebagai badan berkanun di bawah Akta 700 tidak diperuntukkan kuasa untuk menjalankan kawalan tatatertib terhadap semua pegawai penguat kuasa; dan
- (b) Akta 700 sendiri tiada peruntukan yang membenarkan EAIC untuk menjalankan kawalan tatatertib. Sebaliknya, EAIC hanya mempunyai kuasa untuk merujuk kepada PBT yang berkenaan berdasarkan syor yang dikemukakan oleh EAIC. Selain itu, tidak terdapat mana-mana peruntukan dalam PP yang memperuntukkan bahawa kawalan tatatertib boleh dijalankan

oleh pihak berkuasa lain daripada Suruhanjaya Perkhidmatan di bawah Bahagian X, PP. Justeru, pada waktu itu, AGC berpandangan, sekiranya Kerajaan berhasrat untuk memperkasakan EAIC sebagai PBT, maka pindaan sewajarnya perlu dibuat pada PP bagi menubuhkan suatu Lembaga Tatertib Khas dan apa-apa cadangan lain yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, isu yang dirujuk dahulu dan sekarang adalah berbeza kerana perkara yang dirujuk kepada AGC kini berhubung dengan kuasa IPCMC sebagai PBT bagi semua anggota PDRM dan bagi semua jenis aduan salah laku serta pelanggaran tata tertib anggota PDRM.

1.2. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa fungsi kawalan tata tertib oleh IPCMC dikhuatiri bertentangan dengan PP yang meliputi aspek-aspek berikut:

- (a) YBhg. IG Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid bin Bador (IGP), YBhg. Dato' Shahrudin bin Datuk Hj. Ali, YBhg. SAC Dato' Allaudeen bin Abd Majid, Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, Insp. Sohaimi bin Hashim, ACP Alias bin Abd. Wahab, ACP Lim Meng Seah, Insp. Zulkifli bin A. Rahim, En. Ricky Hambali bin Sifrion dan Majlis Profesor Negara berpandangan bahawa berdasarkan peruntukan Fasal (1) Perkara 135 PP dan seksyen 29, Jadual Kesebelas PP, hanya pihak berkuasa yang melantik iaitu SPP mempunyai bidang kuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat mana-mana anggota PDRM. Memandangkan IPCMC bukan pihak berkuasa yang melantik anggota PDRM, maka ia bukan pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat mana-mana anggota PDRM sekalipun ia ditubuhkan menurut proviso Fasal (1) Perkara 140 PP;
- (b) YBhg. Dato' Shahrudin bin Datuk Hj. Ali, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Che Rose, Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti

Ab. Aziz dan Majlis Profesor Negara berpandangan bahawa berdasarkan peruntukan proviso Fasal (1) Perkara 140 PP berkenaan dengan bidang kuasa kawalan tatatertib IPCMC yang membenarkan IPCMC untuk mengenakan hukuman turun pangkat atau buang kerja terhadap semua anggota PDRM adalah tidak selaras dengan peruntukan Fasal (1) dan (2) Perkara 135 PP;

- (c) YBhg. Dato' Razali bin Basri, YBhg. Dato' Shahrudin bin Datuk Hj. Ali, Insp. Sohaimi bin Hashim, SI Norraji bin Rojjo, Insp. Sohaimi bin Hashim dan Insp. Harminder Singh a/l Pritam Singh berpandangan bahawa pelantikan KPN dan seorang wakil SPP sebagai anggota Lembaga Tatatertib IPCMC adalah tidak sah kerana bidang kuasa kawalan tatatertib SPP di bawah PP telah diambil alih oleh IPCMC. Berikutan itu, KPN dan ahli SPP tersebut tiada sebarang kuasa untuk mengadili kes-kes tatatertib di bawah Fasal (1) Perkara 140 PP. Secara tidak langsung, fungsi IPCMC menjalankan kawalan tatatertib memberi kesan terhadap elemen "arahan dan kawalan" (*command and control*) KPN;
- (d) YBhg. Tan Sri IGP, YBhg. Dato' Razali bin Basri, YBhg. Dato' Shahrudin bin Datuk Hj. Ali, Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz dan Majlis Profesor Negara berpandangan bahawa frasa "*disciplinary control*" dalam proviso Fasal (1) Perkara 140 PP mempunyai maksud yang luas dan tiada takrif mengenainya di dalam Perkara 140 PP. Justeru, persoalan yang berbangkit adalah sama ada frasa "*disciplinary control*" tersebut termasuk bidang kuasa Lembaga Tatatertib IPCMC untuk mengenakan hukuman turun pangkat atau buang kerja terhadap anggota PDRM;
- (e) YBhg. Tan Sri IGP, YBhg. Datuk Sabapathy, YBhg. Dato' Shahrudin bin Datuk Hj. Ali, Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti

Ab. Aziz, ACP M. Kumar a/l Mathivellu, SAC Mohd Hanafiah bin Arshad, ACP Alias bin Abd. Wahab, SI Abd. Malek bin Baharuddin dan Majlis Profesor Negara membangkitkan pandangan sama ada -

- (i) frasa “*disciplinary control*” dalam proviso Fasal (1) Perkara 140 PP membenarkan Pasukan Petugas (*Task Force*) IPCMC mempunyai kuasa penyiasatan sebagaimana terkandung dalam KTJ; dan
 - (ii) siasatan berhubung dengan aduan kes jenayah oleh IPCMC teratur di bawah PP.
- (f) YBhg. Tan Sri IGP, YBhg. Dato’ Shaharuddin bin Datuk Hj. Ali, Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, SAC Zabidi bin Hj. Md Zain, YBhg. SAC Dato’ Othman bin Nanyan dan Majlis Profesor Negara berpandangan bahawa fungsi dan kuasa IPCMC yang boleh menjalankan siasatan dan bertindak sebagai Lembaga Tatatertib dikhuatiri bercanggah dengan prinsip pengasingan kuasa (*separation of powers*) atau melampaui fungsi kawalan tatatertib;
- (g) YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi dan En. New Sin Yew berpandangan bahawa tiada isu percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) berbangkit kerana siasatan salah laku dijalankan oleh bahagian-bahagian dalaman IPCMC yang berbeza daripada Lembaga Tatatertib;
- (h) SUHAKAM dan Majlis Peguam berpandangan bahawa IPCMC wajar mengendalikan dan menyiasat semua jenis aduan salah laku termasuk kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] atau apa-apa undang-undang bertulis yang lain; dan

- (i) YBhg. Tan Sri IGP, YBhg. Dato' Shahrudin bin Datuk Hj. Ali, Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, Supt. Lam Thiam Huat, Insp. Sylvia Martin Dalog dan Majlis Profesor Negara membangkitkan pandangan berkenaan implikasi mengambil dan menggunakan keterangan di bawah seksyen 112 KTJ bagi pendengaran kes-kes tatatertib yang dikendalikan IPCMC.

2. Proviso pada Fasal (1) Perkara 140 PP secara jelas memberikan pengecualian bagi suatu badan lain selain SPP untuk menjalankan kawalan tatatertib.

2.1 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Datuk Siti Zainab binti Omar (Peguam Cara Negara II), YBhg. Dato' Shahrudin bin Datuk Hj. Ali, YBhg. Dato' Ambiga Sreenevasan, Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, En. New Sin Yew, SUHAKAM dan Majlis Profesor Negara bahawa berdasarkan peruntukan Fasal (1) Perkara 140 PP, SPP mempunyai bidang kuasa yang meliputi semua anggota PDRM dan SPP juga bertanggungjawab bagi penjalanan kawalan tatatertib ke atas anggotanya. Namun, proviso pada Fasal (1) Perkara 140 PP secara jelas memberikan pengecualian bagi suatu badan lain selain SPP untuk menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota PDRM. Dalam hal ini, Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan bagi penjalanan apa-apa kawalan tatatertib ke atas semua atau mana-mana anggotanya mengikut apa-apa cara dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang itu.

2.2 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Datuk Siti Zainab binti Omar, (Peguam Cara Negara II) bahawa:

- (a) proviso Fasal (1) Perkara 140 PP secara jelas memperuntukkan bahawa sekiranya pihak berkuasa yang menjalankan kawalan tatatertib itu bukan SPP, maka SPP akan terhenti daripada menjalankan fungsi kawalan tatatertib terhadap anggota PDRM. Namun, SPP masih bertanggungjawab dalam hal berkaitan

dengan pelantikan, pengesahan, kemasukan dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, kenaikan pangkat dan pertukaran;

- (b) kemasukan proviso Perkara 140 PP melalui Akta A354 jelas memperuntukkan *treatment* undang-undang yang berbeza di bawah PP terhadap kawalan tata tertib bagi anggota PDRM berbanding pegawai awam di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan yang lain. Ini kerana peruntukan yang sama sebagaimana proviso Fasal (1) Perkara 140 PP tidak terdapat pada mana-mana peruntukan di bawah Bahagian X, PP; dan
- (c) tiada keperluan untuk meminda proviso Fasal (1) Perkara 140 PP bagi menyatakan secara spesifik bahawa maksud frasa “mana-mana pihak berkuasa” digantikan sebagai “IPCMC” yang akan bertindak sebagai PBT bagi anggota PDRM.

2.3 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Tan Sri IGP, YBhg. SAC Dato’ Allaudeen bin Abd Majid dan YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi bahawa proviso pada Fasal (1) Perkara 140 PP hendaklah dilihat secara keseluruhan dan harmoni dengan mengambil kira peruntukan Fasal (1) Perkara 135 PP, prinsip kebebasan diri dan kesamarataan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 5 (Kebebasan Diri / *Liberty of the person*) dan Perkara 8 (Kesamarataan / *Equality*) PP.

2.4 Jawatankuasa mengambil maklum penjelasan YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi bahawa dari sudut perundangan, proviso pada Fasal (1) Perkara 140 PP membenarkan “mana-mana pihak berkuasa” untuk menjalankan fungsi kawalan tata tertib terhadap anggota PDRM dan frasa “tiada peruntukan undang-undang itu boleh menjadi tidak sah atas ketidakselarasan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini” mempunyai maksud yang sangat luas. Namun, sebagai langkah berhati-hati, dicadangkan supaya SPP

sebagai pihak berkuasa yang melantik menurunkan kuasanya untuk membuang kerja dan menurunkan pangkat mana-mana anggota PDRM kepada Lembaga Tatatertib IPCMC.

3. **Jawatankuasa bersetuju bahawa fungsi IPCMC untuk menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota PDRM adalah selaras dengan PP dan mengesyorkan agar penubuhan IPCMC diteruskan setelah mengambil kira pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan semasa sesi konsultasi dan pendengaran awam.**
4. **Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar kuasa siasatan jenayah terutamanya kuasa penyiasatan Pasukan Petugas (*Task Force*) di bawah KTJ yang diperuntukkan di bawah fasal 29 (Pasukan Petugas) dan fasal 47 (Tanggungjawab untuk merujuk kes cedera parah atau kematian dalam jagaan) diperincikan dengan lebih jelas bagi mengelakkan kekeliruan berkenaan kuasa penyiasatan di bawah KTJ yang terpakai.**
5. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya IPCMC diberi kuasa menyelia dan memberi arahan kepada PDRM untuk menyiasat aduan bersifat jenayah yang dilakukan oleh anggota PDRM.**

B. KAJIAN MODEL BADAN PEMANTAU LUAR NEGARA

6. Penanda aras kewujudan IPCMC.
 - 6.1. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Che Rose, SI Norraji bin Rojjo, ACP Alias bin Abd. Wahab dan SAC Mohd Hanafiah bin Arshad bahawa penanda aras kewujudan IPCMC hendaklah mengambil kira amalan terbaik di luar negara berbanding tugas atau kawalan oleh badan luar.
 - 6.2. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Tan Sri IGP, Supt. Muhamad Farid bin Ahmad, SAC Mohd Hanafiah bin Arshad, En.

Zakaria bin Haron dan Majlis Profesor Negara bahawa model badan pemantau (*oversight body*) luar negara tidak bertindak sebagai badan tatatertib dan terdapat cadangan supaya IPCMC berfungsi sebagai badan pemantau (*oversight body*) sahaja.

- 6.3. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan SAC Sulaiman bin Yahaya, ACP Alias bin Abd. Wahab, SAC Yusof bin Ahmad dan YBhg. SAC Datuk Jauteh bin Dikun bahawa tiada kajian yang menyeluruh dilakukan untuk mengkaji kewajaran dan keberkesanan penubuhan IPCMC.
- 6.4. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan SAC Sulaiman bin Yahaya, bahawa cadangan penubuhan IPCMC dengan mengambil contoh United Kingdom, Hong Kong, Queensland dan New South Wales, Australia sebagai penanda aras (*benchmark*) telah dibuat secara '*cut and paste*' dengan beberapa perubahan tertentu tanpa kajian dan penelitian yang terperinci yang mana kesannya, terdapat 24 cadangan pindaan lanjut dalam peringkat Jawatankuasa berkenaan dengan RUU IPCMC.
- 6.5. Jawatankuasa mengambil maklum akan penjelasan yang telah diberikan oleh wakil IOPC, UK iaitu Ms. Amanda Rowe dan Ms. Juliet Farall berkenaan dengan latar belakang, struktur, fungsi dan kuasa badan pemantau bebas (*independent oversight body*) polis di UK seperti yang berikut:
 - (a) IOPC ditubuhkan pada tahun 2018 menggantikan *Independent Police Complaints Commission* (IPCC). Akta yang mengawal selia IOPC adalah *Police Reform Act 2002 (Updated November 2017)*;
 - (b) IOPC diketuai oleh seorang *Director General* (DG), 2 orang *Deputy General* dan 6 orang *Regional Director*. Tiada lagi Pesuruhjaya sebagaimana struktur IPCC dahulu dalam

pembaharuan organisasi IOPC. Perubahan tersebut diperkenalkan bagi menyegerakan proses kerja dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap IOPC;

- (c) IOPC menjalankan siasatan bagi kedua-dua aspek kes jenayah dan salah laku dalam kalangan anggota polis UK dan para pegawai siasatan IOPC mempunyai kuasa siasatan sebagaimana kuasa perundangan yang diberikan kepada polis UK. Tempoh melengkapkan siasatan adalah 12 bulan. Sekiranya terdapat elemen jenayah dalam siasatan yang dijalankan, IOPC boleh mencadangkan kepada *Crown Prosecution Service (CPS)* agar pertuduhan dibuat terhadap subjek;
- (d) berdasarkan *Statutory Guidance to the police service on the handling of complaints (Statutory Guidance)*, IOPC akan menimbangkan jenis-jenis aduan (*complaint*) dan bagi aduan yang bersifat tidak serius, aduan tersebut akan dirujuk kepada *Police Force Professional Standards Department (PSD)* untuk siasatan dan dipantau oleh IOPC;
- (e) IOPC melaksanakan *local handling* sebagaimana diperuntukkan di bawah *Statutory Guidance* iaitu satu sistem pengurusan aduan yang dikendalikan melalui kaedah *local resolution* bagi menangani aduan yang tidak serius dan tidak perlu melalui proses siasatan lengkap IOPC. Proses ini memfokuskan penyelesaian aduan dalam tatacara yang paling sesuai dan sesuatu aduan itu perlu melepasi ujian *threshold* yang ditetapkan dalam *Statutory Guidance*. *Local Resolution* adalah suatu proses yang fleksibel dan antara tindakan yang boleh diambil bagi menangani aduan adalah melalui “permohonan maaf” daripada pihak yang diadukan;
- (f) sekiranya pengadu tidak berpuas hati dengan siasatan yang dijalankan oleh PSD, pengadu boleh membuat rayuan kepada

IOPC untuk dinilai sama ada siasatan yang dijalankan oleh PSD adalah teratur atau tidak memuaskan. Bagi siasatan yang didapati tidak memuaskan, IOPC boleh mengarahkan supaya PSD mengkaji semula atau menambah baik siasatannya;

- (g) anggota polis UK, pengadu atau IOPC sebagai pihak-pihak yang terkesan dengan keputusan Lembaga Tatatertib Polis, boleh mengemukakan rayuan kepada Tribunal Polis. Keahlian Lembaga Tatatertib Polis (*Police Disciplinary Board*) terdiri daripada *Independent Chairman* dan dua ahli panel, iaitu anggota polis yang sedang berkhidmat dan orang awam. Terdapat cadangan pindaan perundangan IOPC yang mana wakil IOPC sendiri akan membentangkan pertuduhan kes tatatertib di hadapan Lembaga Tatatertib Polis UK;
- (h) anggota polis UK memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada IOPC dalam menjalankan siasatan kerana IOPC telah membina hubungan baik dengan anggota polis UK dan PSD. IOPC tidak pernah berhadapan dengan kesukaran mendapatkan dokumen daripada anggota polis UK. Namun, apa-apa ketidakpatuhan pada arahan IOPC bagi mendapatkan keterangan, dokumen, akses atau apa jua perkara yang berada dalam pemilikan atau jagaan polis UK, kesalahan sedemikian terjumlah sebagai salah laku tatatertib dan hukuman tatatertib yang bersesuaian boleh dikenakan terhadap anggota yang berkenaan. Tiada hukuman berbentuk "*penal*" dikenakan iaitu sama ada hukuman denda atau pemenjaraan;
- (i) pihak polis UK mempunyai obligasi statutori untuk memaklumkan kepada IOPC kes-kes yang melibatkan salah laku anggota polis UK dalam kes kematian dalam jagaan, kecederaan serius, rasuah, salah laku jenayah dan kesalahan jenayah yang hukumannya adalah penjara melebihi 7 tahun dan ke atas. Pegawai siasatan IOPC mempunyai kuasa siasatan jenayah dengan menerima

pakai peruntukan kuasa siasatan polis di bawah *Police Reform Act 2002 (Updated November 2017)* dalam menjalankan penyiasatan kes-kes jenayah yang melibatkan anggota polis UK;

- (j) IOPC mempunyai lebih kurang 1,000 perjawatan. Sejumlah 448 perjawatan ialah pegawai penyiasat pelbagai gred jawatan yang bertanggungjawab untuk memantau seramai 120,000 orang anggota polis UK. Sebanyak 25% daripada jumlah tersebut merupakan pegawai penyiasat IOPC yang terdiri daripada bekas atau pesara pegawai polis. Tiada isu percanggahan kepentingan (*conflict of interest*), mempengaruhi keputusan atau siasatan yang bersifat berat sebelah berbangkit kerana pembuat keputusan di IOPC dalam kalangan mereka yang bukan bekas pegawai polis UK; dan
- (k) pegawai penyiasat lantikan baharu IOPC, perlu menghadiri latihan selama 6 hingga 7 minggu untuk memantapkan kemahiran pengendalian siasatan mereka.

7. **Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan supaya para pegawai IPCMC diberikan kursus latihan asas siasatan wajib bagi setiap pengambilan pegawai siasatan baharu, pertambahan sumber tenaga manusia dan ruang pejabat yang bersesuaian.**
8. **Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan supaya IPCMC melaksanakan mekanisme pengurusan aduan yang lebih komprehensif melibatkan tapisan aduan-aduan sebagaimana dipraktikkan oleh IOPC melalui *Statutory Guidance* dan digubal sebagai peraturan-peraturan (*regulations*) di bawah fasal 50 RUU IPCMC.**
9. **Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan supaya IPCMC mewakilkan kuasanya untuk menolak aduan di bawah subfasal 25(e) RUU IPCMC yang baharu kepada mana-mana pegawai IPCMC bagi mengelakkan anggapan orang awam berhubung dengan keterlibatan Pesuruhjaya dalam proses**

siasatan. Melalui perwakilan kuasa itu, tempoh penyelesaian aduan dapat disingkatkan dan Pesuruhjaya boleh memberikan tumpuan pada pendengaran kes-kes tatatertib salah laku anggota PDRM sekaligus meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kebebasan IPCMC.

10. Jawatankuasa bersetuju dengan pengesyoran agar fasal 13 RUU IPCMC dipinda untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya mewakili fungsi dan kuasanya kepada mana-mana pegawai Suruhanjaya. Namun Jawatankuasa mengesyorkan perkataan “mana-mana anggota pasukan polis” dalam subfasal 13(1)(d) yang baharu RUU IPCMC dipotong.
11. Jawatankuasa mengesyorkan supaya peruntukan berbentuk *penal* bagi ketidakpatuhan mengemukakan dokumentasi, akses, keterangan dan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh IPCMC digantikan sebagai suatu bentuk kesalahan salah laku yang boleh dikenakan tindakan tatatertib, melainkan peruntukan-peruntukan penal dalam fasal 26, 27 dan 38 oleh kerana fasal-fasal tersebut juga terpakai kepada pihak-pihak bukan pegawai polis yang tidak tertakluk kepada IPCMC. Oleh yang demikian, sekiranya tiada akibat penal dalam fasal-fasal tersebut, maka pihak-pihak bukan pegawai polis yang melanggar fasal-fasal tersebut tidak dapat dikenakan sebarang hukuman.
12. Jawatankuasa mengesyorkan supaya IPCMC dan JIPS menjalinkan kerjasama dan hubungan kerja yang kukuh sebagaimana amalan antara IOPC dan *Police Force Professional Standards Department (PSD)* bagi memastikan penjalanan fungsi kedua-dua pihak dioptimumkan pada tahap yang terbaik, sekali gus dapat meningkatkan keyakinan rakyat terhadap PDRM.

C. KEADILAN KEPADA ANGGOTA PASUKAN PDRM

13. Prinsip *natural justice*

- 13.1. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Dato' Razali bin Basri, YBhg. Prof. Dato' Dr. Hamdan bin Adnan, YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mat Desa, YB Tuan Satees Muniandy, SAC Sulaiman bin Yahaya, Supt. Mohd Zaki bin Abdullah, Supt. Mohd Zaidi bin Abdullah, Insp. Zulkifli bin A. Rahim, Insp. Sohaimi bin Hashim, En. Zakaria Harun, ACP Alias bin Abd. Wahab, Supt. Ismail Mahmood, Dr. Muhammad Asri bin Mohd Ali, En. Azmi Saafar dan En. Sophian Mohd Zain bahawa IPCMC hanya dikhususkan untuk anggota pasukan PDRM sahaja tanpa melibatkan agensi penguatkuasaan yang lain dan tertumpu untuk menjatuhkan hukuman terhadap salah laku tanpa memperuntukkan hak *natural justice* kepada anggota PDRM.
- 13.2. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Tan Sri IGP, YBhg. ACP Dato' Hj. Mohd Khalid bin Ismail, Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, SAC Sulaiman bin Yahaya, SAC Sapii bin Ahmad, Insp. Zulkifli bin A. Rahim dan Majlis Profesor Negara supaya RUU IPCMC memperuntukkan *Bill of Rights* bagi memastikan IPCMC sebagai Lembaga Tatatertib mematuhi prinsip *natural justice* atau diberikan peluang yang munasabah untuk didengar sebagaimana diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 135 PP.
- 13.3. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan SAC Sulaiman bin Yahaya bahawa RUU IPCMC tidak memperuntukkan ruang kepada anggota PDRM yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib IPCMC untuk mengemukakan rayuan. Apa-apa prosiding semakan kehakiman melibatkan kos yang tinggi dan tidak berpadanan sekiranya anggota PDRM yang berkenaan dikenakan hukuman berbentuk 'amaran' sahaja.

- 13.4. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Dato' Shaharuddin bin Datuk Hj. Ali, YBhg. ACP Dato' Hj. Mohd Khalid bin Ismail, ACP Alias bin Abd. Wahab, Supt. Ismail bin Mahmood, ASP Alias bin Neng, Insp. Zulkifli bin A. Rahim, En. New Sin Yew dan En. Nelson W. Angang bahawa anggota PDRM perlu diberikan hak untuk diwakili oleh peguam semasa prosiding tatatertib dan semakan kehakiman.
- 13.5. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa IPCMC menerima pakai P.U. (A) 395/1993 dalam mengendalikan prosiding tatatertib terhadap anggota PDRM. Oleh itu, isu berkenaan dengan ketiadaan rayuan tidak berbangkit memandangkan keputusan mengenai suatu kes tatatertib yang diputuskan oleh Lembaga Tatatertib IPCMC adalah tidak muktamad. Anggota PDRM yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib IPCMC boleh mengemukakan rayuan di Mahkamah melalui prosedur semakan kehakiman (*judicial review*) sebagaimana amalan PBT PDRM sekarang.
14. **Jawatankuasa bersetuju bahawa prinsip *natural justice* perlu dipatuhi namun, tiada keperluan untuk menggubal “Bill of Rights” sebagai sebahagian daripada RUU IPCMC memandangkan IPCMC menerima pakai Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] dengan ubah suaian yang sewajarnya dalam mengendalikan prosiding tatatertib terhadap anggota PDRM.**
15. **Jawatankuasa bersetuju dengan pengesyoran supaya fasal 35, 36 dan 37 yang baharu dimasukkan bagi memberikan hak kepada mana-mana anggota PDRM yang terkilan dengan keputusan PBT PDRM untuk merayu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil IPCMC dengan syarat salah laku kecil itu diberikan tafsiran yang nyata dan jelas. Jawatankuasa seterusnya berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk memasukkan mekanisme berkenaan rayuan bagi kes-kes selain daripada salah laku kecil.**

16. Kredibiliti IPCMC sebagai suatu badan bebas (*independent body*)
- 16.1 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan SAC Sulaiman bin Yahaya bahawa siasatan IPCMC berhubung dengan kes kematian dalam jagaan (*death in custody*) yang dikatakan tidak mengambil kira faktor dalaman dan berada di luar kawalan anggota PDRM.
- 16.2 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Dato' Shaharuddin bin Datuk Hj Ali, Insp. Sohaimi bin Hashim dan Puan Kogilavani a/p Supermaniam bahawa pihak-pihak yang berkepentingan boleh mengambil kesempatan untuk membuat tohmahan yang tidak berasas terhadap anggota PDRM yang boleh menjejaskan imej dan integriti PDRM. Kesannya, anggota PDRM di lapangan bertugas dalam keadaan bimbang kerana kluatir akan diambil tindakan oleh IPCMC.
- 16.3 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. CP Dato' Zamri bin Yahaya, YBhg. SAC Dato' Othman bin Nanyan, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Che Rose, YBhg. Datuk Richard Yong We Kong, Insp. Sohaimi bin Hashim, SAC Zabidi bin Hj. Md. Zin dan En. Nelson W. Angang bahawa IPCMC seharusnya dilihat sebagai badan pemantau bebas (*independent oversight body*) yang berfungsi sebagai "semak dan imbang" (*check and balance*) bagi menangkis dakwaan dan pandangan skeptikal orang awam yang beranggapan bahawa siasatan tatatertib yang dikendalikan secara dalaman oleh PDRM adalah bersifat berat sebelah.
17. **Jawatankuasa mengesyorkan agar latihan bagi pegawai-pegawai penyiasat IPCMC dijalankan secara intensif untuk meningkatkan lagi kemahiran pegawai baharu dan sedia ada sebagaimana yang dilaksanakan oleh IOPC.**
18. **Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan supaya IPCMC melaksanakan mekanisme pengurusan aduan yang lebih komprehensif melibatkan tapisan aduan-aduan sebagaimana dipraktikkan oleh IOPC**

melalui *Statutory Guidance* dan digubal sebagai peraturan-peraturan (*regulations*) di bawah fasal 50 RUU IPCMC untuk menangani aduan berbentuk tohmahan yang tidak berasas terhadap anggota PDRM.

19. Jawatankuasa bersetuju dengan keanggotaan wakil PDRM dan SPP di dalam Lembaga Tatatertib IPCMC sebagaimana diperuntukkan di bawah fasal 31 RUU IPCMC (kuasa tatatertib), dapat membantu dalam menilai faktor-faktor dalaman dan luar kawalan semasa menimbangkan sesuatu hukuman tatatertib.
20. Jawatankuasa mencadangkan subfasal 31(4) RUU IPCMC dipinda agar IPCMC diberi kuasa untuk menetapkan keahlian dalam Lembaga Tatatertib Khas. Cadangan pindaan adalah seperti yang berikut:

“31. (4) Walau apa pun subseksyen (3), jika aduan salah laku itu adalah terhadap Ketua Polis Negara, Suruhanjaya hendaklah menubuhkan suatu Lembaga Tatatertib Khas yang terdiri daripada anggota, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, untuk mendengar aduan itu dan prosiding di hadapan Lembaga Tatatertib Khas itu hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.

JADUAL KEDUA
[Subseksyen 31(4)]

Lembaga Tatatertib Khas		
(1) <i>Kategori Pegawai</i>	(2) <i>Bidang Kuasa</i>	(3) <i>Keanggotaan Lembaga Rayuan Tatatertib</i>
Ketua Polis Negara	Semua tindakan tatatertib	Pengerusi: Pengerusi Suruhanjaya Anggota: Dua orang anggota Suruhanjaya Anggota-anggota lain yang sekurang-kurangnya setaraf dengan Ketua Polis Negara

D. STATUS PESARA POLIS, POLIS BANTUAN DAN POLIS SIMPANAN

21. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Dato' Razali bin Basri bahawa berdasarkan peruntukan di dalam Akta Polis 1967 [*Akta 344*], pesara polis boleh dilantik sebagai polis simpanan dan perkara ini membangkitkan kebimbangan sama ada lantikan dalam kalangan pesara polis tersebut akan tertakluk dalam kawalan tata tertib IPCMC.
22. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan SAC Sulaiman bin Yahaya bahawa pelantikan anggota polis bantuan dibuat oleh KPN dan apabila fungsi kawalan tata tertib diambil alih oleh IPCMC, kuasa untuk mengambil tindakan tata tertib tidak dapat dilaksanakan. Jawatankuasa turut mengambil maklum kebimbangan sama ada pesara polis, polis bantuan dan polis simpanan tertakluk pada kawalan tata tertib IPCMC.
23. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa seseorang yang dilantik sebagai polis simpanan atau polis bantuan mungkin diberikan kuasa sebagaimana yang diberikan kepada seorang pegawai polis biasa. Namun, mereka bukanlah seorang "pegawai" dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagaimana yang diuraikan menurut Perkara 132 PP. Oleh itu, P.U.(A) 395/1993 tidak terpakai terhadap mereka kerana mereka bukanlah di dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.
24. **Jawatankuasa bersetuju bahawa pesara polis, polis bantuan dan polis simpanan bukanlah seorang "pegawai" dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagaimana yang diuraikan menurut Perkara 132 PP dan tidak tertakluk kepada kawalan tata tertib IPCMC.**

E. PERJAWATAN, KELENGKAPAN, KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN KEPOLISAN

25. Menambah baik kebajikan dan kesejahteraan anggota PDRM

25.1. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YB Tuan Satees Muniandy, YBhg. DCP Dato' Nerita binti Yaakob, YBhg. CP Dato' Zamri bin Yahaya, YBhg. CP Datuk Omar bin Mammah, YBhg. Datuk Richard Yong We Kong, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Che Rose, YBhg. Prof. Dato' Dr. Hamdan bin Adnan, Majlis Profesor Negara, SAC Sulaiman bin Yahaya, SI Norraji bin Rojjo, SAC Mohd Hanafiah bin Arshad, DSP Ramasamy a/l Gopal, SI Pajar Ali bin Rosman, ACP Mit a/l Emong, ACP Mohamad Noor bin Yusof Ali, Tuan Hj. Kasim bin Salleh, Dr. Muhammad Asri bin Mohd Ali, En. Zakaria bin Haron, En. Khairul Anuar bin Shazali, En. Azri bin Saafar dan En. Nelson W. Angang bahawa penubuhan IPCMC hendaklah mengambil kira kebajikan anggota PDRM yang melaksanakan tugas dalam keadaan serba kekurangan yang meliputi aspek perjawatan, kelengkapan logistik dan kuarters. Oleh itu, Kerajaan hendaklah menambahbaik aspek kesejahteraan dan kebajikan anggota PDRM terlebih dahulu sebelum IPCMC dilaksanakan.

25.2. Jawatankuasa juga mengambil maklum pandangan SAC Sulaiman bin Yahaya bahawa isu kebajikan dan kesejahteraan adalah dua isu yang berbeza dan bukan merupakan faktor kepada sokongan atau bantahan penubuhan IPCMC kerana perkara berkaitan dengan kebajikan adalah hak mutlak setiap anggota PDRM.

26. **Jawatankuasa mengesyorkan agar Kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya untuk meningkatkan fasiliti, logistik dan kebajikan seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di lokap, pemakaian kamera badan (*body worn camera*) dan kenderaan pasukan PDRM.**

27. **Jawatankuasa mengesyorkan agar KDN menyediakan suatu mekanisme untuk penyaluran segera peruntukan kewangan melalui penubuhan Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi setiap negeri supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh anggota PDRM yang bertugas di balai atau pondok polis.**

F. PERANAN DAN PEMERKASAAN JIPS SERTA KUASA KAWALAN TATATERTIB PDRM

28. JIPS dan kuasa kawalan tatatertib PDRM tidak lagi relevan

28.1 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan Insp. Sohaimi bin Hashim, SI Mohammad Hejemi bin Haji Omar dan En. Zakaria Harun bahawa penubuhan IPCMC akan mengatasi peranan, kuasa, menjadikan JIPS tidak relevan dan akan mengganggu pengurusan kawalan tatatertib PDRM.

28.2 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Datuk Sabapathy, SAC Sulaiman bin Yahaya, ACP Abd Rahim bin Daud dan En. Zakaria bin Haron bahawa PDRM telah mempunyai mekanisme yang mencukupi untuk menjalankan penyiasatan mengenai aduan salah laku dan sekiranya pengadu atau orang awam tidak berpuas hati dengan dapatan siasatan PDRM, mereka boleh merujuk pada KDN untuk pertimbangan.

28.3 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. CP Dato' Zamri bin Yahaya bahawa penyiasatan mengenai salah laku oleh badan pemantau luar (*oversight body*) seperti IPCMC dijalankan secara *rigid* berbanding penyiasatan oleh JIPS PDRM yang turut mempertimbangkan faktor-faktor dalaman yang lain.

28.4 Jawatankuasa mengambil maklum cadangan YBhg. Tan Sri IGP, YBhg. Dato' Sabapathy, Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, ACP M.

Kumar a/l Mathivellu, ACP Zaharuddin bin Md. Rasip, ACP Mohd Said bin Ibrahim, ACP Mit a/l Emong, Supt. Abdul Fuad bin Abdul Malek dan En. Nelson W. Angang supaya kuasa siasatan IPCMC dihadkan kepada salah laku tatatertib.

- 28.5 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. DCP Dato' Kasuahdi bin Ali, YBhg. DCP Dato' Azmi bin Abu Kassim dan YBhg. CP Dato' Zamri bin Yahaya bahawa JIPS menghadapi kekangan perjawatan menyebabkan tunggakan kes-kes tatatertib dalaman yang tidak dapat segera diselesaikan dan ia menjejaskan peluang kenaikan pangkat anggota PDRM yang disiasat.
- 28.6 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan SUHAKAM bahawa selaras dengan fungsi IPCMC menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota PDRM di bawah proviso Fasal (1) Perkara 140 PP, SPP adalah terhenti daripada mengendalikan kawalan tatatertib terhadap anggotanya. Oleh itu, cadangan pindaan kepada subfasal 25(d), 31(5), fasal 33 dan 34 RUU IPCMC yang baharu memberi kuasa kepada IPCMC melantik mana-mana anggota PDRM menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas apa-apa aduan salah laku kecil adalah tidak wajar.
- 28.7 Jawatankuasa mengambil maklum cadangan Majlis Profesor Negara supaya Akta Suruhanjaya Pasukan Polis digubal di bawah Fasal (2) Perkara 140 PP bertujuan untuk memastikan kekukuhan pasukan polis dalam segala hal berkaitannya dan supaya tidak berlaku pertindihan kuasa berkaitan kawalan tatatertib dan fungsi SPP.
29. **Jawatankuasa bersetuju peranan JIPS dan kawalan tatatertib PBT PDRM masih relevan sebagaimana pengesyoran dengan cadangan pindaan seperti yang berikut:**
- (a) **subfasal 22(2) untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk menetapkan mana-mana tatakelakuan yang boleh dikategorikan**

sebagai salah laku kecil dan pindaan selanjutnya untuk memperincikan secara jelas dan nyata jenis-jenis salah laku kecil;

- (b) fasal 25 dipinda dengan memasukkan perenggan (d) ke dalam fasal 25 bagi membolehkan IPCMC merujuk aduan salah laku kecil kepada Ketua Jabatan PDRM bagi tujuan penyiasatan;
- (c) fasal 31 dipinda dengan memasukkan subfasal (5) yang baharu untuk memberikan Suruhanjaya kuasa untuk melantik mana-mana anggota PDRM untuk menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas aduan salah laku kecil; dan
- (d) fasal 34 dipinda dengan memasukkan perenggan subfasal (2) yang baharu untuk memberi mana-mana anggota PDRM yang dilantik untuk menjalankan fungsi kawalan tatatertib atas aduan salah laku kecil.

G. PEMERKASAAN EAIC

- 30. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Dato' Razali Basri, YBhg. CP Dato' Zamri Yahaya, SAC Sulaiman bin Yahaya, Insp. Sohaimi bin Hashim, SI Mohammad Hejemi bin Haji Omar, SI Mohd Isa bin Hj. Simbok, Insp. Mutthiah Pillai a/l VP Sinnathambi dan En. Henry Loh bahawa EAIC masih relevan dan telah menjalankan fungsinya dengan efektif dalam menyelia anggota PDRM termasuk 20 agensi penguatkuasaan yang lain. EAIC sewajarnya bukan sahaja dikekalkan, malahan diperkasakan bagi terus menyelia 21 agensi yang berada di bawah seliannya menurut Akta 700. Berhubung dengan pemerkasaan fungsi dan kuasa EAIC, Jawatankuasa mengambil maklum bahawa tiada sebarang cadangan khusus dan spesifik diketengahkan bagi menambahbaik EAIC.
- 31. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa cadangan pemerkasaan EAIC sebagai IPCMC berbangkit berikutan daripada bidang kuasa dan peranan

EAIC sedia ada adalah tidak efektif. Orang ramai tidak cenderung untuk membuat aduan kepada EAIC kerana ia tidak boleh bertindak atas siasatan yang dijelankannya. Sebaliknya, EAIC hanya boleh merekodkan dapatannya dan membuat syor tentang hukuman yang patut dikenakan ke atas mana-mana anggota PDRM dan merujuk perkara itu kepada PBT PDRM untuk tindakannya.

32. **Jawatankuasa bersetuju dengan syor supaya EAIC dimansuhkan dan digantikan dengan IPCMC. Namun, sehingga undang-undang baharu dibentangkan untuk menangani masalah-masalah salah laku anggota-anggota agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, Jawatankuasa mengesyorkan agar Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] dipinda untuk mengecualikan PDRM dan pemakaian Akta 700 diteruskan ke atas agensi-agensi penguatkuasaan yang lain tersebut.**

H. KETIRISAN MAKLUMAT (*INFORMATION LEAKAGE*)

33. Jawatankuasa mengambil maklum tanggapan YBhg. CP Datuk Omar bin Mammah, Insp. Sohaimi bin Hashim, Supt. Alexson Naga AK Chabu, Supt. Lam Thiam Huat dan Insp. Sylvia Martin Dalog bahawa IPCMC mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat keselamatan negara tanpa kawalan melalui pintasan komunikasi (*intercept communication*), penggeledahan dan memasuki mana-mana premis tanpa waran (*search and to enter premise without warrant*) yang boleh menyebabkan berlakunya ketirisan maklumat (*information leakage*).
34. **Jawatankuasa tidak membuat sebarang syor berkenaan isu ini.**

I. PENGGUNAAN NAMA SURUHANJAYA

35. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan ACP Alias bin Abd. Wahab, Dr. Muhammad Asri bin Mohd Ali, En. Khairul Anuar bin Shazali dan SUHAKAM

supaya nama Suruhanjaya ditukar untuk membawa konotasi yang lebih positif memandangkan penggunaan perkataan “salah laku” boleh menjejaskan moral anggota PDRM.

36. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan En. Ravinder Singh dan Majlis Peguam supaya nama Suruhanjaya dikekalkan sebagai ‘*Independent Police Complaints and Misconduct Commission*’ (IPCMC). Namun, Jawatankuasa juga mengambil maklum cadangan alternatif supaya nama ‘*Independent Commission for Police Misconduct*’ dipertimbangkan.
37. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat cadangan untuk meminda nama Suruhanjaya kepada “Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis” sebagaimana yang telah dibentangkan semasa bacaan kali kedua pada 7 Oktober 2019.
38. **Jawatankuasa bersetuju dengan pengesyoran pindaan nama “Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis” digantikan dengan nama “Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis” / (“*Independent Commission for Police Conduct*”).**

J. KEANGGOTAAN SURUHANJAYA

Keanggotaan IPCMC

39. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa keanggotaan SPP sedia ada adalah terdiri daripada *eminent legal personalities*, manakala keanggotaan IPCMC dilantik dalam kalangan orang awam. Terdapat beberapa cadangan daripada YBhg. Tan Sri IGP, YBhg. Dato’ Razali bin Basri, ACP Roslan bin Ibrahim, ACP Dr. Zafari bin Zulkifli, Insp. Sohaimi bin Hashim, ACP Abdul Rahman bin Kassim, ACP Abd Rahim bin Md Din, DSP Ramasamy a/l Gopal, Dr. Muhammad Asri bin Mohd Ali, En. Ravinder Singh, En. Azri bin Saafar,

En. Sophian bin Mohd Zain, *Lawyers for Liberty*, SUHAKAM dan Majlis Peguam berhubung dengan pelantikan keanggotaan IPCMC seperti yang berikut:

- (a) IPCMC diwakili oleh individu-individu yang berkelayakan terdiri daripada bekas hakim, bekas KPN, pegawai polis, pesara polis, penjawat awam dan termasuklah dalam kalangan wakil wanita;
 - (b) proses pemilihan dan pelantikan yang adil, telus dan berdasarkan merit, pembayaran saraan, elaun dan prosedur mengenai peletakan jawatan anggota Suruhanjaya ditentukan oleh Parlimen;
 - (c) kriteria dan mekanisme pelantikan anggota Suruhanjaya hendaklah mengambil kira calon yang berintegriti, berdisiplin, mempunyai pengalaman luas dalam bidang kepolisan dan bebas daripada pengaruh politik; dan
 - (d) tempoh jawatan anggota Suruhanjaya ditetapkan untuk tempoh lima tahun dan berkhidmat sebagai ahli Suruhanjaya secara sepenuh masa.
40. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan *Lawyers for Liberty* supaya KPN tidak menjadi sebahagian daripada ahli Lembaga Tatatertib IPCMC. Jawatankuasa juga mengambil maklum tanggapan SUHAKAM bahawa KPN tidak tertakluk di bawah bidang kuasa Lembaga Tatatertib IPCMC dan KPN sebagai anggota perkhidmatan awam di bawah Fasal (1) Perkara 132 PP seharusnya diberi layanan yang sama rata sebagaimana anggota PDRM yang lain.
41. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. Dato' Razali Basri, SAC Sulaiman bin Yahaya, SI Mohd Isa bin Simbok dan Puan Kogilavani a/p Supermaniam kedudukan KPN yang dikatakan telah direndahkan kerana beliau hanya bertindak sebagai saluran (*conduit*) apabila dilantik sebagai salah seorang anggota Lembaga Tatatertib IPCMC. Ia dikhuatiri akan memberi kesan terhadap elemen "arahan dan kawalan" (*command and control*) KPN.

42. Jawatankuasa mengambil maklum walaupun KPN bukan anggota Suruhanjaya, tetapi beliau adalah salah seorang daripada anggota Lembaga Tatatertib IPCMC yang memutuskan hukuman sebagaimana peranan SPP sedia ada. Ini adalah selaras dengan prinsip "*neutrality*". Keanggotaan KPN sebagai anggota Lembaga Tatatertib IPCMC memastikan keputusan yang dibuat mengambil kira segala aspek kepolisan yang melibatkan anggotanya. KPN masih mengekalkan "*command and control*" sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Polis 1967 [*Akta 344*].
43. **Jawatankuasa bersetuju dengan pengesyoran cadangan pindaan pada fasal 6 RUU IPCMC untuk mengadakan kelayakan khusus bagi anggota Suruhanjaya.**

Keahlian Mesyuarat Suruhanjaya

44. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan SI Mohd Isa bin Simbok supaya wakil PDRM dilantik menjadi ahli tetap dalam Mesyuarat Suruhanjaya bagi menasihati Suruhanjaya tentang perkara-perkara yang dibincangkan walaupun kehadirannya tidak melayakkan beliau untuk mengundi dalam mesyuarat tersebut.
45. Berdasarkan peruntukan subfasal 10(7) RUU IPCMC, Suruhanjaya boleh mengundang mana-mana wakil pasukan PDRM untuk menghadiri mesyuarat untuk membincangkan apa-apa perkara termasuklah menasihati Suruhanjaya, tetapi beliau tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu atau hadir semasa sesuatu keputusan dibuat.
46. **Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar keanggotaan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya sebagaimana fasal 10 RUU IPCMC dikekalkan dan tiada lantikan tetap dalam kalangan wakil atau pesara polis bagi memastikan kebebasan IPCMC sebagai badan pemantau bebas (*independent oversight body*).**

K. CADANGAN PENUBUHAN IPCMC

Kewajaran penubuhan IPCMC

47. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. CP Dato' Zamri Yahya, YB Tuan Satees Muniandy dan Dr. Sanen Marshall bahawa penubuhan IPCMC boleh mengelakkan dakwaan penyiasatan secara tidak telus dan berat sebelah oleh pasukan PDRM dan secara tidak langsung boleh meningkatkan keyakinan orang awam untuk melaporkan salah laku kepada IPCMC.
48. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan YBhg. CP Dato' Zamri Yahya bahawa IPCMC hendaklah diberikan kuasa yang sewajarnya bagi membolehkan IPCMC menjalankan fungsi dan kuasanya. Selain itu, IPCMC perlu diberikan pertambahan jawatan yang bersesuaian memandangkan PDRM menerima lebih kurang 2,000 aduan salah laku setiap tahun.
49. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan supaya peraturan-peraturan (*regulations*) berhubung tatacara kerja perlu digubal selari dengan pelaksanaan RUU IPCMC. Dalam hal ini, Jawatankuasa sedia maklum bahawa IPCMC akan menerima pakai P.U.(A) 395/1993 dalam mengendalikan prosiding tatatertib terhadap anggota PDRM.
50. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan SAC Sulaiman bin Yahaya dan En. Zakaria Harun bahawa perwakilan fungsi dan kuasa kepada PDRM menghakis fungsi IPCMC sebagai sebuah badan bebas (*independent body*) dan memperlihatkan ketidakupayaan IPCMC.
51. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan YBhg. CP Datuk Omar bin Mammah dan Puan Prema E. Devaraj supaya IPCMC melantik pegawai penyiasat dalam kalangan mereka yang mempunyai kepakaran khusus dalam sesuatu bidang. Bagi memastikan penyiasatan isu-isu integriti dilaksanakan oleh pihak yang memahami bidang tugas anggota PDRM, Jawatankuasa mengambil maklum bahawa para pegawai IPCMC akan terdiri daripada

pegawai EAIC sedia ada yang berkemahiran dan mempunyai pengalaman yang secukupnya bagi melaksanakan amanah dan tugas yang diberikan.

52. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan YBhg. Dato' Ambiga Sreenevasan, Puan Prema E. Devaraj, En. New Sin Yew, Majlis Peguam dan *Lawyers for Liberty* supaya IPCMC mempunyai kuasa setara atau lebih daripada EAIC termasuklah cadangan untuk memasukkan kuasa-kuasa siasatan seperti yang diperuntukan dalam Bahagian V, Akta 700 dan RUU IPCMC versi 2005.
53. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan oleh En. New Sin Yew supaya IPCMC tidak menjalankan siasatan bagi aduan-aduan salah laku kecil dan bersifat pentadbiran. Sebaliknya, IPCMC harus memberikan tumpuan siasatan pada salah laku yang melibatkan kepentingan awam.
54. **Jawatankuasa bersetuju bahawa penubuhan IPCMC boleh digunakan sebagai platform untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan anggota PDRM.**
55. **Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan Kerajaan menyediakan jumlah perjawatan dan kemudahan yang bersesuaian, peruntukan kewangan untuk latihan yang berterusan bagi membolehkan fungsi dan kuasa IPCMC dijalankan secara efektif.**

L. ULASAN PERUNTUKAN RUU

RUU bersifat terlalu umum

56. Jawatankuasa mengambil maklum kebimbangan yang dibangkitkan dalam penggubalan RUU IPCMC seperti yang berikut:

- (a) pandangan SAC Yusof bin Ahmad dan Insp. Sylvia Martin Dalog bahawa RUU perlu memberikan perlindungan pada rakyat jelata dan adil kepada pemegang taruh iaitu anggota PDRM. Terdapat beberapa peruntukan yang tidak adil pada PDRM dan kajian menyeluruh perlu dibuat pada RUU tersebut yang memberi kesan kepada anggota PDRM;
- (b) pandangan YBhg. Tan Sri IGP, SAC Sulaiman bin Yahaya, SAC Sapii bin Ahmad, SAC Razimi bin Ahmad, ACP M. Kumar A/L Mathivellu, ACP Mohd Nor Yhazid bin Idris, ACP Razmi bin Hj. Mohd Gunnos, *Lawyers for Liberty* dan Majlis Peguam berkenaan dengan RUU bersifat tidak matang, *Preamble* dan skop salah laku adalah terlalu luas yang boleh mendatangkan ketidakadilan;
- (c) pandangan YBhg. Tan Sri IGP, ACP Zaharuddin bin Md. Rasip, ACP M. Kumar A/L Mathivellu, ACP Mat Zake bin Jusoh, Supt. Nor Azizulkifli bin Mansor, *Lawyers for Liberty*, SUHAKAM dan Majlis Peguam tafsiran perkataan dalam RUU, fungsi dan mekanisme perwakilan kuasa (*delegation of powers*) adalah terlalu luas dan tidak jelas;
- (d) pandangan SUHAKAM dan Majlis Peguam bahawa perwakilan kuasa IPCMC kepada anggota PDRM di bawah subfasal 13(1) dan (2) RUU IPCMC perlu dipotong kerana dikhuatiri boleh menimbulkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*). SUHAKAM juga mencadangkan supaya semua pihak yang diwakili kuasa oleh IPCMC menzahirkan kepentingannya;
- (e) kuasa mengaudit dan memantau aspek operasi PDRM akan menimbulkan isu ketidakrahsiaan dalam menjalankan operasi. Kewajaran menggubal SOP berkaitan lawatan ke tempat tahanan dengan mengambil kira peraturan sedia ada dan garis panduan luar negara sebagaimana yang dicadangkan oleh YBhg. Tan Sri IGP, YBhg.

Dato' Shaharuddin bin Datuk Hj. Ali, SI Pajar Ali bin Rosman dan *Lawyers for Liberty*;

- (f) pandangan YBhg. Dato' Ambiga Sreenevasan, En. New Sin Yew, En. Lim Yi Zhe, En. Sophian Mohd Zain, *Lawyers for Liberty*, SUHAKAM dan Majlis Peguam berkenaan kuasa Perdana Menteri yang luas dalam urusan pelantikan anggota Suruhanjaya, meminda Jadual dan menggubal peraturan-peraturan (*regulations*);
- (g) pandangan YBhg. Tan Sri IGP, YBhg. Dato' Shaharuddin bin Datuk Hj. Ali, ACP M. Kumar A/L Mathivellu, ACP Mohd Nor Yhazid bin Idris, ACP Abd Rahim bin Daud dan Insp. Harminder Singh supaya subfasal 22(2) RUU IPCMC dikekalkan dan cadangan pindaan subfasal 22(2) yang baharu akan menghadkan skop salah laku yang dibuat melalui Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) di bawah seksyen 97 Akta 344;
- (h) pandangan *Lawyers for Liberty* bahawa peruntukan subfasal 22(2) RUU IPCMC sedia ada adalah tidak sempurna (*flawed*) dan bercanggah (*contradictory*) serta mencadangkan supaya salah laku yang dikawal selia melalui PTKPN tidak termasuk dalam skop salah laku di bawah subfasal 22(1) RUU IPCMC yang dibaca bersama P.U.(A) 395/1993;
- (i) pandangan Majlis Peguam supaya subfasal 22(2) RUU IPCMC sedia ada dipotong bagi meluaskan bidang kuasa siasatan IPCMC untuk menyiasat apa-apa aduan salah laku anggota PDRM;
- (j) pandangan SUHAKAM supaya kuasa Perdana Menteri menetapkan kelakuan yang boleh dikategorikan sebagai salah laku kecil di bawah cadangan pindaan subfasal 22(2) RUU IPCMC diberikan kepada Suruhanjaya;

- (k) pandangan YBhg. Tan Sri IGP, SAC Sulaiman bin Yahaya, ACP Zaharuddin bin Md. Rasip, ACP Tan Boon Seng, ACP Wan Khairuddin bin Wan Idris dan Insp. Zulkifli bin A. Rahim bahawa penerimaan aduan di bawah fasal 24 RUU IPCMC perlu dibuat secara bertulis untuk mengelakkan tohmahan kepada pihak PDRM. Aduan berbentuk surat layang, e-mel, sms dan *Wechat* perlu diabaikan;
- (l) kekhawatiran berlaku pertindihan siasatan oleh Pasukan Petugas (*Task Force*) IPCMC dan PDRM bagi kes kematian dalam jagaan (*death in custody*) dan cedera parah (*grievous hurt*) yang dibangkitkan oleh YBhg. Tan Sri IGP, YBhg. Dato' Razali bin Basri, Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, SAC Mohd Hanafiah bin Arshad, ACP Alias bin Abd. Wahab, ACP Zaharuddin bin Md. Rasip, ACP Mit a/l Emong, Supt. Abdul Fuad bin Abdul Malek dan Majlis Profesor Negara. IPCMC tidak perlu diberikan kuasa siasatan di bawah KTJ;
- (m) pandangan En. New Sin Yew, Majlis Peguam dan *Lawyers for Liberty* berkenaan Pasukan Petugas (*Task Force*) hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat di bawah KTJ bagi semua jenis aduan yang diterima. Kuasa siasatan Pasukan Petugas (*Task Force*) diluaskan untuk meliputi insiden kematian dan kecederaan parah yang diakibatkan *direct or indirect contact* dengan anggota pasukan polis;
- (n) pandangan Majlis Peguam dan *Lawyers for Liberty* untuk meluaskan pemakaian fasal 47 RUU IPCMC yang merangkumi apa-apa insiden kematian atau cedera parah semasa operasi polis;
- (o) pandangan YBhg. SAC Dato' Allaudeen bin Abd Majid dan SM Mat Ali bin Mat Daling untuk menggugurkan peruntukan fasal 33 RUU IPCMC berkenaan hukuman salah laku (*punishment for misconduct*) dan digubal dalam peraturan-peraturan (*regulations*);

- (p) pandangan YBhg. Tan Sri IGP, ACP M. Kumar a/l Mathivellu, ACP Abdul Rahman bin Kassim, SAC Sulaiman bin Yahaya, Supt. Lam Thiam Huat, Insp. Mohd Ridzuan bin Mamat dan En. Zakaria bin Haron bahawa peruntukan hukuman berbeza bagi kesalahan yang sama dalam RUU IPCMC dan KK sebagai contoh fasal 34 RUU IPCMC memperuntukkan hukuman denda dan penjara bagi kesalahan mengugut, mengeji atau mencederakan mana-mana orang kerana telah memberikan keterangan di hadapan Suruhanjaya manakala Bab XVI KK telah memperuntukkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang sama; dan
- (q) tanggapan YBhg. SAC Dato' Allaudeen bin Abdul Majid bahawa proviso pada Fasal (1) Perkara 140 PP tidak menyatakan bahawa tindakan surcaj dibenarkan untuk dilaksanakan oleh mana-mana badan lain. Pandangan YBhg. Tan Sri IGP agar surcaj dikeluarkan daripada RUU IPCMC dan dikekalkan di bawah bidang kuasa SPP.
57. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya fasal 35 RUU IPCMC berhubung dengan penghinaan (*contempt*) dipotong kerana kesalahan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah.**
58. **Jawatankuasa mengesyorkan bahawa sebelum melaksanakan kuasa untuk meminda Jadual dalam fasal 53 RUU IPCMC yang baharu, pindaan tersebut perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.**
59. **Jawatankuasa mengesyorkan bahawa sebelum melaksanakan kuasa untuk meminda peraturan-peraturan dalam fasal 54 RUU IPCMC yang baharu, pindaan tersebut perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.**
60. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya IPCMC adalah *accountable* kepada Parlimen selaras dengan prinsip “semak dan imbang” (*check and balance*).**

61. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan penambahbaikan peruntukan-peruntukan RUU IPCMC seperti yang berikut:

Fasal	Ulasan
<i>Preamble</i>	(i) Perkataan “dsb” adalah tidak jelas dan kabur. (ii) Memasukkan perkataan “menurut Perkara 140(1) Perlembagaan Persekutuan”.
Fasal 2	(i) Memasukkan tafsiran “Suruhanjaya Pasukan Polis”. (ii) Tafsiran “anggota pasukan polis” termasuk KPN. (iii) Menerima pakai tafsiran “aduan” sebagaimana diperuntukkan di dalam RUU IPCMC 2005.
Fasal 4	Memasukkan “kuasa untuk menerima dan menilai aduan” sebagai salah satu fungsi Suruhanjaya.
Fasal 5	Menggantikan perkataan “boleh” dengan perkataan “hendaklah”.
Fasal 13(1)(c)	Memotong peruntukan mengenai perwakilan kuasa IPCMC kepada anggota pasukan polis.
Fasal 14	Menghuraikan peranan Setiausaha iaitu menjalankan fungsi bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta IPCMC.
Fasal 16	Menjelaskan kuasa Suruhanjaya dalam urusan pelantikan pegawai secara pinjaman dari agensi kerajaan.
Fasal 22	(i) Mengekalkan pengecualian salah laku di bawah seksyen 96, 97 Akta 344; subfasal 22(2). (ii) Memasukkan pindaan untuk memperjelaskan skop salah laku di bawah subfasal 22(1)(b) iaitu “ <i>which has had an adverse effect on a member of the public</i> ” untuk disiasat oleh IPCMC, kecuali kes-kes salah laku kecil. (iii) Meluaskan pemakaian Akta ini seperti yang berikut – <ul style="list-style-type: none"> (a) melibatkan mana-mana orang yang bukan seorang anggota polis; (b) sama ada anggota polis tersebut dalam tugas rasmi ataupun tidak; (c) sama ada sesuatu salah laku tersebut berlaku di dalam atau di luar Malaysia;

	<p>(d) melibatkan salah laku yang berlaku sebelum Akta ini dikuatkuasakan; dan</p> <p>(e) melibatkan bekas anggota pasukan polis.</p> <p>(iv) SPP mengekalkan kawalan tatatertib terhadap anggota pasukan polis melibatkan salah laku selain yang diperuntukkan di bawah fasal 22.</p>
Fasal 22(1)(f)	Memotong perenggan (1)(f).
Fasal 23	Jawatankuasa aduan dipengerusikan oleh anggota Suruhanjaya.
Fasal 24	<p>(i) Mekanisme bagi memastikan mana-mana aduan yang diterima oleh Ketua Jabatan di bawah subfasal 24(2) dirujuk kepada IPCMC.</p> <p>(ii) Aduan yang dibuat kepada IPCMC hendaklah diambil secara bersumpah.</p> <p>(iii) Penerimaan aduan perlu secara bertulis untuk mengelakkan tohmahan kepada pihak PDRM. Aduan berbentuk surat layang, e-mel, sms dan Wechat perlu diabaikan.</p> <p>(iv) Percanggahan dengan keperluan untuk IPCMC memaklum pengadu dapatan siasatan di bawah fasal 28(3).</p>
Fasal 25	<p>(i) Mekanisme pelaksanaan, terutamanya berhubung dengan pengelasan aduan yang melibatkan kesalahan jenayah.</p> <p>(ii) Menggantikan perkataan "<i>shall be referred</i>" kepada "<i>shall be notified</i>".</p>
Fasal 25(b)	Memasukkan definisi frasa "pihak berkuasa yang berkenaan".
Fasal 25(d)	<p>(i) Memotong subfasal 25(d)(iii) dan (iv).</p> <p>(ii) Memasukkan peruntukan keseksaan (<i>penal provision</i>) untuk menangani kes-kes aduan yang remeh, menyusahkan dan tidak dibuat dengan suci hati.</p>
Fasal 26 dan 27	<p>(i) Mewujudkan satu saluran khas bagi memohon dokumen terperinci.</p> <p>(ii) Hukuman perlu sepadan dengan kesalahan memandangkan kesalahan tersebut bersifat prosedur sahaja.</p>

Bahagian V	<p>(i) Memasukkan peruntukan baharu mengenai:</p> <p>(a) perwakilan oleh peguam;</p> <p>(b) pengaitan diri dengan perbuatan jenayah (<i>self-incrimination</i>); dan</p> <p>(c) kerahsiaan.</p> <p>(ii) Memasukkan peruntukan yang menghalang pasukan polis daripada mengguna pakai Akta Rahsia Rasmi 1972 [<i>Akta 88</i>]</p>
Fasal 28	<p>(i) Memasukkan peruntukan berkenaan dengan pemakluman dapatan kepada pengadu yang tidak dikenali (<i>anonymous complainant</i>).</p> <p>(ii) Memasukkan tafsiran “dapatan”.</p> <p>(iii) Menjelaskan perkataan “pegawai penyiasat”.</p>
Fasal 29	Memotong fasal ini kerana siasatan IPCMC lebih menjurus kepada salah laku.
Fasal 29(2)	Melantik pesara polis atau orang yang mempunyai kepakaran untuk menganggotai pasukan petugas.
Fasal 29(3) dan 47	<p>(i) Pasukan petugas hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat di bawah KTJ bagi semua jenis aduan yang diterima.</p> <p>(ii) Meluaskan kuasa siasatan pasukan petugas meliputi insiden kematian dan kecederaan parah yang diakibatkan <i>direct or indirect contact</i> dengan anggota pasukan PDRM.</p>
Fasal 31(4)	<p>(i) Mewujudkan mekanisme pemilihan anggota Lembaga Tatatertib Khas.</p> <p>(ii) Memotong subfasal 31(4).</p>
Fasal 32(3)	Menggubal satu peraturan (<i>regulation</i>) berkenaan kawalan tatatertib.
Fasal 33	Memasukkan peruntukan mengenai pemakluman keputusan serta alasan hukuman salah laku kepada pengadu.
Fasal 34	Memotong fasal ini kerana kesalahan “ugutan” merupakan satu kesalahan jenayah di bawah KK.

Fasal 35	<p>(i) Mengecilkan skop definisi penghinaan supaya tidak termasuk apa-apa perbuatan tidak hormat atau apa-apa kejian terhadap Suruhanjaya.</p> <p>(ii) Memasukkan mana-mana ketidakpatuhan kepada Fasal 36(2) dalam definisi penghinaan.</p> <p>(iii) Memotong seksyen ini kerana tiada keperluan untuk dimasukkan.</p>
Fasal 37	<p>(i) Memasukkan tempoh masa 14 hari untuk agensi berkaitan mengemukakan maklumat.</p> <p>(ii) Menjadikan semua maklumat statistik yang diperolehi sebagai dokumen awam.</p>
Fasal 47	<p>(i) Memotong perkataan “dalam jagaan”.</p> <p>(ii) Memasukkan penyiasatan kes kematian semasa operasi polis dijalankan.</p> <p>(iii) Menetapkan tempoh masa 24 jam kepada anggota PDRM untuk merujuk kes-kes kematian dalam jagaan (<i>death in custody</i>) dan cedera parah (<i>grievous hurt</i>) kepada IPCMC.</p>

62. **Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar RUU IPCMC dipinda sebagaimana berikut:**

- (a) memasukkan takrif baharu “Ketua Jabatan”, “Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil” dan “salah laku kecil” dan untuk meminda takrif sedia ada “Lembaga Tatatertib” dan “Suruhanjaya”;**
- (b) fasal 33 yang baharu dimasukkan dengan memperuntukkan bahawa prosiding untuk menangani salah laku kecil hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; dan**
- (c) memasukkan Jadual Kedua Baharu untuk menjelaskan keanggotaan Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil.**

63. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya peruntukan berbentuk *penal* bagi ketidakpatuhan mengemukakan dokumentasi, akses, keterangan dan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh IPCMC digantikan sebagai suatu bentuk kesalahan salah laku yang boleh dikenakan tindakan tatatertib, melainkan peruntukan-peruntukan penal dalam fasal 26, 27 dan 38 oleh kerana fasal-fasal tersebut juga terpakai kepada pihak-pihak bukan pegawai polis yang tidak tertakluk kepada IPCMC. Oleh yang demikian, sekiranya tiada akibat penal dalam fasal-fasal tersebut, maka pihak-pihak bukan pegawai polis yang melanggar fasal-fasal tersebut tidak dapat dikenakan sebarang hukuman.**

BAHAGIAN VII

RUMUSAN JAWATANKUASA

Berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Mengenai Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 DR 25/2019, Jawatankuasa bersetuju mengemukakan syor-syor yang terkandung dalam Laporan ini.

Walau bagaimanapun, YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar (Ahli Parlimen Santubong) berpendirian bahawa RUU IPCMC hanya boleh dibentangkan di Parlimen sekiranya IPCMC diwujudkan sebagai suatu badan pemantau (*monitoring body*) sama seperti IOPC dan *Independent Police Complaints Council* (IPCC) Hong Kong. Ini akan memberi semula kuasa tatatertib kepada SPP dan KPN atau pegawai-pegawai yang diwakilkan kuasa oleh KPN sehingga ke peringkat bahagian (Sarawak) dan daerah (di negeri-negeri lain).

Sementara itu, YB Dato' Sri Azalina Othman Said (Ahli Parlimen Pengerang) tidak bersetuju dengan penubuhan IPCMC atas alasan tidak berperlembagaan. Walau bagaimanapun, jika pihak PDRM menerima penubuhan IPCMC sebagai badan pemantau bebas (*independent oversight body*) dan segala syarat serta cadangan dilaksanakan seperti yang tertulis dalam surat KPN bertarikh 20 November 2019, Ahli Parlimen Pengerang **Tiada Halangan** dengan cadangan penubuhan IPCMC.

Walau apapun pendirian YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Ahli Parlimen Santubong) dan YB Dato' Sri Azalina Othman Said (Ahli Parlimen Pengerang), syor-syor yang dipersetujui oleh Jawatankuasa untuk dikemukakan adalah seperti yang berikut:

1. Jawatankuasa bersetuju bahawa fungsi IPCMC untuk menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota PDRM adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan mengesyorkan agar penubuhan IPCMC diteruskan setelah mengambil kira pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan semasa sesi konsultasi dan pendengaran awam.

2. Jawatankuasa bersetuju dengan syor supaya EAIC dimansuhkan dan digantikan dengan IPCMC. Namun, sehingga undang-undang baharu dibentangkan untuk menangani masalah-masalah salah laku anggota-anggota agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, Jawatankuasa mengesyorkan agar Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] dipinda untuk mengecualikan PDRM dan pemakaian Akta 700 diteruskan ke atas agensi-agensi penguatkuasaan yang lain tersebut.
3. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar kuasa siasatan jenayah terutamanya kuasa penyiasatan Pasukan Petugas (*Task Force*) di bawah KTJ yang diperuntukkan di bawah fasal 29 (Pasukan Petugas) dan fasal 47 (Tanggungjawab untuk merujuk kes cedera parah atau kematian dalam jagaan) diperincikan dengan lebih jelas bagi mengelakkan kekeliruan berkenaan kuasa penyiasatan di bawah KTJ yang terpakai.
4. Jawatankuasa mengesyorkan supaya IPCMC diberi kuasa menyelia dan memberi arahan kepada PDRM untuk menyiasat aduan bersifat jenayah yang dilakukan oleh anggota PDRM.
5. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan supaya para pegawai IPCMC diberikan kursus latihan asas siasatan wajib bagi setiap pengambilan pegawai siasatan baharu, pertambahan sumber tenaga manusia, ruang pejabat yang bersesuaian.
6. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan supaya IPCMC melaksanakan mekanisme pengurusan aduan yang lebih komprehensif melibatkan tapisan aduan-aduan sebagaimana dipraktikkan oleh IOPC melalui *Statutory Guidance* dan digubal sebagai peraturan (*regulation*) di bawah fasal 50 RUU IPCMC.
7. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan supaya IPCMC mewakilkan kuasanya untuk menolak aduan di bawah subfasal 25(e) RUU IPCMC yang baharu kepada mana-mana pegawai IPCMC bagi mengelakkan anggapan orang awam berhubung dengan keterlibatan Pesuruhjaya dalam proses siasatan. Melalui perwakilan kuasa itu, tempoh penyelesaian aduan dapat

disingkatkan dan Pesuruhjaya boleh memberikan tumpuan pada pendengaran kes-kes tatatertib salah laku anggota PDRM sekaligus meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kebebasan IPCMC.

8. Jawatankuasa bersetuju dengan pengesyoran agar fasal 13 RUU IPCMC dipinda untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya mewakili fungsi dan kuasanya kepada mana-mana pegawai Suruhanjaya. Namun, Jawatankuasa mengesyorkan perkataan “mana-mana anggota pasukan polis” dalam subfasal 13(1)(d) yang baharu RUU IPCMC dipotong.
9. Jawatankuasa mengesyorkan supaya IPCMC dan JIPS menjalinkan kerjasama dan hubungan kerja yang kukuh sebagaimana amalan antara IOPC dan *Police Force Professional Standards Department* (PSD) bagi memastikan penjalanan fungsi kedua-dua pihak dioptimumkan pada tahap yang terbaik, sekali gus dapat meningkatkan keyakinan rakyat terhadap PDRM.
10. Jawatankuasa bersetuju bahawa prinsip *natural justice* perlu dipatuhi namun, tiada keperluan untuk menggubal “Bill of Rights” sebagai sebahagian daripada RUU IPCMC memandangkan IPCMC menerima pakai Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U.(A) 395/1993*] dengan ubah suaian yang sewajarnya dalam mengendalikan prosiding tatatertib terhadap anggota PDRM.
11. Jawatankuasa bersetuju dengan pengesyoran supaya fasal 35, 36 dan 37 yang baharu dimasukkan bagi memberikan hak kepada mana-mana anggota PDRM yang terkilan dengan keputusan PBT PDRM untuk merayu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil IPCMC dengan syarat salah laku kecil itu diberikan tafsiran yang nyata dan jelas. Jawatankuasa seterusnya berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk memasukkan mekanisme berkenaan rayuan bagi kes-kes selain daripada salah laku kecil.

12. Jawatankuasa mengesyorkan agar latihan bagi pegawai-pegawai penyiasat IPCMC dijalankan secara intensif untuk meningkatkan lagi kemahiran pegawai baharu dan sedia ada sebagaimana yang dilaksanakan oleh IOPC.
13. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan supaya IPCMC melaksanakan mekanisme pengurusan aduan yang lebih komprehensif melibatkan tapisan aduan-aduan sebagaimana dipraktikkan oleh IOPC melalui *Statutory Guidance* dan digubal sebagai peraturan (*regulation*) di bawah fasal 50 RUU IPCMC untuk menangani aduan berbentuk tohmahan yang tidak berasas terhadap anggota PDRM.
14. Jawatankuasa bersetuju dengan keanggotaan wakil PDRM dan SPP di dalam Lembaga Tatatertib IPCMC sebagaimana diperuntukkan di bawah fasal 31 RUU IPCMC (kuasa tatatertib), dapat membantu dalam menilai faktor-faktor dalaman dan luar kawalan semasa menimbangkan sesuatu hukuman tatatertib.
15. Jawatankuasa mencadangkan subfasal 31(4) RUU IPCMC dipinda agar IPCMC diberi kuasa untuk menetapkan keahlian dalam Lembaga Tatatertib Khas. Cadangan pindaan adalah seperti yang berikut:

“31. (4) Walau apa pun subseksyen (3), jika aduan salah laku itu adalah terhadap Ketua Polis Negara, Suruhanjaya hendaklah menubuhkan suatu Lembaga Tatatertib Khas yang terdiri daripada anggota, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua untuk mendengar aduan itu dan prosiding di hadapan Lembaga Tatatertib Khas itu hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 31(4)]

<i>Lembaga Tatatertib Khas</i>		
<i>(1) Kategori Pegawai</i>	<i>(2) Bidang Kuasa</i>	<i>(3) Keanggotaan Lembaga Rayuan Tatatertib</i>
<i>Ketua Polis Negara</i>	<i>Semua tindakan tatatertib</i>	<i>Pengerusi: Pengerusi Suruhanjaya</i> <i>Anggota: Dua orang anggota Suruhanjaya</i> <i>Anggota-anggota lain yang sekurang-kurangnya setaraf dengan Ketua Polis Negara</i>

16. Jawatankuasa bersetuju bahawa pesara polis, polis bantuan dan polis simpanan bukanlah seorang “pegawai” dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagaimana yang dihuraikan menurut Perkara 132 PP dan tidak tertakluk kepada kawalan tata tertib IPCMC.
17. Jawatankuasa mengesyorkan agar Kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya untuk meningkatkan fasiliti, logistik dan kebajikan seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di lokap, pemakaian kamera badan (*body worn camera*) dan kenderaan pasukan PDRM.
18. Jawatankuasa mengesyorkan agar KDN menyediakan suatu mekanisme untuk penyaluran segera peruntukan kewangan melalui penubuhan PTJ bagi setiap Negeri supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh PDRM yang bertugas di balai-balai atau pondok polis.
19. Jawatankuasa bersetuju peranan JIPS dan kawalan tata tertib PBT PDRM masih relevan sebagaimana pengesyoran dengan cadangan pindaan seperti yang berikut:
 - (a) subfasal 22(2) untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk menetapkan mana-mana tatakelakuan yang boleh dikategorikan sebagai salah laku kecil dan pindaan selanjutnya untuk memperincikan secara jelas dan nyata jenis-jenis salah laku kecil;
 - (b) fasal 25 dipinda dengan memasukkan perenggan (d) ke dalam fasal 25 bagi membolehkan IPCMC merujuk aduan salah laku kecil kepada Ketua Jabatan PDRM bagi tujuan penyiasatan;
 - (c) fasal 31 dipinda dengan memasukkan subfasal (5) yang baharu untuk memberikan Suruhanjaya kuasa untuk melantik mana-mana anggota PDRM untuk menjalankan bidang kuasa tata tertib ke atas aduan salah laku kecil; dan

- (d) fasal 34 dipinda dengan memasukkan perenggan subfasal (2) yang baharu untuk memberi mana-mana anggota PDRM yang dilantik untuk menjalankan fungsi kawalan tatatertib atas aduan salah laku kecil.
20. Jawatankuasa bersetuju dengan pengesyoran pindaan nama “Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis” digantikan dengan nama “Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis” / (“*Independent Commission for Police Conduct*”).
 21. Jawatankuasa bersetuju dengan pengesyoran cadangan pindaan pada fasal 6 RUU IPCMC untuk mengadakan kelayakan khusus bagi anggota Suruhanjaya.
 22. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar keanggotaan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya sebagaimana fasal 10 RUU IPCMC dikekalkan dan tiada lantikan tetap dalam kalangan wakil atau pesara polis bagi memastikan kebebasan IPCMC sebagai badan pemantau bebas (*independent oversight body*).
 23. Jawatankuasa bersetuju bahawa penubuhan IPCMC boleh digunakan sebagai platform untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan anggota PDRM.
 24. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan Kerajaan menyediakan jumlah perjawatan dan kemudahan yang bersesuaian, peruntukan kewangan untuk latihan yang berterusan bagi membolehkan fungsi dan kuasa IPCMC dijalankan secara efektif.
 25. Jawatankuasa mengesyorkan supaya fasal 35 RUU IPCMC berhubung dengan penghinaan (*contempt*) dipotong kerana kesalahan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah.
 26. Jawatankuasa mengesyorkan bahawa sebelum melaksanakan kuasa untuk meminda Jadual dalam fasal 53 RUU IPCMC yang baharu, pindaan tersebut perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

27. Jawatankuasa mengesyorkan bahawa sebelum melaksanakan kuasa untuk meminda peraturan-peraturan dalam fasal 54 RUU IPCMC yang baharu, pindaan tersebut perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.
28. Jawatankuasa mengesyorkan supaya IPCMC adalah *accountable* kepada Parlimen selaras dengan prinsip “semak dan imbang” (*check and balance*).
29. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar RUU IPCMC dipinda sebagaimana berikut:
 - (a) memasukkan takrif baharu “Ketua Jabatan”, “Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil” dan “salah laku kecil” dan untuk meminda takrif sedia ada “Lembaga Tatatertib” dan “Suruhanjaya”;
 - (b) fasal 33 yang baharu dimasukkan dengan memperuntukkan bahawa prosiding untuk menangani salah laku kecil hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; dan
 - (c) memasukkan Jadual Kedua Baharu untuk menjelaskan keanggotaan Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil.
30. Jawatankuasa mengesyorkan bahawa adalah perlu untuk anggota PDRM yang dikenakan prosiding tatatertib di bawah RUU IPCMC ini diberi hak untuk didengar, hak untuk diwakili peguam, hak untuk maklumat pertuduhan dinyatakan secara jelas dalam notis pertuduhan dan hak untuk dibekalkan apa-apa dokumen yang akan digunakan terhadapnya dalam prosiding tatatertib.
31. Jawatankuasa mengesyorkan bahawa anggota PDRM yang disiasat dan dikenakan hukuman tatatertib di bawah RUU IPCMC ini diberi hak untuk merayu keputusan tatatertib tersebut kepada Lembaga Rayuan Tatatertib dan hak tersebut adalah terpakai untuk semua jenis salah laku yang mana anggota PDRM tersebut dikenakan tindakan dan hukuman tatatertib.

32. Jawatankuasa mengesyorkan supaya peruntukan berbentuk *penal* bagi ketidakpatuhan mengemukakan dokumentasi, akses, keterangan dan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh IPCMC digantikan sebagai suatu bentuk kesalahan salah laku yang boleh dikenakan tindakan tatatertib, melainkan peruntukan-peruntukan *penal* dalam fasal 26, 27 dan 38 oleh kerana fasal-fasal tersebut juga terpakai kepada pihak-pihak bukan anggota PDRM yang tidak tertakluk kepada IPCMC. Oleh yang demikian, sekiranya tiada akibat *penal* dalam fasal-fasal tersebut, maka pihak-pihak bukan anggota PDRM yang melanggar fasal-fasal tersebut tidak dapat dikenakan sebarang hukuman.
33. Jawatankuasa mengesyorkan supaya suatu peruntukan baharu dimasukkan untuk mewajibkan Jawatankuasa Aduan, Lembaga Tatatertib atau Suruhanjaya untuk memberikan alasan bagi dapatan dan keputusan berkenaan siasatan yang telah dibuat di bawah RUU IPCMC.
34. Jawatankuasa mengesyorkan supaya keanggotaan Suruhanjaya di bawah fasal 6 dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi memastikan ketelusan dan mengelakkan persepsi wujudnya campur tangan atau pelibatan Eksekutif dalam hal pelantikan anggota Suruhanjaya.
35. Jawatankuasa mengesyorkan supaya peruntukan yang menjamin hak untuk berdiam diri (*'right to remain silent'*) seperti proviso dalam seksyen 112(2) KTJ dimasukkan dalam fasal 26 dan 27 kerana hak tersebut adalah terjamin di bawah PP dan adalah prinsip *natural justice*.
36. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan pindaan-pindaan lanjut seperti yang berikut:
- (a) kuasa Suruhanjaya menetapkan mana-mana tatakelakuan yang boleh dikategorikan sebagai salah laku kecil di bawah subfasal 22(2) yang baharu hendaklah diperincikan secara jelas dan nyata;
 - (b) subfasal 22(1)(c) yang baharu dipinda dengan memotong perkataan 'tidak munasabah';

- (c) suatu peruntukan baharu dimasukkan dalam fasal 24 bagi menjadikan kegagalan mematuhi subfasal 24(2) sebagai suatu kesalahan tatatertib;
- (d) suatu peruntukan baharu seperti yang berikut dimasukkan dalam fasal 25 bagi menjadikan pengelasan aduan yang melibatkan apa-apa kesalahan jenayah atau berunsur rasuah di bawah subfasal 25(a) dan (b) disiasat oleh IPCMC:

“(f) Walau apa-apapun subseksyen (a) dan (b) di atas, Suruhanjaya hendaklah menyiasat aduan yang dirujuk kepadanya di bawah subseksyen (a) dan (b).”

- (e) subfasal 25(e)(iii) yang baharu dipotong kerana walaupun wujudnya suatu cara tebus rugi alternatif dan memuaskan bagi pengadu, aduan tersebut masih merupakan salah laku yang perlu disiasat;
- (f) perkataan ‘boleh’ (*may*) dalam subfasal 28(2) digantikan dengan perkataan ‘hendaklah’ (*shall*);
- (g) suatu peruntukan baharu seperti yang berikut dimasukkan dalam fasal 28 bagi membolehkan pegawai IPCMC meneruskan siasatan selepas Jawatankuasa Aduan menimbangkan dapatan:

“(e) Walau apa-apapun subseksyen (a) dan (b) di atas, Jawatankuasa Aduan hendaklah merujuk dapatan salah laku dalam subseksyen (a) dan (b) kepada Suruhanjaya bagi maksud memulakan prosiding bagi menangani salah laku itu di bawah Bahagian VI”

- (h) subfasal 38(1) dipotong kerana peruntukan tersebut bersifat ‘ouster clause’ yang mengecualikan semakan kehakiman Mahkamah;

- (i) fasal 12 dipinda –
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “*apa-apa perkara yang dibincangkan,*” perkataan “prosiding atau pendengaran”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “mengenai apa-apa prosiding” dengan perkataan “*apa-apa perkara yang dibincangkan, prosiding atau pendengaran*”;
 - (j) perkataan ‘hendaklah’ (*shall*) dalam subfasal 25(e) yang baharu digantikan dengan perkataan ‘boleh’ (*may*) supaya Jawatankuasa Aduan dan Suruhanjaya mempunyai budi bicara untuk menolak aduan;
 - (k) perkataan ‘dan’ dalam subfasal 32(1) dipinda kepada perkataan ‘atau’; dan
 - (l) fasal 51 yang baharu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan ‘*jagaan pasukan polis*’ perkataan ‘*atau dalam mana-mana operasi pasukan polis*’.
37. Jawatankuasa mengesyorkan supaya tindakan sewajarnya diambil terhadap kesemua syor yang telah dikemukakan.

BAHAGIAN VIII

PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat termasuklah individu, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan yang telah memberikan kerjasama dengan tampil di hadapan Jawatankuasa untuk memberi keterangan dan mengemukakan pandangan serta cadangan yang berkaitan mengenai Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (RUU IPCMC).
2. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan kemudahan-kemudahan terutamanya kepada Parlimen Malaysia, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH JPM), Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Dewan Undangan Negeri Johor, Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak yang telah memberi kerjasama kepada Jawatankuasa ini semasa mengadakan sesi-sesi pendengaran awam.
3. Sekalung penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Mengenai Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCCM) 2019 dan kepada semua kementerian/ agensi/ jabatan seperti yang berikut:
 - (a) Parlimen Malaysia;
 - (b) Ketua Polis Negara dan Polis Diraja Malaysia;
 - (c) Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC);
 - (d) Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC);
 - (e) Jabatan Peguam Negara (AGC);
 - (f) Kementerian Dalam Negeri (KDN);
 - (g) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM); dan
 - (h) Pejabat Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

atas sumbangan yang dicurahkan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

4. Jawatankuasa juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua ahli Dewan yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul dan yang telah menghulurkan apa jua sumbangan demi menjayakan usaha Jawatankuasa ini untuk mendapatkan pandangan orang ramai berkenaan RUU IPCMC.

**Ahli-Ahli Jawatankuasa Khas Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang
Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019**



Lampiran 1

Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019

D.R. 25/2019

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS
ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN, FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

3. Penubuhan Suruhanjaya
4. Fungsi Suruhanjaya
5. Kuasa Suruhanjaya
6. Anggota Suruhanjaya
7. Tempoh jawatan
8. Saraan
9. Pengosongan jawatan
10. Mesyuarat
11. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
12. Penzahiran kepentingan
13. Perwakilan fungsi dan kuasa Suruhanjaya

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN

14. Setiausaha
15. Penjalanan sementara fungsi Setiausaha

Fasal

16. Pegawai
17. Perunding
18. Jawatankuasa
19. Kad kuasa
20. Penggunaan kakitangan atau kemudahan jabatan kerajaan, dsb.
21. Kerjasama dengan agensi lain

BAHAGIAN IV

ADUAN SALAH LAKU

22. Skop salah laku
23. Jawatankuasa Aduan
24. Aduan terhadap polis
25. Pengelasan aduan

BAHAGIAN V

KUASA PENYIASATAN

26. Kuasa untuk memeriksa orang
27. Kuasa untuk memperoleh dokumen atau benda lain
28. Dapatan penyiasatan
29. Pasukan Petugas
30. Suruhanjaya boleh memulakan penyiasatan

BAHAGIAN VI

PROSIDING MENANGANI SALAH LAKU

31. Kuasa tatatertib
32. Prosiding untuk menangani salah laku
33. Hukuman salah laku

BAHAGIAN VII

KESALAHAN

Fasal

34. Ugutan terhadap orang yang memberikan keterangan
35. Penghinaan

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

36. Surcaj
37. Pembekalan maklumat
38. Perlindungan daripada liabiliti
39. Penguntukan wang tahunan
40. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980
41. Laporan tahunan
42. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
43. Pekhidmat awam
44. Obligasi kerahsiaan
45. Pemulaan dan penjalanan pendakwaan
46. Perlindungan orang yang membantu Suruhanjaya
47. Tanggungjawab untuk merujuk kes cedera parah atau kematian dalam jagaan
48. Pasukan polis hendaklah membekalkan maklumat
49. Kuasa meminda Jadual
50. Peraturan-peraturan

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

51. Pemansuhan dan pembubaran
52. Pesuruhjaya Suruhanjaya dibubarkan
53. Pemindahan kuasa, hak, dsb.

Fasal

54. Pemindahan wang dalam dana Suruhanjaya dibubarkan
55. Peletakhakan harta, dsb.
56. Perjanjian sedia ada, dsb.
57. Pegawai dan staf Suruhanjaya dibubarkan disifatkan pegawai Suruhanjaya
58. Aduan, dsb., agensi penguatkuasaan selain Polis Diraja Malaysia
59. Penerusan aduan, dsb., salah laku polis
60. Penerusan prosiding tatatertib yang belum selesai berhubung dengan salah laku di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib polis

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis dan untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasanya, termasuklah perkara yang berhubungan dengan aduan salah laku, siasatan salah laku, prosiding untuk menangani salah laku dsb., dan mengenai perkara lain yang berkaitan dengannya.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

[]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Perdana Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota pasukan polis” ertinya mana-mana anggota pasukan polis yang ditubuhkan di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan;

“anggota Suruhanjaya” ertinya Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota Suruhanjaya lain yang dilantik di bawah seksyen 6;

“badan awam” termasuklah—

(a) Kerajaan Malaysia;

(b) Kerajaan Negeri;

(c) mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang lain; dan

(d) mana-mana jabatan atau perkhidmatan Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri, atau pihak berkuasa tempatan;

“jawatankuasa” ertinya mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 18;

“Jawatankuasa Aduan” ertinya Jawatankuasa Aduan yang ditubuhkan di bawah seksyen 23;

“Lembaga Tatatertib” ertinya Lembaga Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen 31(3);

“Pasukan Petugas” ertinya suatu Pasukan Petugas yang ditubuhkan di bawah seksyen 29;

“pegawai Suruhanjaya” ertinya pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 16 dan termasuklah Setiausaha yang dilantik di bawah seksyen 14;

“salah laku” ertinya salah laku sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 22;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN, FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

Penubuhan Suruhanjaya

3. (1) Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis ditubuhkan.

(2) Suruhanjaya hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Suruhanjaya boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(4) Suruhanjaya boleh, tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya dan bagi maksud Akta ini—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan

(c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Suruhanjaya.

Fungsi Suruhanjaya

4. Fungsi Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

(a) untuk menggalakkan integriti dalam kalangan pasukan polis;

(b) untuk melindungi kepentingan orang awam melalui pencegahan dan penanganan salah laku mana-mana anggota pasukan polis;

(c) untuk membentuk dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh mana-mana anggota pasukan polis;

- (d) untuk menasihati Kerajaan dan membuat syor berhubung dengan langkah-langkah yang sesuai untuk diambil dalam menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis; dan
- (e) untuk menjalankan kawalan tatatertib terhadap semua anggota pasukan polis mengikut apa-apa cara yang diperuntukkan dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis.

Kuasa Suruhanjaya

5. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa dan boleh menjalankan apa-apa benda yang perlu atau suai manfaat bagi, atau berkaitan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Suruhanjaya boleh—

- (a) menasihati Kerajaan mengenai menambah baik kesejahteraan dan kebajikan anggota pasukan polis;
- (b) membantu Kerajaan dalam membentuk perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau pasukan polis, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku;
- (c) mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu kemudahan, logistik, operasi dan tatacara operasi standard polis;
- (d) membuat lawatan ke mana-mana tempat dan premis seperti balai polis, rumah kakitangan polis, lokap dan pusat tahanan dan membuat apa-apa syor yang perlu;
- (e) mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara operasi standard polis dan membuat apa-apa syor yang perlu;

- (f) menerima dan menilai apa-apa aduan salah laku daripada mana-mana orang terhadap mana-mana anggota pasukan polis dan menyiasat aduan itu; dan
- (g) mengumpul dan memproses maklumat dan keterangan yang berhubungan dengan apa-apa penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh mengambil apa-apa langkah yang sah dan melakukan apa-apa perbuatan yang sah sebagaimana perlu yang berkaitan dengannya.

Anggota Suruhanjaya

6. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik tidak lebih daripada sepuluh anggota Suruhanjaya, yang daripadanya hendaklah ada seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi, bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan.

(2) Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya jika dia ialah atau pernah menjadi seorang anggota pasukan polis atau dia ialah seorang anggota perkhidmatan awam.

Tempoh jawatan

7. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang anggota Suruhanjaya memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, dan dia layak untuk dilantik semula.

(2) Seseorang tidak boleh memegang jawatan anggota Suruhanjaya melebihi dua penggal yang berturut-turut.

(3) Seseorang anggota Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan surat yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong.

(4) Pelantikan seseorang anggota Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Saraan

8. Seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Pengosongan jawatan

9. Jawatan seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan yang berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Suruhanjaya;
- (f) dia dipilih atau dilantik sebagai ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri mana-mana Negeri;
- (g) peletakan jawatannya telah diterima oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (h) pelantikannya telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong; atau
- (i) tempoh pelantikannya telah tamat.

Mesyuarat

10. (1) Suruhanjaya hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali sebulan atau seberapa kerap yang perlu untuk melaksanakan fungsinya.

(2) Pengerusi Suruhanjaya hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Suruhanjaya.

(3) Kuorum Suruhanjaya ialah lima orang.

(4) Tiap-tiap anggota Suruhanjaya yang hadir berhak mendapat satu undi dan jika mengenai sesuatu persoalan untuk ditentukan oleh Suruhanjaya terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Suruhanjaya hendaklah menentukan penjalanan prosidingnya sendiri.

(6) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(7) Suruhanjaya boleh mengundang mana-mana orang atau mana-mana wakil daripada pasukan polis untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak mengundi dalam mesyuarat itu atau hadir semasa sesuatu keputusan dibuat.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

11. Walau apa pun subseksyen 10(2), jika Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsinya kerana apa-apa sebab, atau dalam apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, atau jika dia tidak ada, mana-mana anggota Suruhanjaya yang dilantik oleh anggota Suruhanjaya yang lain, hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi.

Penzahiran kepentingan

12. Seseorang anggota Suruhanjaya yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempunyai sendiri, melalui anggota keluarganya atau sekutunya, apa-apa kepentingan mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Suruhanjaya

atau mengenai apa-apa prosiding untuk menangani salah laku di hadapan Suruhanjaya, hendaklah menzahirkan hakikat dan jenis kepentingannya dan penzahiran sedemikian hendaklah direkodkan dalam minit atau nota prosiding untuk menangani salah laku itu dan anggota Suruhanjaya itu hendaklah mengundur diri daripada mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan mengenai, prosiding untuk menangani, atau semasa Suruhanjaya membuat apa-apa keputusan berhubung dengan, salah laku itu.

Pewakilan fungsi dan kuasa Suruhanjaya

13. (1) Suruhanjaya boleh, mewakilan fungsi dan kuasanya kepada—

- (a) mana-mana anggota Suruhanjaya;
- (b) mana-mana Jawatankuasa; atau
- (c) mana-mana anggota pasukan polis.

(2) Anggota Suruhanjaya, jawatankuasa atau anggota pasukan polis yang diwakilkan fungsi dan kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah terikat kepada pematuhan dan memberikan perhatian kepada semua syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Suruhanjaya dan semua keperluan, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Suruhanjaya berhubung dengan pewakilan kuasa itu.

(3) Apa-apa fungsi dan kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan atas nama dan bagi pihak Suruhanjaya.

(4) Pewakilan kuasa di bawah seksyen ini tidak akan menghalang Suruhanjaya daripada menjalankan sendiri fungsi dan kuasa yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN

Setiausaha

14. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai seorang Setiausaha yang hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Suruhanjaya.

(2) Setiausaha hendaklah dilantik oleh Suruhanjaya yang hendaklah menjadi pegawai Suruhanjaya.

(3) Setiausaha hendaklah dilantik atas apa-apa terma dan hendaklah mempunyai apa-apa fungsi yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Penjalanan sementara fungsi Setiausaha

15. Suruhanjaya boleh melantik mana-mana pegawai Suruhanjaya untuk bertindak buat sementara waktu sebagai Setiausaha selama tempoh semasa—

(a) jawatan Setiausaha kosong;

(b) Setiausaha tidak hadir bertugas atau tidak berada di Malaysia; atau

(c) Setiausaha, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

Pegawai

16. (1) Hendaklah dilantik apa-apa bilangan pegawai Suruhanjaya yang perlu untuk membantu Suruhanjaya menunaikan fungsinya dan menjalankan kuasanya dengan berkesan dan efisien dan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana pegawai daripada mana-mana agensi kerajaan atas dasar peminjaman sebagai penyiasatnya.

(3) Suruhanjaya boleh melantik apa-apa bilangan pegawai undang-undang yang perlu yang hendaklah dipinjam daripada kalangan pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau dilantik daripada kalangan peguam bela dan peguam cara untuk membantu Suruhanjaya.

(4) Seseorang pegawai Suruhanjaya yang, secara langsung atau tidak langsung, mempunyai sendiri, melalui anggota keluarganya atau sekutunya, apa-apa kepentingan mengenai atau kaitan dengan anggota pasukan polis yang sedang disiasat oleh Suruhanjaya hendaklah menzahirkan kepentingan atau kaitannya dengan serta-merta kepada Pengerusi dan tidak boleh terlibat dalam apa-apa penyiasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya berkenaan dengan anggota pasukan polis itu.

Perunding

17. (1) Suruhanjaya boleh mengambil khidmat orang, termasuk pesara dan bekas anggota pasukan polis, atas apa-apa terma yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, sebagai perunding atau untuk melaksanakan apa-apa perkhidmatan yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(2) Seseorang yang diambil khidmat di bawah subseksyen (1) yang, secara langsung atau tidak langsung, mempunyai sendiri, melalui anggota keluarganya atau sekutunya, apa-apa kepentingan mengenai atau kaitan dengan seseorang anggota pasukan polis yang sedang disiasat oleh Suruhanjaya hendaklah menzahirkan kepentingan atau kaitannya dengan serta-merta kepada anggota Suruhanjaya dan tidak boleh terlibat dalam apa-apa penyiasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya berkenaan dengan anggota pasukan polis itu.

Jawatankuasa

18. (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa untuk membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi suatu jawatankuasa.

(3) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana anggota atau pegawai Suruhanjaya untuk menganggotai mana-mana jawatankuasa.

(4) Jawatankuasa hendaklah tertakluk dan bertindak mengikut arahan yang diberikan kepada jawatankuasa oleh Suruhanjaya.

(5) Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau meminda keanggotaan jawatankuasa.

(6) Anggota jawatankuasa hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

Kad kuasa

19. (1) Bagi maksud Akta ini, suatu kad kuasa hendaklah dikeluarkan kepada seorang anggota dan pegawai Suruhanjaya.

(2) Kad kuasa hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Suruhanjaya dan kad kuasa itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang pelantikan di bawah Akta ini.

(3) Seorang anggota atau pegawai Suruhanjaya yang bertindak di bawah Akta ini hendaklah, apabila diminta, mengisytiharkan jawatannya dan menunjukkan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak atau orang yang daripadanya dia meminta apa-apa maklumat, kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya.

Penggunaan kakitangan atau kemudahan jabatan kerajaan, dsb.

20. (1) Suruhanjaya boleh membuat permintaan dan perkiraan bagi penggunaan perkhidmatan—

(a) mana-mana kakitangan atau kemudahan sesuatu jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau berkanun; atau

(b) mana-mana pegawai kerajaan termasuklah anggota pasukan polis untuk bekerjasama dengan, atau membantu dalam penjalanan kewajipannya, atau untuk membantu Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun atau pegawai kerajaan yang disebut dalam subseksyen (1) adalah berkewajipan untuk memenuhi permintaan di bawah seksyen ini.

Kerjasama dengan agensi lain

21. (1) Suruhanjaya boleh, dalam menjalankan fungsinya, bekerjasama dengan mana-mana agensi penguatkuasaan, mana-mana jabatan kerajaan Persekutuan atau Negeri atau mana-mana orang atau badan, yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh berunding dengan dan menyebarkan maklumat kepada, mana-mana agensi penguatkuasaan, mana-mana jabatan kerajaan Persekutuan atau Negeri atau mana-mana orang atau badan yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(3) Apa-apa maklumat yang disebarikan di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai rahsia, dan mana-mana orang atau badan yang menerima maklumat itu adalah tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan di bawah seksyen 44 berhubung dengan maklumat itu.

BAHAGIAN IV**ADUAN SALAH LAKU****Skop salah laku**

22. (1) Suruhanjaya boleh menerima aduan, atau menguruskan aduan terhadap mana-mana anggota pasukan polis yang dirujuk kepadanya, mengenai salah laku yang berikut:

- (a) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) ketidakpatuhan kepada kaedah-kaedah dan tatacara operasi standard polis;
- (c) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang tidak munasabah, tidak adil, menindas atau berdiskriminasi secara tidak wajar;

- (d) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang dilakukan atas motif yang tidak wajar, alasan yang tidak berkaitan atau pertimbangan yang tidak berkaitan;
- (e) kegagalan untuk menyediakan alasan dalam hal yang alasan perlu disediakan; dan
- (f) pelakuan apa-apa kesalahan jenayah oleh anggota pasukan polis.

(2) Walau apa-apapun subseksyen (1), salah laku hendaklah tidak termasuk apa-apa perbuatan yang dikawal selia di bawah seksyen 96 dan 97 Akta Polis 1967 [*Akta 344*].

Jawatankuasa Aduan

23. Suruhanjaya hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Aduan yang dianggotai oleh apa-apa bilangan pegawai Suruhanjaya.

Aduan terhadap pasukan polis

24. (1) Apa-apa aduan yang dibuat oleh mana-mana orang terhadap pasukan polis atau anggota pasukan polis hendaklah dibuat secara bertulis dan ditujukan kepada Jawatankuasa Aduan.

(2) Jika aduan terhadap pasukan polis atau anggota pasukan polis yang dibuat oleh mana-mana orang secara terus kepada Ketua Jabatan, Ketua Jabatan hendaklah dengan serta-merta merujuk aduan salah laku itu kepada Jawatankuasa Aduan.

(3) Jawatankuasa Aduan hendaklah menimbang teliti aduan yang diterima dan memutuskan pengelasan aduan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 25.

(4) Dalam seksyen ini, “Ketua Jabatan” ertinya anggota pasukan polis yang dipertanggungkan dengan kawalan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 6 Akta Polis 1967.

Pengelasan aduan

25. Pengelasan aduan adalah seperti yang berikut:

- (a) jika aduan melibatkan apa-apa kesalahan di bawah Bahagian IV Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], aduan itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- (b) jika aduan melibatkan apa-apa kesalahan jenayah di bawah apa-apa undang-undang bertulis, aduan hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan;
- (c) jika aduan melibatkan apa-apa salah laku yang disebut dalam seksyen 22, aduan itu hendaklah dirujuk kepada mana-mana pegawai Suruhanjaya bagi penyiasatan; dan
- (d) jika—
 - (i) aduan itu bersifat remeh, menyusahkan atau tidak dibuat dengan suci hati atau hal perkara aduan itu kecil;
 - (ii) salah laku yang diadukan telah berlaku terlalu lama dahulu untuk mewajarkan suatu penyiasatan dijalankan;
 - (iii) terdapat atau telah tersedia suatu cara tebus rugi alternatif dan memuaskan bagi pengadu;
 - (iv) hal perkara aduan itu telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah atau menjadi hal perkara apa-apa prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa prosiding rayuan; atau
 - (v) aduan ialah aduan berulang dan tidak mengandungi tohmahan yang baru yang akan memberi kesan terhadap perihal aduan,

Jawatankuasa Aduan hendaklah mengesyorkan kepada Suruhanjaya untuk menolak aduan.

BAHAGIAN V

KUASA PENYIASATAN

Kuasa untuk memeriksa orang

26. (1) Seseorang pegawai Suruhanjaya boleh, dalam menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini, melalui notis bertulis—

(a) memerintahkan mana-mana anggota pasukan polis atau mana-mana pegawai badan awam atau mana-mana orang untuk hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan berhubung dengan apa-apa perkara yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan itu; atau

(b) memerintahkan mana-mana anggota pasukan polis atau mana-mana pegawai badan awam atau mana-mana orang supaya memberikan pernyataan bertulis yang dibuat dengan bersumpah atau berikrar yang menyatakan dalamnya segala maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu, iaitu maklumat yang, pada pendapat pegawai Suruhanjaya itu, akan dapat membantu dalam penyiasatan itu, dalam tempoh yang dinyatakan oleh pegawai Suruhanjaya itu.

(2) Seseorang yang telah diberikan suatu notis bertulis di bawah perenggan (1)(a) hendaklah—

(a) hadir mengikut terma notis itu untuk diperiksa, dan hendaklah terus hadir dari hari ke hari jika diarahkan sedemikian sehingga pemeriksaan itu selesai; dan

(b) semasa pemeriksaan itu, menzahirkan semua maklumat yang diketahuinya, atau yang tersedia untuknya, berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengannya dia diperiksa, dan menjawab dengan benar dan setakat yang dia tahu dan percaya adalah benar.

(3) Seseorang pegawai Suruhanjaya yang memeriksa seseorang di bawah perenggan (1)(a) hendaklah merekodkan secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang itu dan pernyataan yang direkodkan sedemikian hendaklah dibacakan kepada dan ditandatangani oleh orang itu, dan jika orang itu enggan

menandatangani rekod itu, pegawai itu hendaklah mencatatkan pada rekod itu yang rekod itu ditandatangani oleh pegawai itu hakikat keengganan itu dan sebab-sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk memperoleh dokumen atau benda lain

27. (1) Bagi maksud penyiasatan di bawah Akta ini, Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis yang disampaikan kepada mana-mana anggota pasukan polis atau mana-mana pegawai badan awam atau mana-mana orang mengkehendaki anggota pasukan polis atau pegawai badan awam atau orang itu untuk mengemukakan dokumen atau benda lain yang berkaitan dengan siasatan itu atau yang pada pendapat Suruhanjaya adalah relevan.

(2) Notis di bawah seksyen ini—

(a) hendaklah menyatakan dan memperihalkan dokumen atau benda lain yang berkenaan; dan

(b) hendaklah menetapkan masa dan tarikh untuk mematuhi notis itu.

(3) Notis itu boleh memperuntukkan bahawa syarat itu bolehlah dipatuhi oleh orang lain yang bertindak bagi pihak anggota pasukan polis atau pegawai badan awam atau orang itu, dan boleh, tetapi tidak semestinya, menyatakan orang atau golongan orang yang boleh bertindak sedemikian.

(4) Mana-mana orang yang telah diserahkan notis di bawah seksyen ini—

(a) yang tidak mematuhi notis tersebut; atau

(b) yang memberikan apa-apa maklumat yang diketahuinya adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir yang material,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Dapatan penyiasatan

28. (1) Pegawai Suruhanjaya hendaklah, setelah selesai siasatan, menyerahkan dapatannya kepada Jawatankuasa Aduan.

(2) Jawatankuasa Aduan boleh, selepas menimbangkan dapatan pegawai Suruhanjaya melakukan tindakan yang berikut:

- (a) jika dapatan menzahirkan apa-apa kesalahan di bawah Bahagian IV Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, merujukkan dapatan itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- (b) jika dapatan menzahirkan apa-apa kesalahan jenayah, merujukkan dapatan itu kepada pihak berkuasa yang berkaitan;
- (c) jika dapatan salah laku dizahirkan, merujukkan dapatan salah laku itu kepada Suruhanjaya bagi maksud memulakan prosiding bagi menangani salah laku itu di bawah Bahagian VI; dan
- (d) jika dapatan menzahirkan tiada salah laku, merekodkan dapatan itu.

(3) Jawatankuasa Aduan hendaklah memaklumkan kepada pengadu tentang tindakan yang telah diambil ke atas aduan itu.

Pasukan Petugas

29. (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa bilangan Pasukan Petugas untuk membantu Suruhanjaya menyiasat salah laku di bawah Akta ini.

(2) Anggota Pasukan Petugas boleh terdiri daripada pegawai Suruhanjaya dan perunding yang diambil khidmat di bawah seksyen 17.

(3) Bagi maksud menyasat apa-apa insiden di bawah seksyen 47, anggota Pasukan Petugas hendaklah mempunyai semua kuasa penyiasatan sebagaimana yang terkandung dalam Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] dan kuasa sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan tidak mengurangkan kuasanya di bawah Akta ini.

Suruhanjaya boleh memulakan penyiasatan

30. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa yang berlawanan dalam Akta ini, Suruhanjaya boleh memulakan sesuatu penyiasatan atas inisiatifnya sendiri tetapi hanya jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa hal perkara itu mempunyai kepentingan yang signifikan kepada orang ramai atau bahawa adalah demi kepentingan awam untuk berbuat sedemikian sama ada atau tidak terdapat aduan salah laku berhubung dengannya.

(2) Penyiasatan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dijalankan mengikut Bahagian V Akta ini.

BAHAGIAN VI

PROSIDING UNTUK MENANGANI SALAH LAKU

Kuasa tatatertib

31. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas apa-apa salah laku yang dilakukan oleh mana-mana anggota pasukan polis.

(2) Suruhanjaya boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas apa-apa aduan berkenaan dengan salah laku mana-mana anggota pasukan polis.

(3) Suruhanjaya hendaklah menubuhkan Lembaga Tatatertib yang mempunyai bidang kuasa, dan terdiri daripada anggota, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), jika aduan salah laku itu adalah terhadap Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Negara hendaklah menubuhkan suatu Lembaga Tatatertib Khas untuk mendengar aduan itu dan prosiding di hadapan Lembaga Tatatertib Khas itu hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.

Prosiding untuk menangani salah laku

32. (1) Lembaga Tatatertib boleh, apabila menimbang dapatan di bawah seksyen 28 dan apabila selesai menyelesaikan siasatan di bawah seksyen 30, memulakan prosiding menangani salah laku.

(2) Prosiding untuk menangani salah laku hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah menyelesaikan prosiding untuk menangani salah laku ini dengan cara sebagaimana yang Suruhanjaya berpendapat paling sesuai bagi penyelesaian yang adil dan cepat.

Hukuman salah laku

33. (1) Lembaga Tatatertib boleh, dalam menjalankan kuasa tatatertibnya, mengenakan mana-mana satu atau lebih hukuman yang berikut:

- (a) amaran;
- (b) denda;
- (c) lucut hak emolumen;
- (d) tangguh pergerakan gaji;
- (e) turun gaji;
- (f) turun pangkat; atau
- (g) buang kerja.

(2) Pengenaan hukuman yang dinyatakan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN

Ugutan terhadap orang yang memberikan keterangan

34. (1) Seseorang yang menghalang atau cuba menghalang mana-mana orang daripada memberikan keterangan di hadapan Suruhanjaya atau melalui ugutan, menyekat atau cuba menyekat mana-mana orang daripada memberikan keterangan sedemikian, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Seseorang yang mengugut, mengeji atau mencederakan mana-mana orang kerana telah memberikan keterangan, atau kerana keterangan yang telah diberikan oleh orang itu di hadapan Suruhanjaya, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penghinaan

35. (1) Seseorang yang melakukan perbuatan menghina terhadap seseorang anggota Suruhanjaya melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, suatu “perbuatan menghina” ertinya—

- (a) apa-apa perbuatan tidak hormat atau apa-apa kejian atau ugutan terhadap seseorang anggota Suruhanjaya pada bila-bila masa dan mana-mana tempat lain kerana dia menjalankan sifatnya sebagai seorang anggota Suruhanjaya; atau
- (b) apa-apa perbuatan selain yang diperuntukkan dalam perenggan (a), jika Suruhanjaya merupakan Mahkamah yang mempunyai kuasa untuk mensabitkan, penghinaan, perbuatan itu adalah penghinaan Mahkamah itu.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Surcaj

36. (1) Suruhanjaya boleh mengenakan surcaj terhadap mana-mana anggota pasukan polis mengikut Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

(2) Tiap-tiap pengenaan surcaj di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam buku perkhidmatan anggota pasukan polis itu.

Pembekalan maklumat

37. (1) Suruhanjaya boleh mengumpul dan membekalkan kepada pasukan polis atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan apa-apa maklumat statistik atau apa-apa maklumat umum yang lain yang pada pendapat Suruhanjaya adalah perlu dibawa kepada perhatian pasukan polis atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan berhubung dengan fungsi Suruhanjaya di bawah seksyen 4 dan kuasa Suruhanjaya di bawah seksyen 5 untuk membolehkan pasukan polis atau pihak berkuasa yang berkenaan melaksanakan fungsi di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan.

(2) Suruhanjaya boleh meminta daripada pasukan polis atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan apa-apa maklumat statistik atau apa-apa maklumat umum berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya di bawah seksyen 4 dan kuasa Suruhanjaya di bawah seksyen 5.

(3) Pasukan polis atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah memaklumkan kepada Suruhanjaya mengenai tindakan yang diambil yang timbul daripada pembekalan maklumat oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan maklumat itu dari Suruhanjaya.

Perlindungan daripada liabiliti

38. (1) Tiada apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding boleh dimulakan di dalam mana-mana mahkamah terhadap Suruhanjaya, mana-mana anggota Suruhanjaya atau mana-mana pegawai Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa

perbuatan atau benda yang dilakukan atau dibuat oleh atau bagi pihak Suruhanjaya, mana-mana anggota Suruhanjaya atau mana-mana anggota Suruhanjaya atas sifat sedemikian dengan syarat bahawa pada masa itu Suruhanjaya, mana-mana anggota Suruhanjaya atau mana-mana pegawai Suruhanjaya telah menjalankan fungsinya dengan suci hati.

(2) Seorang peguam bela dan peguam cara yang membantu Suruhanjaya atau wakil seseorang di hadapan Suruhanjaya mempunyai perlindungan dan kekebalan yang sama seperti halnya seorang peguam bela dan peguam cara yang hadir untuk satu pihak dalam prosiding dalam Mahkamah.

(3) Tertakluk kepada Akta ini, seseorang yang disaman untuk hadir atau yang hadir di hadapan Suruhanjaya sebagai seorang saksi, atau untuk mengemukakan suatu dokumen atau benda lain kepada Suruhanjaya, mempunyai perlindungan yang sama sebagai seorang saksi dalam prosiding dalam Mahkamah.

(4) Tiada liabiliti jenayah atau sivil selain Akta ini yang berhubung kait dengan seseorang kerana kepatuhan, atau yang berupa kepatuhan atas dasar suci hati, kepada apa-apa syarat yang dibuat di bawah Akta ini; khususnya, jika seseorang memberi apa-apa rekod pemeriksaan atau pernyataan bersumpah atau pengesahan secara bertulis atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain di bawah Akta ini, tiada liabiliti sivil yang boleh dikenakan pada orang itu kerana berbuat demikian, sama ada liabiliti itu akan timbul di bawah suatu kontrak atau selainnya.

(5) Tiada keterangan, dokumen atau dapatan Suruhanjaya di bawah Akta ini boleh diterima dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah terhadap orang yang memberi keterangan jika orang itu membantah untuk memberi apa-apa rekod pemeriksaan atau pernyataan sumpah atau pengesahan secara bertulis atau mengemukakan apa-apa dokumen atau perkara lain.

Penguntukan wang tahunan

39. Parlimen hendaklah membuat penguntukan wang yang mencukupi secara tahunan bagi maksud Suruhanjaya untuk membolehkan Suruhanjaya menunaikan fungsi dan menjalankan kuasanya secara berkesan di bawah Akta ini.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

40. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.

Laporan tahunan

41. (1) Suruhanjaya hendaklah, tidak lewat daripada mesyuarat kedua Parlimen bagi tahun yang berikutnya, mengemukakan suatu laporan tahunan untuk dibentangkan di Parlimen mengenai semua aktivitinya dalam tahun yang dimaksudkan dalam laporan itu.

(2) Laporan itu hendaklah mengandungi suatu senarai semua perkara yang dirujuk kepada Suruhanjaya dan tindakan yang telah diambil berkenaan dengannya.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

42. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya, mana-mana anggota Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau benda yang dilakukan atau dibuat olehnya atas sifat sedemikian.

Pekhidmat awam

43. Tiap-tiap anggota Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya semasa menunaikan kewajibannya sebagai anggota atau pegawai Suruhanjaya hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Obligasi kerahsiaan

44. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Suruhanjaya—

(a) tiada anggota Suruhanjaya, pegawai suruhanjaya atau perunding, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau penggajian, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya semasa menjalankan tugasnya; dan

(b) tiada orang lain yang dengan apa jua cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pemulaan dan penjalanan pendakwaan

45. Tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Perlindungan orang yang membantu Suruhanjaya

46. (1) Jika didapati oleh Suruhanjaya bahawa, kerana seseorang itu sedang membantu Suruhanjaya, keselamatan orang atau mana-mana orang lain boleh jadi terjejas atau orang itu atau mana-mana orang lain boleh ditakut-takutkan atau diganggu, Suruhanjaya boleh membuat perkiraan tertentu sebagaimana yang perlu—

(a) untuk melindungi keselamatan mana-mana orang sedemikian; atau

(b) untuk melindungi mana-mana orang sedemikian daripada ditakut-takutkan atau diganggu.

(2) Dalam seksyen ini, sebutan tentang seseorang yang sedang membantu Suruhanjaya adalah sebutan tentang seseorang yang—

(a) telah hadir, sedang hadir atau yang akan hadir di hadapan Suruhanjaya untuk memberikan keterangan atau untuk mengemukakan suatu dokumen atau benda lain; atau

(b) telah membantu, sedang membantu atau yang akan membantu dengan cara lain.

(3) Suruhanjaya boleh mengarahkan Ketua Polis Negara, suatu badan awam atau seorang pegawai badan itu—

- (a) untuk menyediakan apa-apa perlindungan yang disebut dalam subseksyen (1);
- (b) untuk menyediakan kakitangan atau kemudahan atau kedua-duanya sekali untuk membantu dalam menyediakan perlindungan itu; atau
- (c) untuk selainnya membantu dalam menyediakan perlindungan itu.

(4) Ketua Polis Negara, suatu badan awam atau pegawai badan itu berkewajipan untuk mematuhi apa-apa arahan setakat yang secara munasabahnya boleh.

(5) Apa-apa perkiraan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh tetapi tidak semestinya melibatkan Suruhanjaya yang membuat perintah yang terpakai bagi orang tertentu dan perintah sedemikian tidak terhad kepada arahan daripada jenis yang disebut dalam subseksyen (3).

(6) Mana-mana orang yang melanggar suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Tanggungjawab untuk merujuk kes cedera parah atau kematian dalam jagaan

47. Pasukan polis hendaklah merujuk kepada Suruhanjaya apa-apa insiden yang mengakibatkan cedera parah atau kematian mana-mana orang dalam tahanan atau jagaan pasukan polis.

Pasukan polis hendaklah membekalkan maklumat

48. Pasukan polis hendaklah bekerjasama dengan dan membantu Suruhanjaya, termasuklah dalam membekalkan maklumat yang ada dalam kawalan atau boleh didapatkan oleh, pasukan yang diperlukan oleh Suruhanjaya dan mana-mana pegawai Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta ini.

Kuasa meminda Jadual

49. Perdana Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

Peraturan-peraturan

50. (1) Perdana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan ini boleh menetapkan—

(a) tatacara pengurusan aduan;

(b) tatacara yang berhubungan dengan perjalanan prosiding tatatertib; dan

(c) apa-apa perkara lain yang ditetapkan di bawah Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan peraturan-peraturan itu sebagai suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

BAHAGIAN IX**PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN****Pemansuhan dan pembubaran**

51. Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] (“Akta dimansuhkan”) dimansuhkan dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (“Suruhanjaya dibubarkan”) adalah dibubarkan.

Pesuruhjaya Suruhanjaya dibubarkan

52. Walau apa pun apa-apa yang berlawanan, Pesuruhjaya Suruhanjaya dibubarkan dan anggota mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah Akta dimansuhkan yang memegang jawatan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah berhenti memegang jawatan pada tarikh itu.

Pemindahan kuasa, hak, dsb.

53. Segala kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini adalah kuasa, hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi Suruhanjaya dibubarkan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diturunkan kepada Suruhanjaya.

Pemindahan wang dalam dana Suruhanjaya dibubarkan

54. Segala wang dalam atau yang kena dibayar ke dalam dana Suruhanjaya dibubarkan yang ditubuhkan di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini dipindahkan dan disifatkan menjadi sebahagian daripada wang Suruhanjaya di bawah seksyen 39 Akta ini.

Peletakhakan harta, dsb.

55. (1) Tertakluk kepada Akta ini, Perdana Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu semua harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Suruhanjaya dibubarkan yang dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam perintah itu hendaklah, menurut kuasa Akta ini, dipindahkan kepada dan terletak hak pada Suruhanjaya tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

(2) Tiap-tiap harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Suruhanjaya dibubarkan hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak pada Suruhanjaya dengan hakmilik, estet atau kepentingan yang serupa dan dengan tempoh pemegangan yang serupa sebagaimana harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu terletak hak atau dipegang sebaik sebelum tarikh peletakhakan itu.

(3) Mana-mana tanah yang sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini terletak hak pada Suruhanjaya dibubarkan hendaklah, pada tarikh peletakhakan, terletak hak pada Suruhanjaya bagi maksud Suruhanjaya.

(4) Jika menurut kuasa subseksyen (1), apa-apa harta dipindahkan kepada dan terletak hak pada Suruhanjaya dibubarkan, peruntukan Bahagian Tiga Puluh Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 Tahun 1965*] hendaklah, bagi maksud melaksanakan pendaftaran bagi peletakhakan itu, terpakai bagi Suruhanjaya.

(5) Mana-mana harta dan aset selain tanah yang sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini terletak hak pada Suruhanjaya dibubarkan hendaklah, pada tarikh peletakhakan, terletak hak pada Suruhanjaya.

(6) Dalam hal hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berbangkit di bawah apa-apa pinjaman yang terletak hak pada Suruhanjaya dibubarkan pada tarikh peletakhakan, Suruhanjaya boleh membuat perjanjian atau perkiraan mengenai hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu dengan mana-mana orang lain.

Kontrak yang sedia ada, dsb.

56. Segala surat ikatan, perjanjian, dokumen dan surat cara lain yang wujud sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini dan menyentuh mana-mana harta atau wang yang dipindahkan di bawah Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, terhadap atau memihak kepada Suruhanjaya, dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan dengan berkesannya seolah-olah, bukannya Suruhanjaya yang dibubarkan, tetapi Suruhanjaya yang telah dinamakan dalam surat ikatan, perjanjian, dokumen dan surat cara lain itu dan telah menjadi suatu pihak kepada surat ikatan, perjanjian, dokumen dan surat cara lain itu.

Pegawai dan staf Suruhanjaya dibubarkan disifatkan sebagai pegawai Suruhanjaya

57. Semua pegawai dan staf yang memegang pelantikan di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai pegawai Suruhanjaya yang dilantik di bawah Akta ini dan hendaklah memegang suatu jawatan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Aduan, dsb., agensi penguatkuasaan selain Polis Diraja Malaysia

58. Segala aduan, penyiasatan, dapatan dan pendengaran berhubung dengan agensi penguatkuasaan selain Polis Diraja Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Akta yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh kuat kuasa Akta ini, dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib agensi penguatkuasaan masing-masing.

Penerusan aduan, dsb., salah laku polis

59. Perkara yang berikut hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan di bawah Akta yang dimansuhkan seolah-olah Akta yang dimansuhkan tidak dimansuhkan, oleh Suruhanjaya dan hendaklah diselesaikan dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini:

- (a) apa-apa aduan yang belum selesai di bawah seksyen 23 Akta yang dimansuhkan;
- (b) apa-apa siasatan yang belum selesai di bawah seksyen 25, subseksyen 27(4) dan seksyen 28 Akta yang dimansuhkan;
- (c) apa-apa dapatan Jawatankuasa Aduan yang belum selesai di bawah seksyen 26 Akta yang dimansuhkan dan dapatan Suruhanjaya di bawah seksyen 30 Akta yang dimansuhkan; atau
- (d) apa-apa pendengaran yang belum selesai di bawah seksyen 34 Akta yang dimansuhkan.

Penerusan prosiding tatatertib yang belum selesai berhubung dengan salah laku di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib polis

60. Segala prosiding disiplin yang berhubungan dengan salah laku di hadapan Pihak Berkuasa polis sebelum kuat kuasa Akta ini hendaklah diteruskan oleh Pihak berkuasa polis seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan.

JADUAL

[Seksyen 31(3)]

<i>Lembaga Tatatertib</i>		
<i>(1) Kategori pegawai</i>	<i>(2) Bidang kuasa</i>	<i>(3) Keanggotaan Lembaga Tatatertib</i>
Semua anggota pasukan polis	Semua tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat	<p>Pengerusi: Anggota Suruhanjaya</p> <p>Anggota: Dua orang anggota Suruhanjaya</p> <p>Ketua Polis Negara atau seorang wakil daripada pasukan polis yang berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang dituduh</p> <p>Seorang wakil Suruhanjaya Pasukan Polis (yang bukan dalam kalangan anggota pasukan polis)</p>
	Semua tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat	<p>Pengerusi: Anggota Suruhanjaya</p> <p>Anggota: Dua orang anggota Suruhanjaya</p> <p>Ketua Polis Negara atau seorang wakil daripada pasukan polis yang berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang dituduh</p> <p>Seorang wakil Suruhanjaya Pasukan Polis (yang bukan dalam kalangan anggota pasukan polis)</p>

HURAIAN

Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (“Suruhanjaya”). Matlamat Akta yang dicadangkan ialah untuk mempertingkatkan integriti pasukan polis, mengurangkan salah laku dalam kalangan anggota polis dan menggalakkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 pula mengandungi tafsiran bagi takrif dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

3. Bahagian II Akta yang dicadangkan ini memperkatakan penubuhan, fungsi dan kuasa Suruhanjaya.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya.

Fasal 4 dan *5* pula memperkatakan fungsi dan kuasa Suruhanjaya.

Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi anggota Suruhanjaya.

Fasal 7 mengandungi peruntukan tentang tempoh jawatan anggota Suruhanjaya.

Fasal 8 memperuntukkan pembayaran saraan dan elaun kepada anggota Suruhanjaya.

Fasal 9 menyatakan hal keadaan yang baginya jawatan anggota Suruhanjaya menjadi kosong.

Fasal 10 mengandungi peruntukan tentang mesyuarat Suruhanjaya.

Fasal 11 menyatakan hal keadaan yang baginya Timbalan Pengerusi atau anggota Suruhanjaya lain boleh menjalankan fungsi Pengerusi.

Fasal 12 memperuntukkan bahawa anggota Suruhanjaya mestilah menzahirkan kepentingannya mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Suruhanjaya atau dalam apa-apa prosiding di hadapan Suruhanjaya.

Fasal 13 menyatakan bahawa fungsi dan kuasa Suruhanjaya boleh dijalankan oleh seorang anggota Suruhanjaya, mana-mana jawatankuasa atau mana-mana anggota pasukan polis.

BAHAGIAN III

4. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan pentadbiran Suruhanjaya.

Fasal 14 bertujuan memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk melantik seorang Setiausaha yang akan menjadi ketua pegawai eksekutif.

Fasal 15 menyatakan hal keadaan yang baginya Suruhanjaya boleh melantik mana-mana pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan fungsi Setiausaha buat sementara waktu.

Fasal 16 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk melantik mana-mana orang untuk menjadi pegawai Suruhanjaya.

Fasal 17 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengambil khidmat perunding untuk membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya.

Fasal 18 bertujuan untuk membenarkan Suruhanjaya menubuhkan jawatankuasa untuk membantu Suruhanjaya.

Fasal 19 mengadakan peruntukan tentang pengeluaran kad kuasa kepada anggota Suruhanjaya dan pegawai Suruhanjaya.

Fasal 20 bertujuan untuk membenarkan Suruhanjaya membuat perkiraan dengan jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun yang lain untuk mengguna kakitangan atau kemudahan mereka dan membuat perkiraan dengan pasukan polis bagi mendapatkan bantuan anggota pasukan polis untuk bekerjasama atau membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsinya.

Fasal 21 bertujuan untuk membenarkan Suruhanjaya untuk bekerjasama dengan mana-mana agensi penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang, institusi pendidikan dan orang lain untuk melaksanakan fungsinya.

BAHAGIAN IV

5. Bahagian IV Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pengurusan aduan oleh Suruhanjaya.

Fasal 22 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh menerima aduan, atau menguruskan aduan yang dirujuk kepadanya berkenaan salah laku.

Subfasal 22(2) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa salah laku tidak termasuk perbuatan yang dikawal selia di bawah seksyen 96 dan 97 Akta Polis 1967.

Fasal 23 memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Aduan.

Fasal 24 menyatakan cara untuk membuat aduan terhadap mana-mana anggota pasukan polis.

Fasal 25 bertujuan untuk mengadakan klasifikasi aduan.

BAHAGIAN V

6. Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kuasa siasatan oleh Suruhanjaya dan pegawai Suruhanjaya.

Fasal 26 memperkatakan kuasa pegawai Suruhanjaya untuk mengeluarkan notis bertulis untuk mengarahkan mana-mana orang untuk hadir di hadapan pegawai itu untuk diperiksa secara lisan, atau untuk mengarahkan mana-mana orang untuk memberikan suatu pernyataan bersumpah bagi maksud siasatan pegawai itu.

Fasal 27 memperkatakan kuasa Suruhanjaya untuk mendapatkan dokumen atau benda lain daripada seseorang.

Fasal 28 menghendaki pegawai Suruhanjaya untuk menyerahkan dapatannya kepada Jawatankuasa Aduan. Jawatankuasa Aduan kemudian akan menentukan mana-mana yang berikut:

- (a) merujuk apa-apa dapatan salah laku kepada Lembaga Tatatertib;
- (b) merekod dapatan jika dapatan tidak mengesahkan perbuatan salah laku;
- (c) untuk merujuk apa-apa aduan salah laku yang diterima olehnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia jika kesalahan adalah di bawah Bahagian IV Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;
- (d) untuk merujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan apa-apa dapatan salah laku yang bersifat jenayah yang diterima atau dirujuk kepadanya.

Jawatankuasa Aduan hendaklah memaklumkan pengadu mana-mana tindakan di atas yang diambil.

Fasal 29 memperkatakan penubuhan Pasukan Petugas bagi maksud siasatan salah laku anggota pasukan polis.

Fasal 30 bertujuan untuk membolehkan Suruhanjaya memulakan penyiasatan salah laku atas inisiatifnya sendiri.

BAHAGIAN VI

7. Bahagian VI memperkatakan tatacara penjalanan prosiding untuk menangani salah laku.

Fasal 31 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa kawalan tatatertib ke atas semua anggota pasukan polis. *Fasal* yang dicadangkan juga bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Tatatertib. Jika aduan salah laku adalah terhadap Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Negara hendaklah menubuhkan Lembaga Tatatertib Khas.

Fasal 32 memperuntukkan bahawa Lembaga Tatatertib hendaklah, selepas mempertimbangkan dapatan di bawah *fasal 28* dan selepas penyelesaian siasatan di bawah *fasal 30*, memulakan prosiding untuk menangani salah laku.

Fasal 33 menyatakan hukuman yang boleh dikenakan oleh Lembaga Tatatertib.

BAHAGIAN VII

8. Bahagian VII mengandungi peruntukan berkaitan dengan kesalahan.

Fasal 34 menjadikannya suatu kesalahan bagi orang yang mengugut, mengeji atau mencederakan, mana-mana orang yang memberikan keterangan di hadapan Suruhanjaya.

Fasal 35 memperkatakan perlakuan penghinaan terhadap anggota Suruhanjaya.

BAHAGIAN VIII

9. Bahagian VIII mengandungi peruntukan pelbagai.

Fasal 36 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengenakan surcaj ke atas mana-mana pegawai mengikut Akta Tatacara Kewangan 1957.

Fasal 37 memperuntukkan perkongsian apa-apa maklumat statistik antara Suruhanjaya dengan pasukan polis, mana-mana pihak berkuasa berkaitan berhubung dengan fungsi dan kuasa Suruhanjaya.

Fasal 38 memperuntukkan perlindungan bagi Suruhanjaya, anggota Suruhanjaya dan pegawai Suruhanjaya termasuk mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Suruhanjaya, atau seorang peguam bela dan peguam cara daripada sebarang tindakan, liabiliti, dakwaan atau tuntutan. Ia juga memperuntukkan tiada keterangan, dokumen atau dapatan Suruhanjaya boleh diterima dalam mana-mana tindakan sivil atau jenayah terhadap mana-mana orang yang memberikan keterangan itu.

Fasal 39 memperkatakan peruntukan kewangan Suruhanjaya.

Fasal 40 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.

Fasal 41 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Suruhanjaya dikehendaki mengemukakan dan membentangkan laporan tahunan di Parlimen.

Fasal 42 memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya dan pegawainya.

Fasal 43 memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota Suruhanjaya dan pegawai Suruhanjaya hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan semasa menjalankan tugasnya.

Fasal 44 melarang penzahiran maklumat yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya.

Fasal 45 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemulaan dan penjalanan pendakwaan.

Fasal 46 memperuntukkan perlindungan kepada orang yang membantu Suruhanjaya.

Fasal 47 mengenakan kewajipan ke atas pasukan polis untuk merujuk kepada Suruhanjaya apa-apa kejadian atau insiden yang menyebabkan cedera parah atau kematian seseorang yang pada masa itu berada dalam tahanan atau jagaan pasukan polis.

Fasal 48 bertujuan untuk memperuntukkan tanggungjawab pasukan polis untuk bekerjasama dengan dan membantu Suruhanjaya, termasuk untuk memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

Fasal 49 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk meminda Jadual.

Fasal 50 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

BAHAGIAN IX

10. Bahagian IX mengandungi peruntukan pemansuhan, kecualian dan peralihan berbangkit daripada pembubaran Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan kepada Kerajaan.

[PN(U2)3185]

INDEPENDENT POLICE COMPLAINTS OF MISCONDUCT COMMISSION BILL 2019

ARRANGEMENT OF CLAUSES

PART I

PRELIMINARY

Clause

1. Short title and commencement
2. Interpretation

PART II

ESTABLISHMENT, FUNCTIONS AND POWERS OF THE COMMISSION

3. Establishment of Commission
4. Functions of Commission
5. Powers of Commission
6. Member of Commission
7. Term of office
8. Remuneration
9. Vacation of office
10. Meetings
11. Temporary exercise of functions of Chairman
12. Disclosure of interest
13. Delegation of functions and powers of Commission

PART III

ADMINISTRATION

14. Secretary
15. Temporary exercise of functions of Secretary
16. Officers
17. Consultants
18. Committees
19. Authority card

Clause

20. Use of staff or facilities of government department, etc.
21. Cooperation with other agencies

PART IV

COMPLAINT OF MISCONDUCT

22. Scope of misconduct
23. Complaints Committee
24. Complaint against police
25. Classification of complaints

PART V

INVESTIGATION POWERS

26. Power to examine persons
27. Power to obtain documents or other things
28. Findings of investigation
29. Task Force
30. Commission may initiate investigation

PART VI

PROCEEDINGS TO DEAL WITH MISCONDUCT

31. Disciplinary authority
32. Proceedings to deal with misconduct
33. Punishment for misconduct

PART VII

OFFENCES

34. Threats against person who gives evidence
35. Contempt

PART VIII

MISCELLANEOUS

36. Surcharge
37. Supply of information

*Independent Police Complaints of Misconduct
Commission*

3

Clause

38. Protection from liability
39. Allocation of annual funds
40. Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980
41. Annual report
42. Public Authorities Protection Act 1948
43. Public servant
44. Obligation of secrecy
45. Institution and conduct of prosecution
46. Protection of person assisting Commission
47. Responsibility to refer cases of grievous hurt or death in custody
48. Police force to provide information
49. Power to amend Schedule
50. Regulations

PART IX

REPEAL, SAVING AND TRANSITIONAL PROVISIONS

51. Repeal and dissolution
52. Commissioner of dissolved Commission
53. Transfer of powers, etc.
54. Transfer of moneys in funds of dissolved Commission
55. Vesting of property, etc.
56. Existing contracts, etc.
57. Officers and staff of dissolved Commission deemed officers of Commission
58. Complaint, etc., of misconduct of enforcement agency other than Royal Malaysia Police
59. Continuance of pending complaint, etc., of police misconduct
60. Continuance of disciplinary proceedings relating to misconduct pending before police Disciplinary Authority

SCHEDULE

A BILL

i n t i t u l e d

An Act to provide for the establishment of the Independent Police Complaints of Misconduct Commission and to provide for its functions and powers, matters relating to complaints of misconduct, investigation of misconduct, proceedings to deal with misconduct, etc., and for related matters.

[]

ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

PART I
PRELIMINARY

Short title and commencement

1. (1) This Act may be cited as the Independent Police Complaints of Misconduct Commission Act 2019.

(2) This Act comes into operation on a date to be appointed by the Prime Minister by notification in the *Gazette*.

Interpretation

2. In this Act, unless the context otherwise requires—

“member of the police force” means a member of the police force established under Article 132 of the Federal Constitution;

“member of the commission” means the Chairman, Deputy Chairman and other members of the Commission appointed under section 6;

“public body” includes—

- (a) the Government of Malaysia;
- (b) the Government of a State;
- (c) any local authority and any other statutory authority; and
- (d) any department or service of the Government of Malaysia, the Government of a State, or a local authority;

“committee” means a committee established under section 18;

“Complaints Committee” means the Complaints Committee established under section 23;

“Disciplinary Board” means the Disciplinary Board established under subsection 31(3);

“Task Force” means a Task Force established under section 29;

“officer of the Commission” means any officer appointed under section 16 and includes the Secretary appointed under section 14;

“misconduct” means misconduct as specified in section 22;

“Commission” means the Independent Police Complaints of Misconduct Commission established under section 3.

PART II

ESTABLISHMENT, FUNCTIONS AND POWERS OF COMMISSION

Establishment of Commission

3. (1) The Independent Police Complaints of Misconduct Commission is established.

(2) The Commission shall be a body corporate and shall have perpetual succession and a common seal.

(3) The Commission may sue and be sued in its name.

(4) The Commission may, upon such terms as the Commission thinks fit and for the purposes of this Act—

- (a) enter into contracts;
- (b) acquire, purchase, take, hold and enjoy movable and immovable property of every description; and
- (c) convey, assign, surrender, yield up, charge, mortgage, demise, reassign, transfer or otherwise dispose of, or deal with, any movable or immovable property or any interest in the property vested in the Commission.

Functions of Commission

4. The functions of the Commission shall be as follows:

- (a) to promote integrity within the police force;
- (b) to protect the interest of the public by dealing with misconduct of any member of the police force;
- (c) to formulate and put in place mechanisms for the detection, investigation and prevention of misconduct of any member of the police force;
- (d) to advise the Government and make recommendations on appropriate measures to be taken in the promotion of integrity within the police force; and
- (e) to exercise disciplinary control over all members of the police force in such manner as may be provided in this Act or any written law.

Powers of Commission

5. (1) The Commission shall have the power and may do all things necessary for, or in connection with, or incidental to, the performance of its functions under this Act.

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1), the Commission may—

- (a) advise the Government on the enhancement of the well-being and welfare of members of the police force;
- (b) assist the Government in formulating legislation or recommend administrative measures to the Government or the police force, to promote integrity and abolish misconduct;
- (c) provide for the auditing and monitoring of particular aspects of the facilities, logistics, operations and standard operating procedure, of the police;
- (d) visit any place and premises such as police stations, police quarters, lock-ups and detention centres and to make any necessary recommendations;
- (e) study and verify any infringement of the standards operating procedure of the police and make any necessary recommendations;
- (f) receive and assess any complaint of misconduct from any person against any member of the police force and investigate the complaint; and
- (g) collect and process any information and evidence relating to any investigation under this Act and take such lawful measures and do such lawful acts as may be necessary relating to it.

Members of Commission

6. (1) The Yang di-Pertuan Agong shall, on the advice of the Prime Minister, appoint not more than ten members of the Commission, of whom there shall be a Chairman and a Deputy Chairman, for such period and on such terms as may be specified in the instrument of appointment.

(2) No person shall be appointed as a member of the Commission if he is or was a member of the police force, or if he is a member of the public service.

Term of office

7. (1) Subject to subsection (2), a member of the Commission shall hold office for a term not exceeding three years as may be specified in his instrument of appointment and he shall be eligible for reappointment.

(2) No person shall hold the office of a member of the Commission for more than two terms consecutively.

(3) A member of the Commission may at any time resign his office by letter addressed to the Yang di-Pertuan Agong.

(4) The appointment of a member of the Commission may at any time be revoked by the Yang di-Pertuan Agong.

Remuneration

8. A member of the Commission shall be paid such remuneration and allowances as the Yang di-Pertuan Agong may determine.

Vacation of office

9. The office of a member of the Commission shall be vacated—

(a) if he dies;

(b) if there has been proved against him, or he has been convicted on, a charge in respect of—

(i) an offence involving fraud, dishonesty or moral turpitude;

(ii) an offence under any law relating to corruption; or

- (iii) any other offence punishable with imprisonment or fine of not more than two thousand ringgit;
- (c) if he becomes a bankrupt;
- (d) if he is of unsound mind or is otherwise incapable of discharging his duties;
- (e) if he absents himself from three consecutive meetings of the Commission without leave of the Commission;
- (f) if he is elected or appointed as a member of a House of Parliament or the State Legislature of any State;
- (g) if his resignation has been accepted by the Yang di-Pertuan Agong;
- (h) if his appointment has been revoked by the Yang di-Pertuan Agong; or
- (i) if his term of appointment has expired.

Meetings

- 10.** (1) The Commission shall meet at least twice a month or as often as may be necessary for the performance of its functions.
- (2) The Chairman shall preside at all meetings of the Commission.
- (3) The quorum of a meeting of the Commission shall be five.
- (4) Every member of the Commission present shall be entitled to one vote and if on a question to be determined by the Commission there is an equality of votes, the Chairman shall have a casting vote.
- (5) The Commission shall cause minutes of all its meetings to be maintained and kept in a proper form.

(6) The Commission may invite any person or any representative from the police force to attend its meeting for the purpose of advising the Commission on any matter under discussion but that person shall not be entitled to vote at the meeting or be present during the making of a decision.

(7) The Commission shall regulate its own proceedings.

Temporary exercise of functions of Chairman

11. Notwithstanding subsection 10(2), where the Chairman is for any reason unable to perform his functions, or during any period of vacancy in the office of the Chairman, the Deputy Chairman or, if he is unavailable, any member of the Commission appointed by the other members, shall perform the functions of the Chairman.

Disclosure of interest

12. A member of the Commission having, directly or indirectly, by himself, a member of his family or his associate, any interest in any matter under discussion by the Commission or in any discussion on a misconduct under this Act before the Commission, shall disclose to the Commission the fact and nature of his interest and such disclosure shall be recorded in the minutes or notes of the discussion on the misconduct and the member of the Commission shall recuse himself from taking part in such discussion or in the making of any decision by the Commission relating to, the misconduct.

Delegation of functions and powers of Commission

13. (1) The Commission may delegate its functions and powers—

- (a) to any member of the Commission;
- (b) to any committee; or
- (c) to any member of the police force.

(2) A member of the Commission, a committee or a member of the police force delegated with such functions and powers under subsection (1) shall be bound to observe and have regard to all conditions and restrictions imposed by the Commission and all requirements, procedures and matters specified by the Commission, relating to such delegation.

(3) Any function and power delegated under this section shall be performed and exercised in the name and on behalf of the Commission.

(4) A delegation under this section shall not preclude the Commission from itself performing or exercising at any time any of the delegated functions and powers.

PART III

ADMINISTRATION

Secretary

14. (1) The Commission shall have a Secretary who shall be the chief executive officer of the Commission.

(2) The Secretary shall be appointed by the Commission who shall be an officer of the Commission.

(3) The Secretary shall be appointed on such terms and shall have such functions as the Commission may determine.

Temporary exercise of functions of Secretary

15. The Commission may appoint any officer of the Commission to act temporarily as the Secretary during any period when—

(a) the office of the Secretary is vacant;

(b) the Secretary is absent from duty or from Malaysia; or

(c) the Secretary is, for any other reason, unable to perform the duties of his office.

Officers

16. (1) There shall be appointed such number of officers of the Commission as may be necessary to assist the Commission in discharging its functions and exercising its powers effectively and efficiently and for the purpose of carrying into effect the provisions of this Act.

(2) The Commission may appoint any officers from any government agency on secondment basis to be its investigators.

(3) The Commission may appoint such number of legal officers as may be necessary who shall be seconded from amongst officers of the Judicial and Legal Service or appointed from amongst advocates and solicitors to assist the Commission.

(4) An officer of the Commission having directly or indirectly, by himself, a member of his family or his associate, any interest or connection to a member of the police force under investigation by the Commission shall disclose his interest or connection forthwith to the Chairman and shall not be involved in any investigation conducted by the Commission as regards that member of the police force.

Consultants

17. (1) The Commission may engage any person, including retired or former members of the police force, on such terms as the Commission may impose, as consultants or to perform such services as the Commission thinks appropriate.

(2) A person engaged under subsection (1) having directly or indirectly, by himself, a member of his family or his associate, any interest or connection to a member of the police force under investigation by the Commission shall disclose his interest or connection forthwith to the Chairman and shall not be involved in any investigation conducted by the Commission as regards that member of the police force.

Committees

18. (1) The Commission may establish such committees to assist it in the performance of its functions under this Act.

(2) The Commission may elect any of its members to be the chairman of a committee.

(3) The Commission may appoint any members or officer of the Commission to be a member of any committee.

(4) A committee shall be subject to and act in accordance with any direction given to the committee by the Commission.

(5) The Commission may at any time discontinue or alter the constitution of a committee.

(6) A member of a committee shall be paid such allowances as the Prime Minister may determine.

Authority card

19. (1) For the purposes of this Act, an authority card shall be issued to a member and an officer of the Commission.

(2) The authority card shall be signed by the Chairman of the Commission and such card shall be *prima facie* evidence of the appointment under this Act.

(3) A member or an officer of the Commission acting under this Act shall, on demand, declare his office and produce to the person against whom he is acting or from whom he seeks any information the authority card issued to him.

Use of staff or facilities of government department, etc.

20. (1) The Commission may request and arrange for the use of the services of—

- (a) any staff or facilities of a government department or a local or statutory authority; or

- (b) any government officer including a member of the police force to cooperate with, or assist in the exercise of its duties, or to assist the Commission in the performance of its functions under this Act.

(2) It shall be the duty of the government departments or local or statutory authority or government officer referred to in subsection (1) to comply with a request under that subsection.

Cooperation with other agencies

21. (1) The Commission may, in exercising its functions, work in cooperation with other enforcement agencies, any Federal or State government department, or any person or body, as the Commission thinks appropriate.

(2) The Commission may consult with, and disseminate information to, other enforcement agencies, any Federal or State government department, or any person or body as the Commission thinks appropriate.

(3) Any information disseminated under this section shall be treated as confidential, and any person or body who received such information shall be subject to the secrecy provisions of section 44 in relation to the information.

PART IV

COMPLAINT OF MISCONDUCT

Scope of misconduct

22. (1) The Commission may receive or deal with complaints against any member of the police force referred to it, on the following misconduct:

- (a) any act or inaction which is contrary to any written law;
- (b) non-compliance of rules and standard operating procedure of the police;

- (c) any act or inaction which is unreasonable, unjust, oppressive or improperly discriminatory;
- (d) any act or inaction which is committed on improper motives, irrelevant grounds or irrelevant consideration;
- (e) omission to provide grounds in cases where grounds should have been provided; and
- (f) the commission of any criminal offence by a member of the police force.

(2) Notwithstanding subsection (1), misconduct shall not include any act regulated under sections 96 and 97 of the Police Act 1967 [*Act 344*].

Complaints Committee

23. The Commission shall establish a Complaints Committee which shall consist of such number of officers of the Commission.

Complaint against police

24. (1) Any complaint made by any person against the police force or a member of the police force shall be made in writing and be addressed to the Complaints Committee.

(2) Where any complaint against the police force or a member of the police force is made by any person directly to the Head of Department, the Head of Department shall immediately refer such complaint to the Complaints Committee.

(3) The Complaints Committee shall deliberate on the complaint received and decide on the classification of such complaints as specified in section 25.

(4) In this section, "Head of Department" means any member of the police force charged with such control as is provided for in section 6 of the Police Act 1967.

Classification of complaints

25. The classification of complaints shall be as follows:

- (a) where the complaint involves any offence under Part IV of the Malaysian Anti-Corruption Act 2009 [Act 694], the complaint shall be referred to the Malaysian Anti-Corruption Commission;
- (b) where the complaint involves any criminal offence under any other written law, the complaint shall be referred to the relevant authority;
- (c) where the complaint involves any misconduct mentioned in section 22, the complaint shall be referred to any officer of the Commission for investigation; and
- (d) where—
 - (i) the complaint is frivolous, vexatious or not made in good faith, or the subject matter of the complaint is trivial;
 - (ii) the misconduct complained of occurred at too remote a time to justify an investigation;
 - (iii) there is or was available to the complainant an alternative and satisfactory means of redress;
 - (iv) the subject matter of the complaint has been finally determined by any court or is the subject matter of any proceedings pending in any court, including any appeal proceedings; or
 - (v) the complaint is repetitious and contains no fresh allegation which would significantly affect the content of the complaint,

the Complaints Committee shall recommend to the Commission to reject the complaint.

PART V

INVESTIGATION POWERS

Power to examine persons

26. (1) An officer of the Commission may, in conducting any investigation under this Act, by a written notice—

